

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 52 Khamis 20 November 2014

## KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman	1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman	24)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>		
Rang Undang-undang Perbekalan 2015		
<b><u>Jawatankuasa:-</u></b>		
<b><u>Jadual:-</u></b>		
Maksud B.21	(Halaman	25)
Maksud B.43	(Halaman	68)
<b>USUL-USUL:</b>		
Usul Anggaran Pembangunan 2015		
<b><u>Jawatankuasa:-</u></b>		
Maksud P.21	(Halaman	25)
Maksud P.43	(Halaman	68)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

**Khamis, 20 November 2014**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan strategi kementerian bagi mengatasi situasi setiap lima tahun di mana inventori global bagi minyak masak termasuk minyak kacang soya, minyak jagung dan sawit akan meningkat berikutan pengeluaran berlebihan. Apakah langkah yang telah dan bakal dirangka oleh kementerian bagi mengatasinya.

**Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Dato' Noriah binti Kasnon]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam 1Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat Jerlun. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat buat masa ini terdapat sebanyak 17 jenis minyak sayuran dan lelemak dunia yang dihasilkan dan diperdagangkan. Ini termasuk minyak sawit dan minyak isirung sawit. Inventori global minyak dan lemak ini tidak mengikut satu trend yang tetap, sama ada menyukat atau menurun setiap lima tahun sekali. Ianya banyak bergantung kepada antara lain penawaran untuk pengeluaran dan juga permintaan iaitu penggunaan dunia. Oleh yang demikian tidak dapat dipastikan bahawa inventori ini menaik atau menurun setiap lima tahun. Perkara yang sama juga berlaku dalam kes *inventory* minyak sawit dunia.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu dalam keadaan pengeluaran yang berlebihan ini mungkin menyumbang kepada kelebihan stok. Dalam kes minyak sawit, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi akan sentiasa memastikan inventori minyak sawit berada di paras di antara 1.6 juta tan sehingga 2.1 juta tan sebulan yang merupakan pengeluaran purata sebulan.

Ini dilaksanakan melalui langkah-langkah berikut termasuk:

- (i) meningkatkan penggunaan minyak sawit dalam negara melalui pelaksanaan Program B7 daripada B5 ke B7 iaitu adunan 7% bio bahan api sawit dengan 93% diesel petroleum. Pelaksanaan Program B7 di sektor bersubsidi dijangka akan dapat meningkatkan

penggunaan minyak sawit dalam negara sebanyak 575,000 tan setahun;

- (ii) meneruskan aktiviti-aktiviti promosi untuk memperkuuhkan pasaran eksport yang sedia ada dan meninjau potensi pasaran-pasaran baru. Ini termasuk memeterai kawasan Perjanjian Perdagangan Bebas atau *Free Trade Area (FTA)* dengan izin dengan negara-negara berpotensi bagi menangani halangan-halangan tarif dan bukan tarif serta memudahkan fleksibiliti kemasukan pasaran; dan
- (iii) memperkuuhkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan dalam menghasilkan produk-produk baru untuk tujuan makanan dan bukan makanan.

Sebagai langkah jangka pendek kerajaan mulai 4 September 2014 telah pun memberikan pengecualian duti eksport ke atas minyak sawit mentah bagi tempoh September hingga Disember 2014. Tujuannya adalah untuk membantu meningkatkan eksport dan seterusnya meningkatkan stok dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perusahaan, Perdagangan dan Komoditi akan meneruskan langkah-langkah untuk meningkatkan eksport produk-produk sawit negara di samping memastikan inventori minyak sawit dalam negara pada satu masa tidak berada pada paras yang membimbangkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sedar bahawa dalam ekonomi global yang Malaysia berada ketika ini minyak sawit juga tertakluk kepada pesaing-pesaingnya seperti minyak soya, jagung dan juga minyak matahari ataupun *sunflower*. Jadi *level inventory* dan juga permintaan serta penawaran akan menetapkan kadar ataupun harga yang ditawarkan. Jadi untuk dalam industri minyak sawit kita mempunyai dua pihak. Pertamanya ialah pihak penanam ataupun *the planters* yang memang kalau boleh itu hendak harga setinggi yang mungkin. Akan tetapi pihak pengguna, pengguna ini sama ada hendak makan ataupun jenis-jenis barang yang lain kalau boleh itu hendak pula harga yang serendah mungkin. Akan tetapi di Malaysia sudah tentulah kenaikan dan penurunan harga ini juga dibantu oleh subsidi kerajaan yang lebih 80 sen bagi setiap kilo.

Jadi masalahnya ialah untuk *strike the right equilibrium* jadi sudah tentulah dengan cara usaha-usaha yang dibuat kerajaan seperti dalam bidang R&D, mengeluarkan biodiesel dan juga cara kerajaan membuat menghapuskan cukai eksport dan sebagainya akan menentukan kadar harga yang akan ditentukan. Cuma Yang Berhormat Menteri soalan tambahan saya ialah terdapat macam satu trend baru dalam tempoh dua minggu kebelakangan ini antara 1 November sehingga 15 November 2014, eksport sawit ke negara India dilihat macam turun dari segi *volume* tetapi ke China pula meningkat. Jadi apakah trend ini boleh berlaku dalam jangka masa tersebut? Terima kasih.

**Dato' Noriah binti Kasnon:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jerlun sahabat saya yang begitu prihatin tentang kedudukan eksport minyak sawit ke luar negara.

Sebagaimana semua maklum prinsip ekonomi kebanyakan atau hampir semua harga komoditi ini memang dipengaruhi oleh penawaran dan juga permintaan, *demand and supply* Tuan Yang di-Pertua.

■1010

Melihat contoh yang disebutkan oleh Yang Berhormat Jerlun sebentar tadi, seperti biasa kita mengguna kita hendak harga yang murah, kita hendak harga turun tetapi kita yang mengeluarkan, memproses pastinya hendak satu harga yang cukup menarik. Walau bagaimanapun, yang terbaik adalah harga yang stabil, yang agak konsisten supaya dapat mengurangkan spekulasi dan sebagainya.

Menyentuh tentang dua negara yang disebutkan tadi, nampaknya Yang Berhormat memang ambil maklum tentang perkembangan semasa. Di mana walaupun memang secara keseluruhannya negara China memang menjadi pengimpor minyak sawit utama kita yang terbesar, selepas itu India, akan tetapi ada turun naik. Cuma dalam dua minggu yang disebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua, memang jelas menampakkan penurunan yang ketara ke atas India dan peningkatan yang ketara ke atas eksport ke negara China.

Ini antara sebabnya Tuan Yang di-Pertua adalah apabila penurunan import kacang soya oleh negara China. Apabila negara China melihat harga minyak sawit agak rendah, mereka telah membeli dengan agak banyak, salah satunya juga untuk tujuan persediaan untuk musim sejuk Tuan Yang di-Pertua. Begitu juga untuk India, negara India pula melihat penurunan sebanyak lebih 11% ke atas import minyak sawit kita. Antaranya juga adalah kerana India mempunyai penawaran minyak pilihan, minyak sayuran yang lain selain daripada kelapa sawit dan mereka telah membeli dengan jumlah yang agak besar. Salah satunya untuk tujuan persediaan sambutan Deepavali ketika itu, Tuan Yang di-Pertua. Itu antara sebab-sebab yang boleh saya sebutkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang kita maklum, kempen anti sawit ini cukup kuat terutama di negara-negara Eropah dan Perancis. Jadi, apakah tidak ada usaha yang dilakukan oleh pihak kementerian dengan kita membawa saintis kita dan juga melalui kajian yang saintifik untuk kita buktikan kepada negara tersebut bahwasanya minyak sawit ini minyak yang selamat dari segi keselamatan, dari segi kesihatan.

Seperti mana yang kita maklum juga, kerana masyarakat di sana masyarakat yang menerima dari segi pembuktian. Kalau kita dapat buktikan dengan cara saintifik maka sudah tentu soal untuk kita memasarkan minyak kelapa sawit ini tidak menjadi masalah. Sebab itu persoalan saya ialah apakah usaha yang dilakukan dengan secara teratur dan drastik melalui kajian-kajian yang dibuat oleh saintis kita kepada negara tersebut. Sekian, terima kasih.

**Dato' Noriah binti Kasnon:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat yang telah menanyakan soalan yang juga sangat dekat dengan penurunan atau kenaikan jumlah eksport kita ke luar negara. Sebenarnya, kempen-kempen anti sawit oleh kumpulan-kumpulan

NGO ini, badan-badan bukan kerajaan ini memang pada mulanya agak banyak, agak merisaukan kita terutamanya di Kesatuan Eropah, di Perancis misalnya.

Akan tetapi, kita telah mengambil beberapa langkah dan strategi untuk menangkis tohmahan-tohmahan tersebut, termasuklah dengan membuktikan secara saintifik, manfaat kandungan minyak kelapa sawit tersebut, yang lemparan fitnah ke atas kandungan minyak sawit kita seperti mengandungi *trans fat* dengan izin yang jahat, yang tidak memberi manfaat kepada tubuh badan dan kesihatan dan sebagainya.

Satu lagi juga kita secara berterusan Yang Berhormat, secara konsisten meneruskan misi-misi perdagangan kita, misi-misi penjelasan kita kepada negara-negara yang terlibat, negara-negara yang berkenaan sepanjang masa, sama ada melalui perjalanan trip, misi perdagangan oleh Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri ataupun pegawai-pegawai kanan kementerian dan MPOB sendiri. Pihak Majlis Kelapa Sawit Malaysia (MPOC) yang memang bertanggungjawab terhadap menangkis, hendak mempromosi dan menangkis kempen-kempen anti sawit ini juga berterusan menggunakan peruntukan tahunan. Walaupun dalam Bajet 2015 kita dapat melihat penurunan jumlah ke atas kewangan untuk tujuan ini, untuk kepala kempen anti sawit ini dan promosi-promosi, tetapi pihak MPOC dan MPOB mempunyai sumber dana yang lain seperti melalui akses. Misalnya sebanyak RM40 juta lebih kurang untuk tujuan menampung tambahan tujuan tersebut.

Satu lagi antara langkah yang telah diambil oleh pihak MPOC ini Tuan Yang di-Pertua adalah sedang mengkaji dan akan mengambil tindakan undang-undang di Mahkamah Perdagangan di negara-negara di mana minyak sawit kita terbukti mengalami diskriminasi seperti di sebuah pasar raya di Perancis, pasar raya kasino yang telah mengedarkan atau pun melabelkan makanan-makanan tertentu dengan label *no palm oil* yang memberi impak negatif kepada produk kelapa sawit kita.

Selain daripada itu juga, pihak kementerian mengkaji peruntukan-peruntukan di bawah Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) mengenai isu-isu ini dan akan menggunakan peruntukan yang ada untuk menangani bersama-sama. Pihak MPOC juga meneruskan dengan usaha-usaha menyertai seminar-seminar termasuklah menemui kumpulan-kumpulan Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Politik di sebelah Eropah sana untuk memberi penjelasan yang sebenar-benarnya tentang kebaikan minyak sawit ini. Keadaan semakin reda dan *alhamdulillah* saya kira potensi untuk pulih tentang pasaran atau pun produk daripada minyak sawit Malaysia ke negara luar akan semakin baik Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**2. Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan tindakan terhadap syarikat yang tidak melaksanakan gaji minimum yang telah dilaksanakan serta jumlah syarikat yang telah diambil tindakan atas kesalahan tersebut.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak, terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat. Sebelum itu Tuan

Yang di-Pertua izinkan saya untuk mengalu-alukan kehadiran pegawai dan kakitangan Jabatan Pendidikan Daerah Maran, kawasan saya dan lain-lain tetamu.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya untuk makluman Dewan yang mulia ini seperti juga GST, GST 160 buah negara telah melaksanakan GST kerana GST ini baik untuk negara dan rakyat. Sementara gaji minimum daripada 190 buah negara di dunia, 90% lebih telah melaksanakan gaji minimum dan Malaysia salah sebuah negara yang melaksanakan gaji minimum berkuat kuasa mulai 1 Januari 2014 secara penguatkuasaan, walaupun akta itu diawalkan.

Dalam perbezaan di ASEAN ini, negara kita ialah negara yang memberikan gaji minimum yang terbaik berbanding dengan negara-negara lain kecuali Singapura dan Brunei kerana mereka tidak ada gaji minimum, ini kerana gaji mereka sudah tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia juga, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia boleh mengambil tindakan pendakwaan terhadap mana-mana majikan yang enggan mematuhi perintah gaji minimum 2012. Di bawah seksyen 43, Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732), di mana di Semenanjung ditetapkan sebanyak RM900 dan di Sabah dan Sarawak serta Labuan ditetapkan sebanyak RM800.

Jika sabit kesalahan di bawah seksyen akta ini, majikan boleh didenda sehingga RM10,000 bagi setiap pekerja. RM10,000 bukan kecil Tuan Yang di-Pertua. Sekiranya kesalahan dilakukan secara berterusan, majikan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM1,000 setiap hari. Maknanya kalau tidak bayar juga, tiap hari kita akan denda dia RM1,000 setiap pekerja, selepas sabit kesalahan.

## ■1020

Manakala bagi kesalahan berulang, maknanya sudah kita denda dia, kemudian dia ulang lagi walaupun dia sudah buat. Kesalahan berulang, majikan boleh didenda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun. Sehingga 30 September 2014, sebanyak 40 kes pendakwaan ke atas majikan yang gagal mematuhi perintah ini telah dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuala Langat. Dalam masa yang sama, manapun pekerja yang masih belum menerima bayaran gaji minimum, Perintah Gaji Minimum 2012 boleh membuat tuntutan terhadap majikan melalui Tuntutan Kes Buruh di bawah seksyen 69 Akta Kerja 1955 [Akta 265], tuntutan yang kes tersebut akan dibicarakan. Sekiranya majikan gagal membuktikan bayaran gaji minimum telah dibuat kepada pekerja yang menuntut, perintah akan dikeluarkan kepada majikan agar membayar tunggakan gaji yang dituntut. Sehingga kini, sehingga 31 Oktober 2014, Jabatan Tenaga Kerja Kementerian Sumber Manusia telah mengendalikan sebanyak 970 tuntutan kes buruh berkaitan kegagalan majikan mematuhi perintah gaji minimum. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, tanpa melengah waktu. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kementerian untuk mengetatkan, menguatkan Akta Gaji

Minimum 2012 seperti rujukan kes Hotel Crystal Crown lawan Kesatuan Pekerja Hotel Malaysia yang mencabar definisi gaji pokok dengan memasukkan *service point* dalam gaji minimum ke mahkamah. Walaupun di Mahkamah Perusahaan, Crystal Crown kalah, tetapi mereka telah pun merujuk ke Mahkamah Tinggi, langkah mengetarkan dan menguatkan akta ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya daripada Kuala Langat. Dia ini Tuan Yang di-Pertua, memang sama dengan saya, membela rakyat. Cuma kalau dia berada sama dengan saya, alangkah baiknya. Akan tetapi dia berada di belah sana, tidak apalah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kita serius, kementerian cukup serius dalam menguatkuasakan pelaksanaan gaji minimum ini. Sebenarnya sekarang ini selepas dua tahun pelaksanaan gaji minimum ini, *revision* ataupun kajian semula sedang dibuat oleh Majlis Perundingan Gaji Minimum dan Jawatankuasa Teknikal Gaji Minimum yang dianggotai oleh pakar-pakar tentang gaji minimum ini. Seperti mana saya lihat, Yang Berhormat juga tahu bahawa tidak ada majikan boleh memasukkan, gaji minimum ialah gaji asas yang mesti dibayar, RM900, RM900.

Ia tidak boleh ada kalau sebelum ini ada elauan yang dimasukkan, diserapkan dalam gaji minimum, tidak boleh. Ia adalah gaji asas. Jadi sebab itulah, oleh kerana kes ini kes mahkamah, saya tidak mahu beri komen yang lebih tentang perkara ini, biar mahkamah menentukan. Akan tetapi peraturan, akta amat jelas menyatakan walaupun ada perundingan antara majikan dengan pekerja.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, serius tidak serius kita, bagaimana tindakan yang telah pun kita ambil. Pemeriksaan berkanun yang telah pun kita buat sehingga kini termasuk di Sabah, Sarawak dan Semenanjung ialah 32,965. Majikan yang sudah patuh bayar gaji ialah 32,439, 98%. Kemudian kalau kita lihat kes tuntutan buruh berkaitan gaji minimum sehingga 31 Oktober, di Semenanjung kita ada 886 kes difailkan, Sabah – 37 kes, Sarawak – 47 iaitu 970 kes semua sekali.

Kes selesai sebanyak 211, kes dalam tindakan sebanyak 759 iaitu 78%. Amaun tuntutan yang perlu dibayar oleh majikan melalui keputusan ini ialah RM16,941,000, maknanya banyak. Jadi, kita akan kembalikan duit-duit ini kepada pekerja-pekerja yang layak mendapat gaji minimum. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu kebanyakan pekerja dalam negara kita ini takut sebenarnya hendak buat laporan berhubung dengan majikan ini. Soalan saya, apakah jaminan perlindungan kerajaan terhadap pekerja yang tampil membuat aduan berhubung majikan yang membayar gaji di bawah paras gaji minimum ini, serta langkah kerajaan dalam mendidik warga pekerja ini untuk mengetahui hak mereka serta tampil membuat laporan jika ada kesalahan di peringkat majikan.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sekijang atas keprihatinan. Tuan Yang di-Pertua, kita kementerian dan kerajaan

cukup serius. Jadi sebab itulah saya sering menyebut akta-akta yang ada di mana sahaja di dalam negara kita, di Kementerian Sumber Manusia kita ada lebih daripada 20 akta. Kita hendak bukan sahaja kementerian yang memahami akta ini, tetapi pekerja juga harus memahami sebab itulah *union*, kesatuan sekerja mestilah memberikan pendedahan kepada ahli-ahli mereka tentang apa faedah, apa kepentingan, apa perlindungan yang boleh mereka dapat melalui akta-akta ini.

Bagi saya Yang Berhormat Sekijang, kita akan serius. Beritahu saya, saya akan serius dalam melaksanakan tindakan ini. *Alhamdulillah* hari ini beberapa aduan yang telah dikemukakan kepada kita, kita telah dapat selesaikan dan mereka mengucapkan terima kasih kepada kita atas jasa yang telah diusahakan oleh kerajaan ini. *Insya-Allah* Yang Berhormat Sekijang, terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua.

**[Soalan No. 3 – Y.B. Datuk Madius bin Tangau (Tuaran) tidak hadir]**

**4. Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]** minta Menteri Kewangan menyatakan apa rancangan kerajaan terhadap laporan KWSP bahawa 69% pencarum KWSP berumur 54 tahun mempunyai simpanan kurang daripada RM50,000 dan tidak mencukupi untuk menyara hidup selepas beberapa tahun bersara.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Mertajam. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) merupakan sebuah institusi keselamatan sosial yang ditubuhkan di bawah Undang-undang Malaysia, Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*Akta 452*] yang menyediakan faedah persaraan kepada ahlinya melalui pengurusan simpanan mereka secara cekap. KWSP juga menyediakan sistem yang mudah bagi memastikan para majikan memenuhi tanggungjawab undang-undang serta kewajipan mereka untuk mencarum kepada KWSP bagi pihak pekerja.

Ahli-ahli KWSP terdiri daripada pekerja sektor swasta dan pekerja tidak berpencen sektor awam. Sehingga September 2014, KWSP mempunyai seramai 14.11 juta ahli. Bilangan ahli aktif dan masih mencarum ialah seramai 6.59 juta orang. Bilangan majikan aktif pula ialah seramai 528,369. Secara umumnya, simpanan majoriti ahli adalah kecil kerana ia bergantung pada kadar upah gaji di Malaysia. Untuk makluman, kadar caruman KWSP Malaysia adalah kelima paling tinggi di dunia iaitu 24% daripada gaji pekerja yang mana majikan mencarum 13% dan pekerja sebanyak 11%. Negara lain yang tertinggi ialah Singapura – 35%, China – 30%, Greece – 29%, Sepanyol – 28% dan kelima daripada 194 buah negara dalam dunia, Malaysia – 24%.

Setakat hari ini, KWSP telah memperkenalkan langkah-langkah berikut untuk meningkatkan simpanan persaraan:

- (i) meningkatkan peratusan simpanan untuk persaraan daripada 60% kepada 70% mulai 1 Januari 2007 dibandingkan dengan akaun dua yang boleh dikeluarkan pada bila-bila masa diturunkan daripada 40% kepada 30%;

- (ii) simpanan asas iaitu sejumlah simpanan persaraan pada umur tertentu sehingga mencapai RM196,800 sebagai amaun minimum ahli perlu ada dalam akaun KWSP mereka menjelang umur 55 tahun mulai 1 Januari 2014;

**■1030**

- (iii) Ahli diwajibkan mencarum untuk persaraan jika mereka masih bekerja antara umur 55 tahun sehingga umur 75 tahun dengan mulai 1 Februari 2008. Sebelum ini, ahli dan majikan tidak diwajibkan mencarum selepas ahli mencapai umur 55 tahun;
- (iv) Ahli tidak perlu membuat pengeluaran simpanan secara sekali gus pada umur 55 tahun. Mereka boleh memilih untuk membuat pengeluaran secara bulanan sebahagian atau dividen tahunan sahaja. Baki simpanan yang ada dalam akaun akan mendapat dividen. Kemudahan ini telah diperkenalkan mulai 1 November 2007;
- (v) Pasangan dan anak boleh menambah simpanan ke dalam akaun ahli mulai 1 Julai 2008, jumlah tanpa had, minimum RM50;
- (vi) Kerajaan Malaysia telah memberikan caruman padanan iaitu subsidi. Subsidi caruman maksimum RM120 setahun kepada golongan pekerja sendiri yang tidak mempunyai majikan untuk menggalakkan mereka menyimpan di KWSP mulai 1 Januari 2010 hingga tahun 2017;
- (vii) Dengan wujudnya undang-undang berkaitan gaji minimum, caruman KWSP untuk ahli yang berpendapatan rendah telah dapat ditingkatkan mulai 1 Januari 2013 berkuat kuasa 1 Januari 2014;
- (viii) Caruman majikan telah dinaikkan sebanyak 1% untuk pekerja yang berpendapatan RM5,000 sebulan atau kurang mulai 1 Januari 2012 daripada 12% kepada 13%;
- (ix) Dengan wujudnya undang-undang umur persaraan minimum, ahli boleh terus bekerja dan mencarum sehingga umur 60 tahun mulai 1 Jun 2013; dan
- (x) KWSP telah menyediakan khidmat nasihat persaraan secara percuma kepada ahli mulai Ogos 2014. Ahli boleh datang ke pejabat KWSP untuk mendapatkan nasihat cara-cara menambah dan mengurus simpanan supaya bertahan lama. Perkhidmatan ini dalam tempoh ujian rintis di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Ia akan diperluaskan secara berperingkat ke seluruh negara mulai tahun hadapan.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, ahli dinasihatkan agar mempunyai sumber pendapatan dan simpanan persaraan selain KWSP bagi mengelak risiko pergantungan kepada satu sumber pendapatan persaraan sahaja. Ahli juga dinasihatkan mencontohi amalan pekerja di negara maju iaitu terus bekerja untuk meningkatkan ekonomi keluarga dan negara selepas

mencapai umur persaraan minimum, terus menyimpan untuk persaraan dan menangguhkan pengeluaran persaraan sehingga diperlukan. Terima kasih.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan saya ucapkan tahniahlah kepada KWSP kerana melaksanakan ataupun merancang untuk melaksanakan sepuluh langkah tersebut. Berikut dengan jawapan yang diberi oleh Menteri, izinkan saya juga bertanya dan saya tertarik dengan nasihat Menteri untuk ahli-ahli ataupun pekerja untuk mengambil iktibar daripada pekerja-pekerja negara maju dan saya harap kerajaan juga boleh mengambil iktibar daripada kerajaan-kerajaan negara-negara maju termasuklah adakah kerajaan merancang untuk mengambil satu lagi langkah ke depan.

Yang saya maksudkan ialah pengenalan satu akta baru untuk gantikan Akta Umur Persaraan Minimum 2012 di mana warga emas boleh terus memilih untuk bekerja sehingga umur 65 tahun dan hak-hak mereka sebagai pekerja haruslah diselaraskan bersesuaian dengan konteks umur warga emas dan saya ambil contoh di sini, *Retiredable and Reemployment Act of Singapore* yang boleh kita jadikan sebagai satu modal perundangan baru ini. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih atas cadangan itu. Kita akan mengambil perhatian terhadap cadangan yang diberikan.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tuan Yang di-Pertua, Lumut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Gudang. Suara wanita.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Umum mengetahui bahawa bagi mereka yang mencarum di dalam KWSP merupakan akan menggunakan wang ini sebagai melalui hari-hari mereka selepas usia mereka bersara dan tidak bekerja lagi. Jadi yang ingin ditekankan di sini ialah tentang kita sedia maklum mereka ini tidak dapat merancang dengan baik bagi memastikan wang persaraan mereka itu dapat digunakan dengan sebaiknya.

Jadi apakah mekanisme yang pihak kerajaan fikirkan perlu untuk mendidik terutamanya warga swasta ini bagi mereka merancang kewangan mereka dengan sebaiknya supaya mereka tidaklah mempunyai masalah-masalah kewangan sebaik sahaja mereka dapat duit KWSP mereka dan membelanjakannya. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Saya ingin berkongsi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Simpanan ahli pada umur 54 tahun pada 2014 yang dijangka akan dikeluarkan pada tahun hadapan, terdapat 233,299 orang akan mencapai umur 55 tahun yang sekarang ini menjadi ahli KWSP pada tahun hadapan.

Jumlah Simpanan (RM)	Bilangan Ahli KWSP	Peratusan (%)
Kurang 50,000	161,263	69
50,000 – 100,000	26,898	11.5
100,001 – 200,000	24,552	10.5
200,001 – 300,000	9,182	3.9
300,001 – 400,000	4,113	1.8
400,001 – 500,000	2,285	1
500,001 – 1,000,000	3,675	1.6
Lebih 1,000,000	1,331	0.6

Kerajaan sedang memikirkan oleh kerana umur rakyat Malaysia ini purata lebih kurang 75 tahun umur. Lepas 75 tahun itu kira bonuslah kalau kita hidup lagi. Jadi umur yang boleh dikeluarkan KWSP ini, umur 55 tahun bererti ada 20 tahun untuk mereka hidup itu apakah agaknya yang patut dilakukan dan ini sedang diperhatikan dan diteliti dan akan dibuat cadangan-cadangan yang tertentu oleh KWSP untuk membantu sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Pasir Gudang tadi, anggaran kita RM820 adalah pendapatan garis kemiskinan sebulan, RM820 kita kalikan dengan 240 bulan atau 20 tahun, mereka memerlukan lagi tambahan pendapatan RM196,800 untuk hidup selama 20 tahun dengan pendapatan RM820, anggaran.

Oleh kerana itu, antara beberapa perkara yang kita sedang laksanakan, yang saya sebut 1 Januari 2010 hingga 2017, masih ada lagi beberapa tahun ini, sesiapa yang mencarum walaupun mereka golongan bekerja sendiri tak ada majikan, siapa-siapa yang mencarum dan setiap carumannya itu kerajaan akan beri RM120 setahun maksimum. Kalau mereka mencarum RM50, kerajaan bagi RM5 iaitu 10% subsidi. Kalau dia mencarum RM100, kerajaan bagi RM10 iaitu 10% subsidi kepada mereka yang tidak ada majikan tetapi ingin mencarum ke dalam KWSP. Ini adalah satu contoh yang baik yang kita berikan dan kita tahu bahawa dividen KWSP ini sentiasa naik. Tahun 2009 – 5.65% dividen. Tahun 2010 – 5.8% dividen. Tahun 2011 – 6% dividen, sentiasa naik. Tahun 2012 – 6.15% dividen. Tahun 2013 – 6.25% dan 2014 ini Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan lebih daripada 6.35%.

Kita juga ingin memaklumkan bahawa tabungan aset KWSP Malaysia ini adalah satu tabungan yang besar dan tabungan ini jika kita banding dengan negara-negara lain, ia adalah amat besar. RM597 bilion tabungan KWSP, RM597 bilion tabungan.

#### ■1040

Ia adalah dana tempatan yang paling besar saiz asetnya di negara Malaysia RM597 bilion. Negara yang paling besar dalam dunia ini ialah:

- (i) Jepun;
- (ii) Norway;
- (iii) Korea Selatan;
- (iv) Singapura;

- (v) Kanada;
- (vi) China; dan
- (vii) Malaysia;

Malaysia yang paling tinggi tabungan KWSP dari 194 buah negara dalam dunia. Inilah baiknya Kerajaan Barisan Nasional menjaga wang rakyat. [Tepuk]

**5. Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi]** minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan mempunyai pelan strategik untuk mengatasi masalah kesukaran pembeli untuk mendapatkan pinjaman pembelian rumah dari pihak bank.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** *Bismillahi Rahmani Rahim*, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada soalan. Izinkan saya untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat Kota Tinggi dan Yang Berhormat Ketereh. Soalan nombor 39 secara serentak memandangkan ia ada berkaitan perkara yang sama.

Sebagaimana yang sedia maklum Program Perumahan Mampu Milik yang dilaksanakan oleh Perbadanan PR1MA Malaysia menasarkan golongan yang berpendapatan seisi rumah di antara RM2,500 sehingga RM10,000 sebulan. Kajian yang dijalankan oleh PR1MA mendapati bahawa di antara masalah utama yang dihadapi oleh kumpulan sasar untuk memiliki sesbuah kediaman adalah keupayaan mereka dalam menyediakan bayaran pendahuluan dan bayaran-bayaran awal yang lain. Menyedari hakikat ini, PR1MA telah bertindak dengan merangka satu pakej pinjaman perumahan berupaya mengatasi masalah tersebut dan sekali gus meningkatkan akses kepada pemilikan perumahan di Malaysia.

Oleh yang demikian, beberapa institusi kewangan telah bersetuju untuk menawarkan pakej perumahan PR1MA dengan kemudahan pinjaman sehingga maksimum 110% bagi rumah-rumah PR1MA. Melalui kemudahan ini, para pembeli tidak lagi terbeban untuk menyediakan bayaran awalan seperti wang pendahuluan, yuran khidmat guaman, duti setem dan sebagainya. Sehingga kini terdapat tiga buah institusi kewangan yang telah bersetuju untuk turut serta menawarkan pakej perumahan ini iaitu Maybank Berhad, CIMB Bank Berhad serta Malaysia *Building Society* Berhad (MBSB).

Pihak PR1MA masih berusaha untuk mendapatkan penglibatan institusi-institusi kewangan yang lain untuk menawarkan pakej pinjaman ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PR1MA juga telah membangunkan satu bentuk kemudahan yang berupaya mengatasi isu aliran tunai individu iaitu Skim *Rent to Own* (RTO). Skim ini merupakan suatu inisiatif bagi membantu golongan yang mampu memiliki sebuah rumah PR1MA, namun tidak berjaya mendapatkan pinjaman perumahan iaitu *end financing* atas sebab-sebab tertentu.

Memandangkan model pembangunan PR1MA ialah berdasarkan tahap kemampuan atau *affordability level*. Oleh itu PR1MA tidak menetapkan sebarang sasaran yang khusus bagi tujuan skim *Rent to Own* ini. Usaha-usaha ini merupakan inisiatif yang diambil oleh PR1MA dalam menjalankan kerjasama yang strategik dengan semua pihak untuk mengatasi dilema pemilikan rumah yang dihadapi oleh golongan sasaran. Semoga inisiatif-inisiatif ini akan memberi manfaat

Kepada golongan berpendapatan sederhana untuk memiliki rumah PR1MA di kawasan-kawasan bandar dan juga pinggiran bandar.

Secara keseluruhannya, anggota Perbadanan PR1MA telah meluluskan sebanyak 97,887 unit yang merangkumi 70 buah projek di seluruh negara. Daripada 70 buah projek tersebut, 18 buah projek telah memperoleh kelulusan kebenaran merancang yang merangkumi 22,212 unit rumah di seluruh Malaysia. Kesemua projek ini berada dalam pelbagai peringkat pembangunan. Pada masa kini, PR1MA telah memulakan pembinaan sebanyak 11,868 unit rumah di seluruh negara. Di antaranya ialah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, Kedah, Johor dan Negeri Sembilan. Tempoh pembinaan bagi rumah PR1MA adalah bergantung kepada jenis kediaman. Secara amnya kediaman jenis strata mengambil masa selama tiga tahun untuk disiapkan manakala kediaman jenis bertanah pula mengambil masa selama dua tahun. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya - terdapat dua aspek penting dalam pembangunan rumah ialah penawaran. *In case kita tambah penawaran, harganya akan jadi munasabah dan berpatutan dan kedua ialah pembiayaan, keupayaan memiliki atau membeli. Pemaju buat rumah untuk dijual beli, kerajaan buat rumah untuk dimiliki, dengan izin, developers build house to be sold, government build house to be owned.* Rata-rata pembiayaan ialah masalah utama kepada rakyat yang tidak mampu beli. Selain itu juga, rumah-rumah ialah syurga, '*Rumahku adalah syurgaku*'. Asas kesejahteraan negara masyarakat membeli unit-unit asas iaitu rumah. Kalau '*Rumahku, Syurgaku*', yakinlah... [Bercakap dalam bahasa Arab], negara aman dan makmur lagi diberkati.

Soalan saya, RTO sewa untuk beli ialah satu konsep yang amat menarik. Ia perlu diperluaskan lagi kepada konsep-konsep lain. Tahniah kepada kerajaan kerana menambah rumah mampu milik melalui pelaksanaan RM100 juta dan polisi-polisi atau dasar-dasar khas untuk memperbanyakkan penawaran rumah supaya harganya lebih munasabah.

Soalan tambahan saya, apakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan sebuah institusi kewangan yang berperanan sebagai badan yang menguruskan sewa untuk beli ini sebagaimana - contohnya dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Johor? Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, *Rent to Own* ini dianggotai oleh panel bank seperti yang saya telah sebutkan dan PR1MA sedang berusaha untuk mendapatkan lebih banyak institusi kewangan menyertai panel bank untuk memberi kemudahan *Rent to Own* (RTO) yang mana kita beri maksimumnya ialah 110%, mengikut keadaan. Sesetengahnya 105% dan sebagainya. Oleh kerana *Rent to Own* ini ialah satu kemudahan yang luar biasa yang diberikan oleh pihak PR1MA di mana orang yang mendapat rumah tetapi tidak dapat membuat pembayaran awal dan lain-lain lagi, mereka boleh memiliki rumah tersebut dan *Rent to Own* ini boleh bermula setelah rumah tersebut siap. Kemudian mereka boleh memulakan RTO tetapi dalam proses tiga tahun tersebut mereka boleh menguatkan kedudukan kewangan mereka dan membetulkan keadaan kewangan mereka.

Selepas tiga tahun bila rumah ini siap, mereka boleh membuat pilihan semula untuk menyertai skim RTO ataupun membeli terus rumah PR1MA.

Jadi pada masa sekarang PR1MA lebih mirip ke arah bank itu sendiri yang menguruskan pinjaman dengan pembeli-pembeli. Tugas utama PR1MA ialah membina rumah-rumah sebagaimana yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Saya telah menjawab benda ini sepanjang masa di Parlimen ini tetapi pada tahun hadapan jawapan saya akan jadi berlainan bila rumah PR1MA sudah berada di pasaran dengan begitu banyak.

Sekarang ini kita ada 11,868 unit yang berada di pelbagai peringkat pembinaan. Jadi pada tahun hadapan lebih banyak rumah yang berada di peringkat pembinaan. Jadi pada masa itu sudah tentu penawaran yang tinggi yang kita sediakan dan kemudahan yang kita sediakan. Ini khusus untuk mereka yang berpendapatan sederhana agar memiliki harta di pinggir bandar ataupun di bandar. Ini kerana masalah di Malaysia sekarang ini ialah mengikut sesetengah pandangan ekonomis bukan masalah perbezaan pendapatan tetapi perbezaan harta yang agak ketara. Jadi PR1MA menawarkan satu skim untuk rakyat memiliki harta yang berpendapatan sederhana di bandar.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan. Saya ambil maklum semua usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan tetapi saya juga ingin sebut di sini *target* ataupun sasaran bagi perumahan mampu milik disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi sekitar RM2,500 hingga RM10,000 sebulan. Malangnya, kalau mengikut gaji median rakyat terbanyak lebih 50% daripada mereka berpendapatan RM1,500 sebulan. Jadi bila kerajaan melancarkan inisiatif khususnya Perumahan Mampu Milik di Kampung Limau Lembah Pantai harganya ialah RM300,000.

#### ■1050

Kalau kita anggarkan pada kadar faedah 4.25%, wang muka ataupun wang pendahuluan RM30,000, pembeli akan dibebankan selama 30 tahun sebanyak RM1,200 lebih sebulan.

Jadi pertanyaan saya, melihat kepada keadaan ekonomi pendapatan rakyat sekarang ini, di mana menurut *JobStreet*, kebanyakan graduan yang memasuki alam pekerjaan mendapat gaji purata RM2,100 sebulan. Bawah di bawah *target* perumahan mampu milik. Apakah langkah-langkah tambahan yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk cuba menyelesaikan masalah dasar iaitu gaji yang rendah bagi rakyat supaya boleh digandingkan dengan tawaran PR1MA-PR1MA yang *insya-Allah* dapat siap tahun depan. Saya mohon jawapan. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sebab Yang Berhormat Lembah Pantai mendapat keistimewaan semalam dan juga pagi ini. Soalan pertama ini pasal gaji, Yang Berhormat Kementerian Sumber Manusia telah pun menjawab. Soal gaji ini tidak termasuk di bawah saya tetapi yang di sini rumah mampu milik juga termasuk di bawah Kementerian Perumahan. Saya ini ialah khusus untuk mereka yang berpendapatan sederhana. Kita tahu bahawa gaji bagi seorang pemandu, memang dia di peringkat awal dia tak layak. Akan tetapi setelah lima tahun, dia boleh layak sebab daripada RM2,100, ia akan meningkat dan seterusnya.

Bagi graduan *bachelor* juga, sebenarnya gaji awal mereka itu mereka boleh, gaji awal ini, purata ini ialah pendapatan secara umum mengikut pandangan Yang Berhormat. Akan tetapi kita rasa graduan ini mungkin pendapatan mereka RM2,500.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Yang Berhormat, bukan pandangan saya. Saya hanya rujuk maklumat sumber asas dan rasmi. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Okey, tetapi saya sekarang ini oleh sebab tumpuan saya khusus kepada yang bergaji RM2,500 sehingga RM10,000. Saya ini khusus kepada yang berpendapatan sederhana. Yang bawah daripada itu ialah Kementerian Perumahan akan uruskan termasuk rumah mampu milik. Hal ini adalah untuk membolehkan mereka yang berpendapatan sederhana, mempunyai harta di bandar. Kita bukan itu sahaja, yang rumah-rumah dibina oleh PR1MA ini, harganya 20% rendah daripada harga pasaran. Harga yang Yang Berhormat sebutkan tadi kalau sekiranya dibina oleh PR1MA, kita sudah kurangkan 20%. Kurang 20% daripada harga pasaran. Matlamat besarnya ialah supaya golongan sederhana ini mampu memiliki harta di bandar dan juga pinggir bandar. Oleh sebab pada masa sekarang ini kita lihat mereka tidak mungkin mempunyai rumah di bandar ataupun pinggir bandar walaupun mereka bekerja di bandar.

Jadi, bagi kerani yang telah pun *senior*, mereka mampu untuk memiliki rumah PR1MA. PR1MA-PR1MA dibagi tawaran kepada belia, orang-orang bujang, orang berkeluarga dan seterusnya. Akan tetapi biarlah saya hendak bagi tahu sekali lagi bahawa ini adalah program kerajaan, khusus untuk yang berpendapatan sederhana. Bagi mereka yang berpendapatan rendah, kita telah ada banyak skim yang telah kita perkenalkan sekarang dan kita boleh masuk di bawah skim yang telah disediakan. Keistimewaan lagi satu PR1MA ini ialah iaitu kita ada *Rent to Own* (RTO), tanpa wang awal pun mereka mampu memiliki rumah PR1MA.

Ini kerana skim yang saya sebutkan tadi iaitu selepas tiga tahun mereka boleh menyertai RTO. Kalau sekiranya mereka tidak dapat membuat pinjaman kepada bank kerana panel bank akan uruskan pembayaran pendahuluan awal dan seterusnya. Selepas 10 tahun nanti dia boleh memiliki rumah PR1MA ini dan kita akan ambil kira sewaan yang dibuat selama ini kita akan kira dan rumah itu akan kita nilai 10 tahun ke belakang semasa dia ini, ini yang terbaik. Yang Berhormat Lembah Pantai, kalau ada program yang terbaik, tidak ada yang terbaik yang pernah kita perkenalkan sekarang.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya difahamkan Yang Berhormat Menteri tadi jawab soalan itu untuk PR1MA. Sekarang ada banyak masalah rakyat kemukakan kepada kita sebagai wakil rakyat. Dia beli rumah biasa, *let say*, dengan izin, *below* RM350,000. Memang bila rakyat masuk bank mahu pinjam wang, bank punya syarat macam-macam cerita. Kalau dia punya gaji layak, dia akan kata cerita jadi lain punya. Kira *point*, ini *point* tak cukup, itu *point* tak cukup, macam-macam, susah, memang. Kalau kira untuk saya, kongkalikung sahajalah. *[Ketawa]* Dulu tak ada macam-macam ini *point*, bank pun selamat. Kali ini bank macam-macam cerita. Inilah tadi saya nampak ini soalan ada berkaitan mengenai kerajaan macam mana bantu menyelesaikan ini masalah.

Saya tahu ini Bank Negara punya Gabenor pun ada kongkalikung punya, dia macam-macam cerita keluar, belakang, dia cuci tangan. Dia kata, "Oh, ini bukan Bank Negara punya arahan..." tetapi pergi bank, bank kata Bank Negara punya arahan. Ini kongkalikung punya. Selalu cerita sama rakyat satu, kita buat lain tetapi kita mahu diterangkan kepada rakyat kita, sepatutnya apa cerita dia. Itulah saya punya soalan hendak tanya...

**Beberapa Ahli:** Dia punya soalan kongkalikung boleh jawablah.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ini saya belum habis lagi soalan, ikutlah Yang Berhormat Putatan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mahu tanya, masalah ini bilakah kita ada satu cadangan yang terbaik untuk menyelesaikan masalah ini? Memang rakyat sekarang kerana Akta Pinjaman ini memang ada susah. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Lagi sekali urusan bank ini ialah di bawah Kementerian Kewangan tetapi kalau tak jawab, Yang Berhormat Bintulu ini sudah tentulah dia menggunakan bahasa yang cukup cantik...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang itu diperlu difahami dulu Yang Berhormat, apa makna kongkalikung. [Ketawa]

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tidak tahu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau tidak, macam mana jawab?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya tidak tahu itu. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya kena sebut sekali sebab soalan ini ada hubung kait dengan Yang Berhormat Lembah Pantai tadi iaitu berhubung dengan gaji, Yang Berhormat Lembah Pantai sebut tadi gaji RM2,100. Saya syorkan supaya orang yang gaji RM2,100 ini dia berkahwin serta-merta supaya pendapatan dia dengan isterinya boleh dicombine, dapat lebih RM2,500.

Kita gross *household income* Yang Berhormat ya. Jadi, ini boleh menggalakkan rakyat Malaysia supaya cepat berkahwin. Berhubung dengan apa yang ditanya oleh Yang Berhormat Bintulu dan inilah PR1MA datang dalam pasaran untuk memudahkan perkara ini. Yang Berhormat sebagai orang kaya Bintulu, sudah ada tanah...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Menteri, kita sekarang tidak mahu cerita PR1MA. Lain-lain punya pemaju kasi maju punya. Tak apa, Yang Berhormat Menteri boleh jawab bertulis, boleh.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Okey, tak saya tak mahu jawab bertulis. Saya hendak jawab tak bertulis supaya rakyat yang sedang memandang saya ini faham ya. [Ketawa] Saya hendak bagi tahu bahawa bila PR1MA, contohnya macam setelah PR1MA membina rumah. Orang yang layak, dia memohon, dia ditemu duga dan dia layak mendapat PR1MA. Tiba-tiba dia tak dapat pinjaman bank. Bank-bank lain tak dapat, maka panel bank kita akan menguruskan supaya dia menyertai Program Rent to Own iaitu sewa beli. Selepas dia menyewa, katalah 10 tahun, selepas 10 tahun nanti dia boleh beli rumah itu dengan harga 10 tahun kemudian.

Sekarang tahun 2014, tahun depanlah 2015, tahun 2025 nanti dia akan beli rumah itu semula dan rumah itu sudah bernilai RM1 juta lebih iaitu setelah kewangannya kukuh dan

sebagainya. Kehadiran kita lebih kepada mereka yang berpendapatan sederhana iaitu berdasarkan pendapatan suami dan isteri secara kasar. Jadi, boleh dikatakan semua orang layak. Yang Berhormat, saya hendak bagi tahu, Tuan Yang di-Pertua, contohnya sesetengah orang tanya, di manakah rumah-rumah itu yang dibina? Saya bagi contoh, sesetengah tempat PR1MA bina sendiri. Macam di Wilayah Persekutuan, kita bina sendiri. Kemudian di Kedah kita JV dengan pihak swasta, di Johor kita JV dengan pihak swasta. Kemudian Negeri Sembilan JV PR1MA dan swasta dan sebagainya.

Jadi, rumah sini sudah berada di peringkat pelbagai *progress*. Setelah mereka ini masuk nanti, barulah kita nampak bahawa *Rent to Own* ini memberi kemudahan yang cukup luar biasa.

#### ■1100

Kalau Yang Berhormat kata dia hendak pinjam bank RM3,000 di atas rumah yang lain itu kita tidak terlibat. Tetapi untuk PR1MA kita terlibat. Mana tahu dia boleh menyertai *Rent to Own*. Kalau bank dia pergi bank ada pendapatan RM3,000 pergi bank hendak buat pinjaman dia hadapi masalah, kita bangkit pada Kementerian Kewangan nanti, tetapi apabila rumah PR1MA dibina, pendapatan dia RM3,000 dia tidak dapat pinjaman lagi kerana masalah tertentu, PR1MA akan perkenalkan *Rent to Own* dan dia terus boleh memiliki rumah PR1MA. Yang Berhormat ini bukan bahasa Yang Berhormat sebut, ini adalah satu program kerajaan yang cukup luar biasa untuk membantu rakyat berpendapatan sederhana.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *Private sector* macam mana?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** *Private* Yang Berhormat sekali saya kalau *private* kita tidak boleh buat apa-apa. Tetapi apabila *private* itu buat JV dengan PR1MA, dia masuk dalam skim PR1MA. Yang Berhormat, PR1MA bukan sahaja membina sendiri, tetapi PR1MA, JV dengan pelbagai pihak swasta untuk memastikan bahawa *target* kita untuk membina rumah bagi kumpulan sederhana tercapai. Jadi Yang Berhormat jangan permasalahkan dengan pemikiran-pemikiran semua masalah. Tidak ada masalah. PR1MA berada di mana-mana untuk menyelesaikan masalah.

6. **Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan jumlah kutipan cukai eksais dan permit import (*approved permit*) yang dikutip daripada pengimportan kenderaan bagi tahun 2011, 2012 dan 2013 (ditunjukkan secara berasingan).

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Pandan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini pengimportan kenderaan CVU yang dibenarkan ke Malaysia adalah kenderaan CVU baru dan CVU terpakai. Setiap kenderaan CVU yang diimport akan dikenakan duti import sebanyak 30%, duti eksais antara 65% hingga 105% berdasarkan kepada kapasiti enjin dan cukai jualan sebanyak 10%.

Selain itu bayaran fees sebanyak RM10,000 akan dikenakan bagi setiap pengimportan kereta CVU terpakai di bawah sistem AP terbuka. Berdasarkan maklumat yang diterima

daripada Kementerian Kewangan bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, pengimportan kenderaan menyumbang RM10 bilion melalui kutipan eksais iaitu RM3.37 bilion tahun 2011, RM3.44 bilion tahun 2012, RM3.19 bilion tahun 2013. Manakala kutipan *fee* yang diperoleh di bawah sistem AP terbuka bagi pengimportan kereta CVU terpakai untuk tempoh tersebut yang berjumlah RM892.93 juta iaitu RM264.87 juta tahun 2011, RM293.56 tahun 2012, RM334.5 juta tahun 2013. Sekian, terima kasih.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas penjelasan. Keberhutangan keluarga di Malaysia telah diputuskan dan disahkan sebahagiannya disebabkan oleh harga kereta yang mahal. Harga kereta yang mahal ini disebabkan oleh cukai-cukai yang dikenakan oleh kerajaan. Bagi tahun 2015, Yang Berhormat Timbalan Menteri sedia maklum bahawa unjuran pendapatan kerajaan daripada segala jenis cukai dan yuran yang akan dikenakan bagi pemilikan kenderaan ialah RM17.3 bilion berbanding dengan contohnya subsidi minyak yang akan ditanggung pada harga minyak mentah sekarang hanya RM2 bilion tahun hadapan.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, bilakah kerajaan akan mengotakan janjinya untuk mengurangkan harga kereta sebanyak 30% seperti yang dijanjikan dalam manifesto Barisan Nasional dalam pilihan raya umum yang lepas dan bilakah kerajaan akan menerima hakikat dan mengakui selagi cukai-cukai, duti dan yuran yang tinggi ini tidak dipotong dan dikurangkan harga kereta tidak akan turun. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk]*

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga Yang Berhormat Pandan atas soalan yang dikemukakan tadi. Saya hendak bagi tahu di sini bawah kerajaan komited dan kerajaan akan tunaikan janji dalam manifesto Barisan Nasional bahawa harga kereta akan diturunkan antara 20% hingga 30% dalam tempoh 5 tahun. Ini telah termaktub, dia sebut dalam tempoh lima tahun. Sekarang ini rekod terbukti bahawa penurunan harga kereta tersebut telah mencapai tahap 9%. Itu panjang bagi semua kenderaan yang dalam kategori sederhana tetapi tidaklah boleh kita bandingkan dengan masukkan sekali Lamborghini, kereta Bentley dan sebagainya. Itu rekod, sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada minat kereta? Sila.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu sekiranya penurunan antara 20% hingga 30% dibuat dengan cara segera makna tidak berperingkat, apakah kesan sebenarnya kepada kereta-kereta *second hand* yang mereka telah berhutang sebelum ini dengan banyak dan apa kesan kepada kereta *second hand*. Minta penjelasan.

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Ahli Yang Berhormat Setiu telah pun sedia maklum bahawa ekosistem dan rantai nilai kepada industri kereta ini sangat luas termasuklah dalam perkhidmatan kenderaan *second hand*. Ini satu realiti. Sudah tentulah apa-apa keputusan yang dibuat ke atas eksais duti atau cukai eksais yang melibatkan penurunan harga kereta baru sahaja sudah tentu akan menjelaskan keseluruhan industri perkhidmatan kereta *second hand*. Sebab mudah sahaja orang akan tertumpu kepada kereta baru sahaja,

kereta *second hand* akan jatuh harga dan boleh menjelaskan lebih kurang 200,000 pekerja dalam sektor industri kereta *second hand*. Terima kasih.

**7. Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan langkah yang telah dan akan diambil bagi menghapuskan populasi tikus dan membersihkan Bandaraya Kuala Lumpur.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Julau langkah-langkah yang telah diambil untuk menghapuskan populasi tikus di bandar raya adalah seperti berikut:

- (i) meningkat tahap kebersihan sanitasi dan *hygiene* di tempat tumpuan awam, tiga kawasan telah terpilih untuk program kebersihan sepanjang tahun 2014 iaitu Bukit Bintang, Petaling Street dan Masjid India;
  - (ii) tindakan penutupan premis makanan. Sebanyak 374 buah premis makanan ditutup setakat 29 September 2014;
  - (iii) implementasi pemasangan alat perangkap minyak dan sisa makanan serta penyelenggaraannya di premis makanan dan di pusat medan selera;
  - (iv) jadual penutupan pasar awam satu hari sebulan untuk pembersihan secara menyeluruh;
  - (v) mengadakan aktiviti gotong-royong untuk pembersihan kawasan;
  - (vi) menjalankan aktiviti pencegahan dan menangkap tikus yang dijalankan secara rutin dengan menabur umpan racun membunuh tikus, memasang sangkar perangkap dan perangkap papan pelekat;
- 1110
- (vii) menjalankan program bersama anggota masyarakat dalam Program Menangkap Tikus dan memberi inisiatif RM1 untuk satu tikus iaitu seekor tikus ditangkap. Ia dilaksanakan di pasar awam, taman kediaman dan kawasan perniagaan. Peruntukan sebanyak RM50,000 setahun disediakan untuk program ini;
  - (viii) menangkap dan mensampelkan tikus di kawasan tempat tinggal kes leptospirosis dilaporkan oleh Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;
  - (ix) menjalankan aktiviti penyelidikan kesihatan dan pameran mengenai tikus dan penyakit kencing tikus; dan
  - (x) melupuskan sampah sarap serta memajukan pelupusan sampah dengan merancang untuk membina insinerator pembakar sampah di Kuala Lumpur.

Sekian terima kasih.

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Menteri. Saya mengucapkan tahniah oleh sebab kadangkala saya juga duduk di tengah-tengah bandar dan ternampak dalam setahun dua yang lepas ada penurunan populasi tikus di tempat tidak jauh dari mana tempat saya tinggal.

Akan tetapi Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan hendak mencontohi langkah-langkah yang dilakukan atau pun diamalkan di negara-negara maju seperti Jepun, Australia dan lain-lain, di mana mereka asingkan jenis sampah dan kutipan yang lebih kerap. Begitu juga dari segi penguatkuasaan berkenaan dengan pembuangan sampah di merata tempat seperti di Jalan Alor dan berdekatan dengan tumpuan orang-orang luar negeri datang. Terima kasih.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, sehingga 4 Oktober yang lalu, kita telah berjaya menangkap 43,553 ekor tikus. Memang kita ada banyak rancangan yang kita sedang jalankan seperti kita mengadakan gotong-royong perdana, kita juga mengadakan program-program di mana kita mengambil tindakan penguatkuasaan seperti menutup premis-premis makanan dan premis-premis yang membuat kekotoran ataupun tidak *hygiene*. Kita juga mengambil pandangan Yang Berhormat untuk melaksanakan program-program lain untuk memastikan populasi tikus dihapuskan dan bukan dikurangkan. Terima kasih.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [Bangun]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bintulu pun minat tikus juga?

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Ipoh Timur.

**Tuan Yang di-Pertua:** Biar sebelah sana Yang Berhormat Bintulu. Saya mahu dulu sebelah sana.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Menteri Wilayah Persekutuan semalam beliau mengatakan terdapat tujuh juta ekor tikus di Kuala Lumpur sahaja. Daripada jawapan Timbalan Menteri mengatakan 43,000 berjaya telah ditangkap, saya hendak tanya adakah Timbalan Menteri tahu seekor tikus boleh melahirkan anak lima kali setahun. Satu kali boleh sampai 14 ekor tikus. Jadi sampai bila kita akan habis tangkap tikus dengan RM1 satu ekor? *[Ketawa] [Dewan riuh]*

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa memang pertanyaan tadi itu hanya untuk satu sendaan sahaja. Bukan ada yang logik. Kalau Yang Berhormat sendiri tahu kita mempunyai masalah, di mana rakyat masih lagi tidak mempunyai minda untuk membersihkan kawasan.

Kita sebagai kerajaan, kita membuat pendidikan supaya mereka faham, perlunya kita bersih. Bukan senda sahaja macam itu, kata tujuh juta ekor, 43,000 sampai bila hendak buat?

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Itu satu fakta, bukan *cynical*. *That is a fact. Is a fact.* *Scientific fact* tikus boleh beranak lima kali setahun, pergi buat kajian tengok.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Yang Berhormat mahu dengar jawapan atau Yang Berhormat bercakap. Saya jawablah Yang Berhormat, dengarlah Yang Berhormat, dengar. Saya kata perkara ini bukan satu perkara yang boleh dijalankan oleh kerajaan sahaja. Ia perlu

bantuan dari semua orang dan lapisan masyarakat. Rakyat, murid, bapa, ibu, peniaga, semua orang perlu bekerjasama baru kita boleh bersihkan.

**Seorang Ahli:** Sokong, sokong.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Bukan sahaja di kota Kuala Lumpur sahaja, Kuching pun ada, Kota Kinabalu pun ada, Pulau Pinang pun ada, Ipoh pun ada, Shah Alam pun ada. Terima kasih.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Menteri keluar tajuklah Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Bintulu. Jangan buat saranan Yang Berhormat bahawa semua kita harus perlu tangkap tikus.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memanglah saya setuju Timbalan Menteri tadi jawab kalau mahu hapuskan tikus...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tikus pun kongkalikung.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** ...Memanglah semua orang bekerjasama. Jadi kita hendak cerita ini belum pernah dengar pembangkang cerita macam mana hendak mendidik rakyat kita? Macam mana hendak mengadakan dan membersihkan tempat, baru boleh.

Soalan saya di sini mahu tanya, Kementerian Wilayah Persekutuan ada satu cadangan untuk *schedule* setiap minggukah atau satu minggu dua kalikah, pergi cuci longkang-longkang semua ada. Kita juga punya seksyen kesihatan itu selalu *random check* restoran-restoran ataupun *outlet-outlet* ataupun *hawker* macam mana pada masa yang sama ajar mereka macam mana hendak mengadakan...

**Seorang Ahli:** *[Mencelah]*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Memanglah menjaga kebersihan. Kalau kita tidak ada, memang pembangkang ada cerita kata jadi satu isu ketawa sama kita. Kita punya kerajaan, tikus pun tidak boleh selesai. *[Dewan riuh]* Akan tetapi pembangkang punya pekerjaan sana tanya, Penang, Pulau Pinang tanyalah Selangor berapa banyak tikus pun tidak selesai. Inilah satu kita hendak tanya macam mana. Adakah kementerian...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Gagal mendidik rakyat selepas 50 tahun, Tuan Yang di-Pertua 50 tahun gagal mendidik rakyat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Adakah kementerian ada cadangan untuk menyelesaikan isu ini. Menghapuskan tikus atas cara mendidik rakyat dan *schedule* untuk membersihkan longkang-longkang, *outlet-outlet* ataupun *kitchen* di restoran-restoran itu. Sekian terima kasih.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat memang kita ada banyak rancangan. Kita menjalankan pembersihan longkang dan kawasan-kawasan medan selera dan sebagainya secara berkala, kita adakan sebulan sekali. Kita akan tambahkan dalam program tahun depan, kita akan menambahkan program ini untuk dua minggu sekali. Kalau boleh kita cukup sumber manusia untuk menjalankan kerja-kerja ini.

Akan tetapi secara keseluruhannya, memang kita mengambil serius perkara ini dan kita menjalankan semua yang perlu untuk memastikan kita dapat didik rakyat, kita juga dapat didik warga asing dan juga kita dapat sambutan daripada rakyat untuk menyelesaikan masalah ini bersama. Terima kasih.

**8. Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada kerajaan bercadang untuk merangka satu pelan induk pendidikan sivik untuk mengukuhkan demokrasi dan perpaduan negara, khususnya, untuk menghapuskan ketaksuhan kaum dan agama di kalangan anak muda Malaysia.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Alor Star atas soalan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, sistem pendidikan yang kita amalkan di negara ini sebenarnya tidak hanya memberi tumpuan akademik dan kemahiran semata-mata. Akan tetapi juga memberi tumpuan kepada pemupukan dan pembudayaan nilai-nilai murni dalam kalangan murid sekolah dan pelajar di pusat pengajian tinggi yang digubal berlandaskan prinsip-prinsip Rukun Negara.

Justeru itu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan dengan ringkas PSK.

#### ■1120

Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan mula diperkenalkan dalam kurikulum persekolahan secara berperingkat mulai tahun 2005 untuk semua murid sekolah rendah Tahap Dua dan sekolah menengah. Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan merupakan mata pelajaran teras untuk semua murid sekolah rendah Tahap Dua dan sekolah menengah.

PSK bertujuan memberi kesedaran kepada murid tentang peranan, hak dan tanggungjawab mereka dalam masyarakat dan negara untuk melahirkan anggota masyarakat dan warganegara yang bersatu-padu, patriotik dan boleh menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat dan negara. Sejajar dengan aspirasi negara yang mengetepikan perbezaan yang berdasarkan kepada bangsa dan agama serta menjadi kekuatan bangsa Malaysia yang turut menyokong dan mendukung Gagasan 1Malaysia.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Alor Star, mengikut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 telah dijelaskan bahawa pendidikan sivik tidak diajar sebagai mata pelajaran khusus tetapi melalui beberapa mata pelajaran lain seperti Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan Sejarah. Ketiga-tiga mata pelajaran ini akan dimantapkan kurikulumnya mulai tahun 2017 bagi mengukuhkan demokrasi dan perpaduan negara khususnya untuk menghapuskan ketaksuhan kaum dan agama di kalangan anak muda Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mata pelajaran Pengajian Umum (MPU) juga telah diperkenalkan di institusi pengajian tinggi awam dan swasta bertujuan untuk membantu pembinaan negara bangsa dan dapat meningkatkan penguasaan dan perluasan kemahiran insaniah serta memperkuuh dan memperluas pengetahuan elemen ke'Malaysia'an. Di dalam mata pelajaran umum ini juga menerapkan elemen pendidikan sivik seperti hubungan etnik yang memfokuskan perbincangan tentang konsep-konsep asas budaya dan hubungan etnik.

Perkembangan hubungan etnik di Malaysia dalam kerangka mewujudkan masyarakat Malaysia menurut acuan Malaysia dan hubung jalinan antara wilayah Asian.

Selain itu, institusi pengajian tinggi awam juga telah mengambil langkah proaktif dalam menerapkan pendidikan sivik ke dalam kursus wajib universiti seperti projek penghantar etika yang beri penekanan kepada falsafah etika, teori-teori etika, modul-modul dan amalan-amalan etika di mana pelajar didedahkan kepada beberapa teori etika khususnya aspek akhlak daripada perspektif Islam, etika sejagat, etika menurut pandangan sekular barat dan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia. Pelajar-pelajar juga didedahkan tentang hubungan antara etika dan undang-undang, aspek amalan etika dalam bidang pendidikan, perguruan, perniagaan, keusahawanan, pentadbiran dan juga pengurusan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sentuh tentang pendidikan agama dalam Pelan Induk Pendidikan, soalan saya adalah adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengetahui tentang laporan media yang dilaporkan pada 15 November dalam *The Malaysian Insider*, di mana satu murid yang berumur 12 tahun daripada Sabah telah pun dilaporkan beliau adalah seorang murid Kristian dan dipaksa bertudung dan sertai solat di dalam satu sekolah rendah di Negeri Sembilan.

Dalam petikan laporan yang sama juga dinyatakan di sini dalam bulan Jun, Presiden Malaysia Hindu-Sanggam Datuk R.S. Mohan Shan mendakwa pelajar Islam digunakan untuk menyebarkan Islam secara halus kepada rakan bukan Islam mereka di sekolah menengah. Dia telah pun mendedahkan penemuan satu soalan yang berbentuk provokatif dalam kertas Pengajian Islam tahun lepas di mana soalannya berbunyi bagaimakah cara mengislamkan rakan anda. Jadi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah pendirian Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai laporan bahawa agama Islam ataupun murid-murid dipaksa untuk menyertai Pendidikan Agama Islam.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]:** Terima kasih Yang Berhormat Alor Star. Setahu kami, di kementerian kami tidak memaksa sesiapa mengikut Pendidikan Agama Islam. Itu kita semua sedia maklum, tetapi apa yang Yang Berhormat maklumkan sebentar tadi saya ambil maklum dan saya berjanji akan melakukan siasatan secara terperinci untuk melihat kes yang Yang Berhormat katakan sebentar tadi yang dikatakan dilaporkan pada 15 November ini. Saya akan siasat dan akan beri laporan kepada Yang Berhormat dalam masa yang terdekat. Terima kasih.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelah kanan tiada yang minat? Sila.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan kepada soalan asal iaitu apakah pelan kerajaan untuk mengukuhkan demokrasi dan perpaduan negara. Boleh tidak saya tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, baru-baru ini di peperiksaan SPM ada di mata pelajaran Sejarah, ada soalan yang bertanya sedemikian. Pilihan Raya Ke-13 adalah adil kerana, apakah jawapan yang dianggap betul oleh pihak kementerian.

Ada soalan sedemikian untuk menguji, itu soalan dia tanya macam ini. Pilihan Raya Ke-13 adalah adil kerana, saya rasa jawapan yang betul daripada pihak kementerian adalah kerana Barisan Nasional menang, sebab itu dia adil.

So, apakah rasionalnya? Adakah kementerian betul-betul mengkaji soalan-soalan yang dikeluarkan oleh peperiksaan awam ini menepati tujuan dan objektifnya untuk mata pelajaran sesuatu untuk menguji tahap intelek pelajar-pelajar supaya kita dapat menghasilkan ‘Towering Malaysian’ untuk generasi muda. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]:** Terima kasih Yang Berhormat Taiping atas soalan tersebut. Sebelum saya menjawab soalan Yang Berhormat Taiping, izinkan saya mengalu-alukan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Koperasi dari Parlimen Padang Terap ke Parlimen ini. *[Tepuk]*

Yang Berhormat, soalan-soalan yang telah dikemukakan dalam peperiksaan SPM ini ialah soalan yang dikemukakan oleh Lembaga Peperiksaan dan biasanya kita tidak dirujuk tentang soalan-soalan yang dikemukakan. Walau bagaimanapun, mungkin Yang Berhormat sendiri sudah memberi jawapan tadi. Itu jawapan Yang Berhormat, bukan jawapan saya. Akan tetapi, kita hendak melihat bagaimana pelajar-pelajar dapat merangkumi pendapat mereka. Itu kita akan lihat jawapan-jawapan tersebut, biar mereka buat jawapan, ada penganalisa, ada pemarkahan sistem tersebut dan tidak ada jawapan yang betul dan salah. Kita hendak lihat bagaimana pendapat anak-anak muda kita tentang sistem pilihan raya di Malaysia ini. Kita tunggu sama-sama. Ini juga akan memberi peluang untuk pelajar-pelajar menggunakan *higher order thinking skills* untuk mendapat pendapat mereka untuk menjawab soalan-soalan...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Bukankah itu soalan sendiri Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan sendiri pun sudah bias. *[Dewan riuh]*

**9. Tuan Haji Mohd Fasiah bin Mohd Fakieh [Sabak Bernam]:** minta Perdana Menteri menyatakan langkah kerajaan menyekat tindakan memfitnah dan menghina Islam dan Nabi Muhamad SAW termasuk dari segi akidah dan amalan ibadah seperti puasa terutama dari kalangan bukan Islam khususnya di laman media sosial yang menimbulkan suasana tidak harmoni, ketegangan dan kekacauan dalam masyarakat.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengambil perhatian serius dalam menyekat pihak yang cuba memfitnah dan juga menghina Islam dan Nabi Muhamad SAW termasuk dari segi akidah dan amalan ibadah di media sosial atau media baru. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana menimbulkan isu yang berkaitan media baru yang agak kompleks di laman sesawang dengan akaun-akaun pelbagai termasuk yang beroperasi di luar negara.

Oleh itu, bagi menangani isu ini, kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) serta pihak Kementerian Dalam Negeri sentiasa bersama-sama mengambil tindakan bagi mencegah gerakan ini daripada

berleluasa. Tindakan ini dilaksanakan melalui pemantauan, penguatkuasaan dan penjelasan kepada masyarakat melalui bidang kuasa masing-masing.

**■1130**

JAKIM dengan kerjasama JAIN dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) telah mempersetujui satu mekanisme kursus bagi mengatasi masalah ini. Satu unit khas telah diwujudkan di Bahagian Perancangan dan Pendidikan JAKIM yang menjalankan tugas-tugas pemantauan secara khusus di laman web, media baru mengenai isu-isu yang melibatkan agama Islam. Sebarang maklumat mengenai penghinaan Islam yang disebarluaskan oleh media baru, JAIM dan JAKIM akan mengemukakannya kepada SKMM bagi tujuan menyekat daripada terus tersebar. Sepanjang tahun 2013, sebanyak 39 laman web yang didapati menghina Islam telah dikenakan tindakan sekatan oleh pihak SKMM.

Di samping itu, tindakan penguatkuasaan di peringkat negeri juga turut dilakukan bagi kes-kes yang mana pengendali laman web tersebut dapat dikesan. Tindakan diambil di bawah Enakmen Jenayah Syariah Negeri yang berkenaan. Pada masa yang sama, JAKIM dan JAIN juga mengadakan program-program bagi memantapkan lagi akidah umat Islam berdasarkan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah, program-program sedemikian bertujuan memberi kesedaran dan kefahaman kepada masyarakat tentang bagaimana memanfaatkan kecanggihan teknologi yang ada pada hari ini, so mereka lebih bertanggungjawab terhadap maklumat yang diterima atau disampaikan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat, pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan tamat]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN JURUTERA (PINDAAN) 2014**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pendaftaran Jurutera 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG ARKITEK (PINDAAN) 2014**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Arkitek 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG JURUUKUR BAHAN (PINDAAN) 2014**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Juruukur Bahan 1967; di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2015**

**Bacaan Kali Yang Kedua**

DAN

USUL

**ANGGARAN PEMBANGUNAN 2015**

**Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang undang-undang Perbekalan 2015 dan Anggaran Pembangunan 2015 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". **[Hari Kelapan]**

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]**

**Maksud B.21 [Jadual] -**

**Maksud P.21 [Anggaran Pembangunan 2014] –**

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Kepala Bekalan B.21 dan Kepala Pembangunan P.21 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani terbuka untuk dibahas dan saya persilakan Yang Berhormat Kuala Terengganu untuk menyambung hujah.

**11.38 pg.**

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, Butiran 40100, 40300, 100000. Tuan Pengerusi, Malaysia telah lama tidak mengutamakan dan malah mengabaikan sektor pertanian perikanan. Kebergantungan pada hasil minyak gas jatuhnya harganya sepatutnya menyebabkan kita mengatur semula strategi untuk mengurangkan import makanan penting seperti beras, ikan dan makanan-makanan penting lain.

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempengerusikan Mesyuarat]**

Selain dari minyak dijangka turun atau jatuh sehingga USD70 satu tong, sumbernya dijangka hanya tahan antara 10 hingga 15 tahun saja lagi. Sektor pertanian patutnya diperkasakan dan kemudahan struktur padi seperti tali air yang banyak usang patut di *upgrade* kan dan bukan kekal sebagai janji-janji sahaja. Kita masih lagi banyak mengimport beras dan

bekalan secara monopoli yang tidak menguntungkan rakyat umum. Satu kajian terkini di Pantai Timur Semenanjung menyatakan peningkatan pendapatan nelayan dalam masa 10 tahun yang lepas adalah dari RM400 naik hingga RM414. Naik hanya RM14 dalam sepuluh tahun.

Tidak hairanlah jurang pendapatan makin melebar dan Dr. Mohd Khalid dalam buku *Color of Inequality* nya dengan izin menyatakan 10% yang kaya memiliki dan menguasai 77% kekayaan negara. Walaupun kita mengalu-alukan pemberian dana oleh Perdana Menteri, bantuan baiki rumah pada warga nelayan tetapi cara pengagihan bermasalah seperti dibongkar di Terengganu baru-baru ini. Di bawah Bajet 2012, sebanyak RM300 juta diperuntukkan bagi tujuan bantuan di bawah pembaikan rumah-rumah nelayan iaitu hanya lebih kurang RM10,000 hingga RM15,000 seorang atau serumah.

Baru-baru ini di daerah Dungun, Paka, Terengganu sahaja RM500,000 telah diselewengkan dan juga baru-baru ini 23 kontraktor Kelas ‘F’ yang dilantik baiki rumah-rumah nelayan ini di Dungun dan Paka juga didakwa oleh SPRM. Cara pemberian kontrak walaupun niat baik, terlalu banyak prosesnya di peringkat pemilihan, pemberian, pembinaan dan pembayaran yang memungkinkannya banyak potensi ketirisan. Bayaran hanya atas bukti gambar untuk lulus. Jadi soalnya siapa yang memantau, siapa yang melulus. Ada kerja yang tidak siap, ada kerja yang tidak dibuat langsung, ada kualiti kerja amat menyediakan tetapi pembayaran telah dibuat.

Ini ialah penipuan di atas golongan yang paling miskin. Lebih baiklah saya rasa peruntukan RM10,000 hingga RM15,000 ini diberi terus kepada nelayan untuk membaiki rumah mereka dengan kos yang lebih jimat. Tuan Pengurus, kalau di darat sudah bermasalah, di laut nelayan terus dilanda penderitaan dan perlu pembelaan seperti yang diminta oleh mereka apabila datang ke Parlimen pada awal tahun ini. Di bawah Butiran 40200, kita bertanya di sini, kenapakah masih banyak nelayan asing menceroboh perairan Malaysia dan bot korporat termasuk menggunakan anak-anak kapal asing Vietnam, menggunakan pukat tunda yang diharamkan dan masih terus berlaku di bawah lesen bot-bot Malaysia.

Semalam Yang Berhormat Rompin ada menyebut banyak masalah timbulnya isu banyak tuan punya dalam industri perikanan ini. Inilah yang banyak mengelirukan dan menimbulkan banyak masalah. Masalah ini mengurangkan sumber-sumber ikan mereka dan merosakkan perangkap-perangkap ikan dan bubu nelayan tempatan dan ada pula bot kargo membawa pukat tunda yang diharamkan untuk beroperasi di laut dalam. Nelayan kita mengalami *law of the jungle* dengan izin atau undang-undang rimba di mana ikan besar makan ikan sederhana dan ikan sederhana makan ikan kecil seperti nelayan daripada negara China mencerobohi perairan Vietnam sementara nelayan Vietnam pula mencerobohi nelayan Malaysia.

Jadi siapakah yang akan membela dan menjaga keselamatan dan kebijakan nelayan kita. Kerajaan kita sekarang ini mengehadkan saiz pukat yang digunakan lebih kurang 38mm tidak nelayan tidak peduli dan pukat Vietnam mengaut segala yang dapat di dasar laut. Di bawah 40200, ada peruntukan khusus pengurusan dan perlindungan sumber tapi masalah terus berlaku. Walau Malaysia adalah ahli konvensyen UNCLOS dan juga CCRF di manakah penguatkuasaan

untuk pemuliharaan dan pengurusan untuk melindungkan sumber yang menyebabkan kekurangan pendapatan nelayan tempatan kerana ikan makin berkurangan.

Sudah sampai masanya kerajaan memberi bantuan yang bermakna. Saya di sini ingin memohon bolehkah Yang Berhormat Menteri memastikan tiga perkara.

#### ■1140

Nelayan dilengkapi dengan peralatan yang baik dan menjalankan kursus latihan untuk menambah produktiviti mereka. Dalam masa yang sama, kerajaan memastikan ancaman persaingan melalui kegunaan alat-alat yang sepatutnya yang telah diharamkan digunakan oleh warga asing, dihapuskan sepenuhnya. Ini perlulah *political will* kerana ramai orang kenamaan juga terlibat dalam industri ini yang menindas orang-orang yang termiskin di negara kita. Biarlah persaingan yang adil berlaku. Ketiga, kita memohon kerajaan memastikan Program Pengurusan dan Penyediaan Sumber Ikan dilaksanakan sepenuhnya bagi menjamin sumber ke tahap yang sebaik-baiknya dan sihat tanpa pencerobohan pihak asing. Ini kerana di salah satu lokasi di Pantai Timur, ikan semakin berkurangan dan hampir pupus.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, kerajaan mestilah mempunyai *political will* atau azam kesungguhan politik untuk mengeluarkan para nelayan daripada tahap kedaifan dan kemiskinan. Mereka amatlah memerlukan pembelaan dan suntikan nafas untuk diberi cara kehidupan yang lebih bermaruah. Sudah sampai masanya ahli-ahli korporat kaya berhenti mengkhianati nelayan tempatan dengan menggunakan kerjasama nelayan asing dalam persaingan yang tidak adil ini. Ini ialah cara menindas bangsa sendiri. Sudahlah mereka miskin nelayan-nelayan kita ini, mereka pula dikenakan persaingan yang amat tidak adil. Sudah sampai masanya kerajaan menghentikan wang bantuan rumah-rumah kepada orang yang daif pada nelayan ini kerana diselewengkan oleh kontraktor-kontraktor dan orang tengah tetapi seelok-eloknya berilah terus kepada nelayan.

Apa yang diminta oleh pihak nelayan adalah bukan hanya bantuan tetapi cara dan juga suasana untuk mencari mata pencarian dengan adil dan dengan cara *level playing field*, dengan izin. Apa ertinya kita mencapai status negara maju 2020 dengan pendapatan U15,000 atau lebih kurang RM50 wang kita. Sementara nelayan hanya mendapat RM415 sebulan. Jurang perbezaan makin jauh melebar dan semangat untuk mendapat tindakan sewajarnya perlulah diambil oleh kerajaan untuk membela nelayan-nelayan yang memerlukan perhatian. Sekian, saya mohon pertimbangan. Terima kasih.

#### 11.42 pg.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 02000 - Pertanian. Seperti mana kita maklum sebelum ini sudah ada seluas 110,170 hektar tanah pertanian milik individu dan kerajaan di seluruh negara dilaporkan terbiar. Keadaan ini sudah tentulah sesuatu yang merugikan kepada sektor pertanian. Oleh itu saya ingin mencadangkan kepada kementerian agar mewujudkan satu skim khusus bagi menggalakkan pemilik-pemilik tanah terbiar ini untuk tampil melibatkan diri dalam usaha memulihkan tanah berkenaan.

Kita tidak boleh membiarkan keadaan ini berterusan memandangkan kawasan tanah seumpama itu boleh menyumbangkan kepada pengeluaran makanan negara. Dalam soal ini adalah penting jika kementerian memastikan agensi-agensi yang terlibat di peringkat negeri proaktif dalam menyelesaikan masalah tanah terbiar termasuklah mengadakan rundingan dengan kerajaan-kerajaan negeri.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini kita didedahkan mengenai peneroka tanah secara haram di Cameron Highlands, hari-hari keluar surat khabar. Semalam pun, hari ini kita lihat Yang Amat Mulia Tuanku Sultan Pahang dalam akhbar semalam melawat di Cameron Highlands. Penerokaan tanah secara haram di Cameron Highlands memanglah sebenarnya bertujuan untuk pertanian. Tanah-tanah ini bukan sahaja diusahakan oleh warga tempatan tetapi juga warga asing. Persoalannya, ke manakah produk pertanian itu dihantar? Setakat yang kita tahu ia dipasarkan di pasar-pasar yang dikuasai oleh warga asing di tanah tinggi tersebut.

Akan tetapi soalnya, apakah tindakan kementerian bagi membendung perkara ini memandangkan ia juga berkaitan kerugian kepada hasil pendapatan negara? Oleh itu, saya ingin mencadangkan supaya kementerian dengan kerjasama kementerian-kementerian untuk mewujudkan satu mekanisme bagi memastikan penerokaan tanah secara haram ini perlu dihentikan. Kita tidak boleh membiarkan mana-mana pihak mengaut keuntungan begitu saja tanpa memberi pulangan kepada negara. Selain itu, tindakan membiarkan penerokaan tanah secara haram juga akan menyebabkan hasil pertanian yang diusahakan secara sah boleh tergugat. Oleh itu, saya mengharaplah kementerian akan memandang serius perkara ini dan melakukan tindakan sewajarnya bagi memastikan hasil pertanian di tanah-tanah haram ini tidak sampai menyebabkan kerugian kepada negara.

Ini memandangkan - saya difahamkan sejumlah tanah yang terlibat bukanlah sedikit malah melibatkan ratusan hektar. Ia diusahakan dengan kos buruh yang rendah melalui penggunaan tenaga warga tanpa izin. Kita tidak boleh sekadar membuat kenyataan bahawa penangkapan warga asing tanpa izin di Cameron Highlands tidak akan menjelaskan bekalan sayur negara. Sebaliknya isu penerokaan tanah haram itu perlu dilihat dengan lebih meluas lagi. Kita bimbang jika perbuatan haram seumpama ini dibiarkan, sesiapa sahaja akan berbuat demikian tanpa tindakan dan kesudahannya kerajaan juga yang akan mengalami kerugian.

Tuan Pengerusi, saya juga menyentuh Butiran 010500 - Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC). Mengenai penglibatan, saya ingin menyentuh mengenai penglibatan belia dalam bidang pertanian yang saya percaya berada di tahap kritikal. Statistik yang dikeluarkan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang, agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menunjukkan sehingga Disember 2012, sebanyak 45% daripada 826,163 orang ahli persatuan peladang merupakan mereka yang berusia 60 tahun ke atas, 45% dengan izin. Sebanyak 40% atau 330,465 orang ahli berusia antara 40 tahun hingga 59 tahun. Manakala mereka yang berusia di bawah 40 tahun ialah seramai 15% atau pun 123,925 orang ahli.

Fenomena menunjukkan kekurangan belia dalam pertanian telah didokumentasi dengan baik tetapi sehingga hari ini kita masih kekurangan strategi untuk mengatasi masalah itu.

Nampaknya belia tidak lagi berminat dalam pertanian. Oleh itu saya ingin mencadangkan agar langkah lebih gigih dilakukan bagi menggalakkan golongan belia menceburi bidang ini. Trendnya anak muda lebih cenderung memilih profesional kolar putih dan bekerja di bandar serta melihat bidang pertanian hanya untuk mereka yang benar-benar hampa dan kecewa kerana gagal mengejar karier atau pun profesional yang lain yang perlu dihentikan.

Kita tertanya-tanya ke manakah ribuan graduan dari institusi pendidikan dan latihan pertanian yang sepatutnya menceburi bidang ini? Kita masih gagal menarik minat generasi muda untuk melihat sektor pertanian sebagai kerjaya yang memberi pulangan yang lumayan. Suka atau tidak, kerajaan perlu menerima hakikat bahawa bidang pertanian ketika ini dibelenggu masalah imej. Belia tidak berminat dalam pertanian kerana mereka berpendapat ini bidang yang ketinggalan zaman selain sigma, petani merupakan golongan yang miskin dan mundur. Jadi kita perlu tukar persepsi ini. Sigma ini harus dihentikan dan usaha lebih gigih perlu dilakukan untuk melahirkan petani muda. Ia termasuklah menyediakan lebih banyak insentif dan mempertingkatkan sesi penerangan.

Sesi penerangan ini perlu dimulakan di peringkat institusi pengajian tinggi lagi sama ada awam atau pun swasta. Saya percaya dan yakin jika kementerian dapat melakukan perkara ini, ia pasti akan menarik lebih ramai golongan belia menyertai sektor pertanian sekali gus melahirkan golongan petani muda. Akhir sekali saya ingin menyentuh...

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Yang Berhormat Tanah Merah.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sekijang bangun. Yang Berhormat.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Okey Yang Berhormat Sekijang, silakan.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Tanah Merah. Tadi Yang Berhormat Tanah Merah ada menyebut tentang kurangnya minat golongan muda, golongan belia ini dalam bidang pertanian. Adakah Yang Berhormat sedar hari ini banyak peluang dalam pertanian ini sebenarnya tidak diketengahkan secara komersial?

Maksudnya peluang-peluang yang ada dalam bidang pertanian ini tidak diberitahu dengan kaedah yang lebih baik supaya orang muda faham dan minat tentang bidang pertanian ini. Adakah Yang Berhormat setuju kalau kita minta kementerian di bawah unit Agropreneur Muda ini diperkasakan lagi dengan diberikan peruntukan tambahan supaya mereka dapat menggunakan unit Agropreneur Muda ini untuk menambah minat golongan-golongan belia terutamanya golongan-golongan muda ini dalam bidang pertanian? Terima kasih.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Terima kasih Yang Berhormat Sekijang yang juga orang muda yang mempunyai potensi luas dan mempunyai masa depan yang cerah, *insya-Allah*.

**■1150**

Memang kita akui, kita semua orang tahu peluang dalam pertanian ini baik. Akan tetapi mungkin, di sinilah mungkin ada kelemahan di peringkat kementerian yang boleh ditambah baik supaya memberi pendedahan, penerangan bahawasanya pertanian juga merupakan perniagaan. Pertanian juga boleh— mereka boleh mendapat pulangan yang lumayan, boleh dapat *income* yang baik dan dengan pertanian juga mereka boleh menjadi jutawan, *insya-Allah*. Okey, terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Cadangan dan pandangan Yang Berhormat Sekijang cukup baik, masukkan juga ke dalam perbahasan saya.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** *[Bangun]*

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Akhir sekali, saya menyentuh Butiran 010600 – Penyelenggaraan Saliran. Di mana kita melihat banyak penyelenggaraan saliran dan ban sawah padi tidak begitu baik. Ia sudah tentulah jika penyelenggaraan saliran ini tidak baik, ia telah memberi kesan kepada sawah. Ini kerana jika penyelenggaraan yang tidak baik akan menyebabkan hasil juga yang tidak begitu memuaskan kepada petani.

Jadi, isunya siapakah yang sepatutnya selenggara? Bajet yang saya tengok hanya sekadar RM20 juta di bawah kementerian untuk satu Malaysia, RM20 juta untuk penyelenggaraan satu Malaysia. Sudah tentulah ia tidak— di mana ia sekarang ia di bawah Jabatan Perparitan dan Saliran. Di mana saya mengesyorkan ia sepatutnya Kementerian Pertanian yang menjaga pesawah.

Jadi, *insya-Allah* saya mengharapkan dengan— jika di bawah kita dapat menyelenggara dengan baik dan petani akan mendapat hasil yang baik. Lebih ramaiah pihak-pihak yang mungkin yang tidak berminat dalam pertanian akan berminat dan menjadikan pertanian merupakan satu sumber pendapatan kepada mereka. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Nibong Tebal.

**11.51 pg.**

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mulakan perbahasan ini dengan menjurus kepada Butiran 02100 - Program Penyelidikan. Program penyelidikan ini diperuntukkan sejumlah RM1.6 juta daripada bajet keseluruhan kementerian yang berjumlah RM6.07 bilion. Bagi saya ini ialah satu jumlah yang sangat-sangat kecil bagi tujuan penyelidikan. Jadi saya ingin tahu, penyelidikan apa yang dilakukan dalam jumlah yang sekecil ini? Itu yang pertama. Adakah ia penyelidikan untuk *product development* atau pembentukan produk, ataupun untuk kajian pemasaran, ataupun untuk profil sosioekonomi kumpulan Sasaran? Dengan jumlah yang itu, ataupun untuk menilai keberkesanan program-program pertanian yang dijalankan oleh kementerian?

Memang betul Tuan Pengerusi, Bajet 2015 bagi aktiviti penyelidikan Kementerian Pertanian bukan sekadar RM1.6 juta itu sahaja. Ada peruntukan-peruntukan lain seperti Penyelidikan Perkhidmatan Veterinar yang diperuntukkan sebanyak RM14.9 juta, Penyelidikan

Pertanian RM33.3 juta dan satu Pusat Penyelidikan Antarabangsa Untuk Tanaman Masa Hadapan (CFFRC) yang berjumlah RM5 juta. Saya ingin tahu iaitu CFFRC ini, tanaman masa depan ini, penyelidikan tanaman apa Tuan Pengerusi?

Jikalau kita campurkan kesemua peruntukan ini dengan Butiran 02100 sebanyak RM1.6 juta ini, ia hanya berjumlah lebih kurang RM55 juta. Bagi saya, ini pun masih kecil jumlahnya berbanding dengan RM26 bilion peruntukan yang diberikan oleh kementerian. Ini kita tidak masuk peruntukan yang diberikan kepada MARDI iaitu lebih kurang RM214.4 juta. Seperti yang saya sebutkan tadi, peruntukan ini terlalu kecil untuk aktiviti-aktiviti penyelidikan. Justeru, saya percaya perlu kita beri perhatian yang serius kepada program dan aktiviti penyelidikan kerana pertanian ada hubung kait rapat dengan keselamatan negara. Kita terpaksa belanja berbilion-bilion untuk import bahan-bahan makanan...

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Tuan Pengerusi.

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** ...Seperti sayur-sayuran...

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Boleh saya mencelah sikit?

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** ...Daging, ikan, susu dan beras.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Hulu Langat bangun Yang Berhormat.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Boleh saya?

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Boleh, sila.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Kaitkan dengan R&D MARDI. Saya difahamkan dengan peruntukan RM214 juta itu tentu banyak *research* yang telah dibuat. Akan tetapi yang tentu Yang Berhormat juga setuju, MARDI sepatutnya menjelaskan kepada kita hasil R&D yang telah dibuat. Umpamanya, contoh Stevia sudah lama dibuat penyelidikan tetapi sampai sekarang tidak tahu apa hasilnya. Begitu juga jenis-jenis padi, benih-benih padi dan juga mungkin buah mangga yang terbaik dan sebagainya. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Terima kasih Yang Berhormat kerana turut berminat dalam aktiviti penyelidikan ini. Itu satu pandangan yang saya harap dapat dimasukkan dalam ucapan saya. Saya akan sentuh sebentar lagi tentang penyelidikan padi ini.

Jadi Tuan Pengerusi, Research & Development (R&D), dengan izin, adalah penting untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti produk-produk pertanian. Jadi, saya hendak beri contoh tentang pentingnya R&D ini, seperti Laporan Ketua Audit Negara 2013, Jadual 6, muka surat 93, yang berkenaan dengan hasil pengeluaran padi. Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat rakan saya tadi.

Jadi, purata hasil pengeluaran padi di Malaysia adalah dalam tahun 2011, sebanyak 3.75 metrik tan sehektar. Dalam kajian ini, 15 buah negara disebut untuk dibuat perbandingan dengan Malaysia. Negara-negara tersebut ialah China, India, Indonesia, Bangladesh, Vietnam, Thailand, Myanmar, Filipina, Jepun, Brazil, USA, Republik Korea, Pakistan, Mesir dan Malaysia. Jadi,

kebanyakan negara Tuan Pengerusi, kebanyakan negara produktiviti keluaran padi adalah melebihi Malaysia.

Hasilnya adalah tinggi, yang kurang dari Malaysia hanya India sebanyak 35.3 metrik tan sehektar, Thailand 29.7 metrik tan sehektar— saya terkejut sikit yang Thailand ini. Akan tetapi walaupun mereka rendah tetapi kualitinya baik kalau kita perhatikan bahan-bahan yang dikeluarkan dari Thailand. Filipina sebanyak 36.8 metrik tan sehektar dan Pakistan 24 metrik tan sehektar. Itu merupakan negara-negara yang— tetapi semua negara lain melebihi Malaysia daripada 15 buah negara yang disebutkan tadi. Termasuk jiran kita seperti Vietnam, Myanmar. Myanmar pun lebih daripada kita, Bangladesh pun lebih daripada kita ia punya hasil pengeluaran padi.

Jadi, kita betul-betul perlu memberi perhatian yang cukup serius dalam hal-hal penyelidikan, bagi mengeluarkan produktiviti yang tinggi dan juga kualiti yang lebih baik. Jadi, saya harap Tuan Pengerusi, aktiviti penyelidikan sama ada di subsektor pertanian, veterinar ataupun perikanan perlu sangat-sangat diberi perhatian dan mesti diberi peruntukan yang lebih besar, yang lebih munasabah. Supaya aktiviti-aktiviti penyelidikan ini sama ada pembangunan produk, pemasaran, taraf sosioekonomi kumpulan sasar dapat dijalankan dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Pengerusi, keduanya saya ingin sentuh berkenaan Butiran 30000 – TEKUN, yang diperuntukkan sebanyak RM250 juta. Pertama sekali, saya ingin ucapkan tahniah kepada kerajaan atas komitmen yang berterusan untuk menaik taraf sosioekonomi melalui Skim Mikro Kredit pada peniaga-peniaga kecil. Khususnya, yang sangat memerlukan modal tambahan untuk— ataupun modal pusingan untuk mengembangkan lagi aktiviti-aktiviti perniagaan mereka.

Kita dimaklumkan sehingga 31 Disember 2013— panjang sikit Tuan Pengerusi, pembiayaan telah pun dikeluarkan sebanyak RM2.95 bilion dengan bilangan usahawan 279,905 orang. Pada tahun 2014 diumumkan lagi RM430 juta akan disalurkan dengan sasaran 43,000 orang usahawan. Ini merupakan satu jumlah yang cukup besar dan saya percaya memang ada pulangan *profit* yang cukup baik untuk Barisan Nasional.

## ■1200

Akan tetapi di sini apakah persoalannya di sini Tuan Pengerusi ialah kita perlu membuat ukuran keberkesanan program yang dilaksanakan ini iaitu dengan melihat kadar bayaran balik pinjaman tersebut dan juga peratus peningkatan kejayaan usahawan TEKUN itu sendiri. Jadi, bayaran balik kita dimaklumkan di dalam Dewan ini banyak data ada pada soalan yang dikatakan 20% *report* ataupun tidak membayar balik. Ada yang mengatakan 17%, 15% ataupun 10%, jadi ia tidak begitu konsisten. Saya faham ia tidak konsisten kerana terdapat kompleksiti tentang pengiraan bayaran balik ini.

Tuan Pengerusi, dalam hal ini saya memohon pihak kementerian untuk menjelaskan atau memberikan pencerahan. Setakat Oktober 2014, perincikan bayaran balik pinjaman TEKUN yang tertunggak mengikut A:

- (i) bayaran satu tahun ke bawah;

- (ii) tertunggak satu hingga 5 tahun; dan
- (iii) tertunggak antara 5 hingga 10 tahun dan yang melebihi 10 tahun.

Jadi, kita ingin mendapatkan data-data tersebut. Sehubungan dengan itu, apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh pengurusan TEKUN untuk mengutip kembali bayaran balik yang tertunggak ini. Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Boleh habiskan Yang Berhormat.

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Saya *run-off* sedikitlah. Dalam tahun 2008 Tuan Pengerusi, TEKUN telah membuat *rebranding*. Jika dibandingkan dengan mula-mula ia dilaksanakan Projek Perintis yang dalam tahun 1996. Saya dapati struktur organisasinya sudah cukup besar. Ada ahli lembaga pengarah, presiden, timbalan presiden seramai tiga orang, naib presiden ada tujuh orang, pengurus. Saya ingat perbelanjaannya dianggarkan dalam RM2 juta sebulan. Saya tidak tahu betul kah atau tidak, justeru saya memerlukan pengesahan. Dalam hal ini, kita memohon penjelasan daripada pihak kementerian mengenai berapakah elau yang dibayar pengerusi lembaga pengarah dan ahli-ahli lembaga termasuk pengarah, presiden dan naib presiden.

Persoalan seterusnya Tuan Pengerusi. Dalam melaksanakan program TEKUN ini, pihak pengurusan mengenakan caj perkhidmatan sebanyak 4%. Kalau dengan RM2.6 bilion pinjaman ini, berapakah caj terkumpul sehingga kini yang dikenakan 4% ini? Sepatutnya caj terkumpul ini boleh dijadikan modal pusingan di mana tidak perlu lagi diberikan modal tambahan daripada kerajaan. Tuan Pengerusi, persoalan terakhir saya ialah berapakah jumlah duit simpanan usahawan yang terkumpul sehingga kini? Ini kerana pihak TEKUN memberikan caj sebanyak 5% daripada jumlah pinjaman yang dikutip sebagai wang simpanan.

Saya percaya mungkin sekarang ini sudah sampai beratus-ratus juta. Saya difahamkan yang semasa TEKUN dilaksanakan di peringkat Perintis dulu dahulu, dalam tempoh dua tahun pun sudah dapat dikutip sebanyak RM1.3 juta dan sekarang ini sudah 12 tahun ia dilaksanakan dengan modal pusingan sebanyak RM2 bilion lebih. Jadi berapakah jumlah duit yang terkumpul dan disimpan oleh pengusaha-pengusaha TEKUN dan apakah perancangan pihak kerajaan bagi menguruskan dana yang terkumpul ini? Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya minta untuk hadkan masa 5, 6 minit seorang. Sebelum jam 1130, 1230, 1240, saya akan minta Yang Berhormat Menteri menjawab nanti. Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu.

#### **12.04 tgh.**

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak boleh berucap setiap kementerian, bagilah Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu dahulu ya.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Butiran 010400 – Subsidi Beras. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, kita mendapat pendedahan daripada pelbagai akhbar termasuklah daripada Persatuan Beras Bumiputera Malaysia, Persatuan Pengguna Islam Malaysia dan Persatuan FOMCA. Di mana mereka mendapati bahawa beras ST15 yang mendapat subsidi daripada kerajaan tidak dijual di pasaran tempatan. Ini memberikan gambaran bahawa subsidi hampir RM40,000 ini tidak sampai kepada sasarnya.

Jadi, saya ingin bertanya rancangan kerajaan untuk memastikan bahawa beras-beras ini akhirnya sampai di pasaran. Walaupun Yang Berhormat Menteri telah pun melakukan pelbagai pembaikan untuk memastikan bahawa pemborong-pemborong yang dipilih ini ialah pemborong-pemborong yang sememangnya layak, namun saya rasa persoalan pemilihan pemborong itu, satu. Akan tetapi apa yang lebih penting ialah kita hendak memastikan faktor utamanya di kawasan-kawasan luar bandar atau di kawasan-kawasan yang diperlukan agar beras ini sampai ke kawasan tersebut.

Kedua, seperti mana yang saya maklumkan semalam dalam Dewan yang mulia ini juga, selain daripada ST15 ini tidak sampai, satu lagi masalah yang lebih besar ialah Beras ST15 ini telah dijenamakan semula dengan nama lain sama ada 'S5'. Di mana ia dijual dengan harga yang lebih mahal. Ini memberikan satu lagi tekanan kepada pengguna kerana bukan sahaja kita membayar harga yang mahal, harga yang telah di subsidi oleh kerajaan tetapi akhirnya kita mendapat beras yang tidak langsung di dalamnya tidak ada kualiti. Jadi, saya berharap Kementerian dapat maklum perkara ini dengan lebih serius dan bersungguh-sungguh serta memberikan keyakinan kepada rakyat bahawa sistem pengurusan pengedaran beras ini dijalankan dengan lebih baik. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Oh! Ramai sangat ini. Yang Berhormat Ampang.

#### **12.06 tgh.**

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Terima kasih...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Berdiri dari semalam Yang Berhormat?

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Ya. Saya minta Speaker memberikan lebih sedikit ruang masa untuk perbahasan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kerana ia sebuah kementerian yang penting.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Ia juga sebuah kementerian memberikan guarantee kepada...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kementerian itu?

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Pemakanan dalam negara kita. Jadi, saya minta diberikan lebih sedikit ruang berbahas dalam Jawatankuasa, Kementerian

Pertanian dan Industri Asas Tani. Jadi Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 020100. Di mana telah diberikan peruntukan RM191 *million*. Kita mendapati bahawa dalam keadaan negara yang mempunyai *resources* yang banyak, tanah yang cukup dan subur, sumber air dan sebagainya tetapi kita masih gagal lagi untuk mengeluarkan hasil makanan yang secukupnya. Kalau tidak cukup pun, ada peningkatannya untuk negara kita. Jadi, kalau kita lihat laporan MITI menunjukkan import bahan makanan bertambah sebanyak 10% yang berjumlah 16.3 bilion termasuk 3.9 bilion makanan diproses dan 37 bilion manisan dan *confectionery* serta 2.7 bilion produk hasil tenua.

Dilihat Jabatan Perangkaan Negara juga menyatakan bahawa KDNK dalam sektor penghasilan makanan menunjukkan penurunan saban tahun. Setiap tahun hasil menurun tetapi setiap tahun juga peruntukan meningkat. Jadi, saya tidak tahu lah ke mana wang ini pergi, hasilnya tidak ada tetapi wangnya habis malah kita terus bergantung kepada pengimportan makanan dari luar negara. Saya juga hendak bertanya mengenai apakah fungsi MARDI sehingga mendapat peruntukan RM214 *million* dalam Butiran 06000. Jadi, MARDI ini selama 40 tahun, baguslah membuat *research* dan macam-macam untuk meningkatkan kualiti makanan, penambahan teknologi dan sebagainya.

Namun demikian, ia masih gagal untuk menunjukkan hasil yang lebih jelas untuk menunjukkan bahawa Malaysia ini suatu hari nanti mampu menjadi sebuah negara *self-sustain*. Maknanya yang mampu untuk mengeluarkan makanan kepada rakyat dan negara kita tetapi tidak terlalu bergantung kepada negara lain. Jadi ini amat berbahaya kerana kalau kita bergantung kepada negara lain, kalau di sana bencana dia mungkin tidak dapat *supply* kepada kita begitu kalau kita di dalam negara tidak ada persediaan maka kita akan menghadapi masalah kekurangan makanan untuk rakyat Malaysia.

Jadi dasar Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini, saya lihat macam, '*hangat-hangat tahi ayam*'. Apabila kita ingat dahulu ketika zaman Tun Mahathir, dia kata fokus kepada pelbagai bidang bermula daripada tanaman herba. Maka petani digalakkan menanam herba dan sebagainya. Ketika zaman Tun Abdullah Ahmad Badawi pula, musim penternak. Membeli kambing dan sebagainya.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Yang Berhormat, minta mencelah Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Lima, enam minit tidak ada masa Yang Berhormat.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Dengan cepat sahaja, satu soalan dengan cukup cepat.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Okey, sekejap. Kita beri *privilege* supaya wanita bercakap dalam isu asas tani.

■1210

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Atas isu *food security* BERNAS memainkan satu peranan yang cukup penting iaitu untuk mengurus dan mengekalkan stok penimbang negara,

untuk negara *food security*. *It is a national asset*. Dalam bulan Mac, BERNAS telah pun dinyahsenaraikan, *delisted* daripada bursa saham. Pada masa itu Yang Berhormat Menteri telah pun memberitahu bahawa *the delisting is temporary* dan bahawa syarikat BERNAS akan *release* semula selepas *restructuring company* tersebut.

Akan tetapi sehingga hari ini kita tidak tahu apa yang sedang berlaku pada *restructuring*. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa Yang Berhormat Menteri harus memberi penjelasan tentang status *restructuring* BERNAS dan bilakah? Terima kasih.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Saya bersetuju dengan apa pandangan Yang Berhormat Alor Star kerana setiap kali buat projek, buat program tidak ada *accountability*. Hanya seperti yang saya sebut tadi, “*hangat-hangat tahi ayam*”. Buat hendak *listing* tidak ada, hendak tukar tidak ada. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri jawablah dengan sebaik mungkin.

Jadi saya sebut tadi prinsip, “*hangat-hangat tahi ayam*” Kerajaan Barisan Nasional ini. *[Dewan riuh]* Apa hendak marah pula? Itu adalah pepatah. Pepatah, pepatah Tuan Pengerusi. Lepas Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi sibuk fasal kambing dan sebagainya, lepas itu pula bertukar kepada ikan dan pemberian ikan dan udang sehingga Yang Berhormat Menteri pun buat kolam udang, dulu ya.

Jadi inilah kita kena ingat, lepas itu kita juga import daging secara besar-besaran. Ini perkara-perkara yang harus kita menambahkan keseriusan kita. Saya tidak kata tidak ada usaha, tetapi apabila usaha itu tidak dapat jelas pencapaiannya, jelas apa hasilnya dan di mana wangnya pergi. Jadi tidak *commemorate* duit dengan hasilnya. Inilah masalah dan sikap Kerajaan Barisan Nasional yang tidak pernah *monitor* tetapi secara cuai dan leka.

Jadi begitu juga saya hendak persoalkan tentang FAMA dan ada peruntukan sebanyak RM171 *million*, Butiran 07000, kawasan pertanian persekutuan bertujuan membantu petani memasarkan produk. Akan tetapi apabila pasar-pasar tani di bawah FAMA ini memasarkan produk mereka menurut garis panduan FAMA yang hendak *labeling* dan *packaging*, petani-petani kecil ini manalah ada modal untuk *packaging* atau *labeling* dan sebagainya.

Jadi mesti ada satu mekanisme yang boleh membantu mereka agar mereka dapat meningkatkan penjualan mereka dan barulah mereka dapat sampai ke tahap yang lebih maju dan bolehlah membuat perniagaan mereka dalam – perniagaan mereka lebih maju dengan *packaging*, hasil dan sebagainya barulah boleh mereka tampung. Kalau tidak sampai keluar hasil, hendak suruh buat ini hendak suruh buat itu mereka juga terbantut dan itu begitu bergantung kepada orang tengah. Inilah yang membuat petani-petani dan pengusaha-pengusaha ini semua gagal ataupun tidak dapat meningkatkan mutu ekonomi mereka dan cara hidup mereka.

Jadi pasar tani melalui FAMA ini juga saya hendak sebut jugalah di sini. Selepas itu kita lihatlah kononnya sibuk hendak buat perniagaan dan dapat memberi peluang kepada lebih ramai usaha tani muda. Banyak sebut tadi orang muda dalam industri pertanian, yang mana lumayan pendapatannya kalau ia diberi peluang dan diberikan sokongan dan pemantauan yang betul dan

tidak ada ketirisan, tidak ada rasuah dan tidak ada *abuse of power*, saya percaya program-program ini dapat membantu anak-anak muda kita di kawasan pedalaman untuk membangkit dalam ekonomi pertanian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Boleh gulung Yang Berhormat.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Jadi akhir sekali saya ingin membangkitkan isu P.21, Butiran 010100 – Pengurusan dengan RM130 juta dan P.10710 – Pembangunan Industri Lembu/Kerbau Pedaging. Saya hendak sebut tentang NFC. Saya masih lagi tunggu. Kita lihat baru-baru ini Yang Berhormat Menteri buat *statement* bahawa sudah mendapat balik RM79.9 *million* dan telah menyita aset yang bernilai RM23.3 bilion.

Akan tetapi saya hendak tanya apakah tindakan terhadap wang yang lebihnya yang digunakan untuk membeli kondominium, membelikan kereta dan perbelanjaan yang sangat mewah yang telah dilakukan, diselewengkan oleh pihak NFC. Keduanya, saya hendak tanya apakah keseriusan kementerian untuk mendapat balik wang yang RM250 juta yang telah diperuntukkan.

Oleh sebab itu program-program tadi yang saya sebut gagal. Apabila tidak ada pemantauan dan tidak ada kesungguhan untuk memastikan bahawa program ini sampai ke bawah. Anak muda atau anak tua, orang kampung boleh menikmatinya. Jadi kita lihat klasik *example* NFC. Program ini untuk apa? Untuk buat *satellite farming* untuk anak-anak muda, gagal. Orang kampung yang hendak pelihara lembu agar meningkatkan ekonomi pun gagal. Dengan wang RM250 juta ini pun tidak mampu kementerian untuk *monitor* dengan program-program sebegini, saya rasa ini adalah satu kegagalan yang amat besar daripada kementerian.

Sampai sekarang apabila kita minta penjelasan dan bagaimana keadaan wangnya, bagaimana pemulangannya, bagaimana *recovery*nya masih lagi tidak dilaksanakan. Jadi saya lihat ini. Selepas itu hendak *offer* pula kepada *Company Kirimitonas Agro*. Mana ada *company* yang hendak ambil alih projek ini sedangkan duit sudah habis, hendak suruh dia masuk buat projek ini, ini satu kerja usaha-usaha yang saya hendak juga gunakan satu pepatah Tuan Pengerusi. “*Bodoh macam lembu*” [*Dewan riuh*] Ya, “*Bodoh macam lembu*”, sudah tidak untung tidak ada apa hendak suruh pula orang masuk, siapalah yang hendak buat kerja ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Ini pepatah, jangan marah. “*Bodoh macam lembu*”. Usaha, “*Bodoh macam lembu*” memang tidak patut terjadi. Jadi dengan itu Tuan Pengerusi, saya mintalah Kementerian Pertanian... [*Dewan riuh*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, habiskanlah.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** ...Lebih serius dalam usaha mereka untuk membangunkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan pembangunan industri pertanian ini agar negara kita lebih dapat menjadi satu negara yang *sustaining*. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sekijang.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya panggil Yang Berhormat Sekijang Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Belum lagi dari Sabah dan Sarawak berucap dari semalam.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, kalau saya tengok record Yang Berhormat, lebih sepuluh kementerian. *I do not go by state. I go by people* yang berdiri ya.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Sekurang-kurangnya satulah.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Pendang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, *more than* 10 kementerian.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini tidak baiklah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ha, kalau tidak bagi begini perangai.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** *[Berjalan keluar Dewan] [Dewan riuh] [Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak bagus tunjuk perangai macam itu. *[Dewan riuh] ... Rudeness me.* Ya, Yang Berhormat Sekijang.

#### 12.16 tgh.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 07000 mengenai...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk balik Yang Berhormat.

**Seorang ahli:** Marah dia.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak, perangai macam itu, perangai Ahli Parlimen begini, datang dari Sabah pun saya tidak hormat. *It does not have to be claimed* dia dari Sabah, saya mesti bagi dari Sabah. Saya melihat semua orang berdiri. Yang Berhormat Sekijang pun berdiri, Ahli Parlimen. Kalau hendak *defy* Tuan Pengerusi, perangai begitu, dari Barisan Nasional pun melanggar peraturan. *It is wrong.* Dari sini pun salah, dari sini pun salah. *It is wrong. Wrong is wrong.* *[Tepuk]* Ya.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Saya terus kepada Butiran 07000 mengenai peruntukan kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan ataupun FAMA. Saya sangat tertarik dengan perancangan kerajaan untuk melaksanakan Program Agropreneur Muda di bawah kendalian agensi ini. Perancangannya sangat menarik dengan sasaran sebanyak 1,200 orang belia dengan pendapatan bulanan yang dijangkakan boleh menccah sehingga RM5,000.

Saya ingin mendapatkan kepastian mengenai pelan perancangan dalam pelaksanaan program ini memandangkan industri ataupun sektor ini bukanlah sektor yang popular untuk diceburi oleh orang muda pada masa ini. Kita perlu sedar tidak banyak kursus dalam bidang ini

ditawarkan di institusi pengajian tinggi yang ada dalam negara kecuali di Universiti Putra Malaysia.

Saya rasakan jika tawaran kerajaan ini kena dengan cita rasa orang muda terutamanya apabila kita melihat jumlah pendapatan bulanan yang agak tinggi tidak mustahil kita mampu melahirkan lebih ramai petani daripada kalangan orang muda memandangkan permintaan terhadap hasil tani sentiasa tinggi di pasaran.

Jadi saya ingin mencadangkan agar lebih banyak universiti menawarkan kursus berkaitan dengan bidang pertanian. Saya berharap pihak Kementerian dapat bekerjasama dengan institusi pengajian tinggi dalam penyediaan modul latihan, mahupun modul pelajaran agar kursus yang ditawarkan ini selari dengan hasrat kerajaan. Untuk itu saya ingin mencadangkan juga kepada Kementerian Pertanian agar bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan supaya dapat memulakan Program Asas Tani ini, sebaik-baiknya bermula di peringkat sekolah rendah dan juga sekolah menengah.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Sekijang, boleh mencelah sedikit? Yang Berhormat Kuala Kangsar. 30 saat sahaja. Apa pandangan Yang Berhormat Sekijang tentang desas-desus yang daripada dulu menyatakan tentang penubuhan universiti baru, universiti perladangan, universiti pertanian ataupun institusi-institusi yang di peringkat bertaraf universiti khususnya untuk perladangan dan juga pertanian.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. Saya mengharapkan kalau ada universiti baru ataupun universiti yang ada sekarang ini menerapkan lebih banyak program-program ataupun kursus-kursus yang berkonsept pertanian saya rasakan itu adalah lebih baik. Ya, Yang Berhormat Shah Alam.

## ■1220

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Pengurus, terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Saya mendengar cadangan itu dengan penuh minat bukan kerana apa, tetapi kerana pada satu ketika dahulu di Serdang pernah ada sebuah universiti yang bernama Universiti Pertanian yang sekarang ini telah bertukar dan menjadi Universiti Putra. Mereka yang merupakan lulusan Universiti Pertanian ini termasuklah abang saya yang di antara saya dan Johor Bahru, bila dia tunjuk sijil dia pada anak dia, anak dia kata sijil tipu, mana ada Universiti Pertanian. Akan tetapi sekiranya inilah kesedaran kita sekarang ini, bererti kita hendak reverse baliklah keputusan kerajaan yang dahulu membuka satu universiti khas untuk mengadakan dan meningkatkan kepakaran pertanian. Apa pandangan Yang Berhormat Sekijang?

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Sebenarnya kalau kita hendak reverse balik, saya kuranglah setuju. Cuma pada pandangan saya, seeloknya kalau boleh kita minta universiti yang ada pada hari ini terutamanya Universiti Putra Malaysia yang kita tahu asasnya adalah kepada pertanian, diperbanyakkan lagi kursus-kursus yang berkaitan dengan bidang pertanian ini.

Saya sambung. Selain itu, usaha ini juga mampu mengurangkan migrasi belia luar bandar ke bandar dalam mencari pendapatan. Bukan apa Tuan Pengerusi ...

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Satu saat, dua saat.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Masa tidak banyak ini.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Tentang tadi, tentang belia tadi.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Okey sedikit sahaja.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Sekijang terima kasih. Saya hendak tambah sedikit yang penting ialah tawaran kerja untuk graduan-graduan ini. Kalaukah pihak kerajaan boleh menyediakan jawatan-jawatan yang lebih di MARDI, di Kementerian Pertanian dan Industri asas tani ini, saya percaya lebih ramai orang akan berminat untuk masuk universiti dan universiti juga berminat untuk menyediakan kursus-kursus itu. Terima kasih.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya sebenarnya tadi awal-awal saya sudah sebut kementerian sudah bagus sudah wujudkan Unit Agro Golongan Muda. Saya rasa kalau kita hendak sediakan peluang pekerjaan, seelok-eloknya kita bagi ruang untuk mereka belajar menjadi usahawan. Itu yang lebih baik sebenarnya. Bukan apa Tuan Pengerusi, dalam keadaan semasa saya melihat peluang pekerjaan di bandar ini adalah terhad. Masih ramai anak muda terutamanya lepasan universiti yang masih belum mendapatkan pekerjaan seperti yang diperkatakan oleh Yang Berhormat tadi itu, mestilah sesuai dengan kelulusan mereka. Sekurang-kurangnya jika kursus begini diperluaskan, kita bakal mewujudkan lebih banyak pilihan kepada anak-anak muda dalam bidang pertanian.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Kepala P.21 di bawah bidang perikanan dengan Butiran 22503, Butiran 22600, Butiran 23400 dan Butiran 26500 bagi menjamin nasib nelayan darat. Saya ingin sekali lagi berterima kasih di atas pertimbangan kerajaan memberikan elaun bulanan sebanyak RM200 kepada 44,000 nelayan darat di seluruh negara. Hanya saya mengharapkan elaun ini dapat ditambah agar jumlahnya sama dengan elaun yang diterima nelayan laut memandangkan jumlah nelayan darat lebih kecil jumlahnya daripada jumlah nelayan laut. Jadi, adalah suatu yang munasabah jika kerajaan dapat mempertimbangkan tentang perkara ini. Bukan apa Tuan Pengerusi, permintaan terhadap hasil ikan darat juga adalah tinggi di pasaran. Saya bawa ikan darat, ikan baung hari itu, ramai kawan kata sedap.

Memandangkan jumlah nelayan darat ini kecil, suka atau tidak mereka tetap perlu memenuhi permintaan pasaran. Selain itu juga kos penyelenggaraan bagi industri ikan sangkar juga bukanlah kecil. Sudahlah peruntukan bantuan kepada mereka tidak begitu tinggi, ditambah dengan kos operasi yang agak tinggi. Jadi, saya minta kerajaan perluaskan lagi bantuan kepada nelayan-nelayan darat ini.

Selain itu juga, Perdana Menteri turut mengumumkan peruntukan RM250 juta untuk perumahan nelayan. Saya ingin dapatkan kepastian, adakah peruntukan ini turut sama dinikmati oleh nelayan darat. Jika ia boleh turut sama dinikmati, berapakah peratusan daripada jumlah

RM250 juta ini bakal dinikmati oleh nelayan darat? Saya harap kementerian dapat perjelaskan tentang perkara ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sungai Siput.

#### 12.24 tgh.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 010200 – Perancangan. Saya hendak minta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani nilai semula pendekatan kita terhadap petani-petani sayur-sayuran. Sekarang ada beberapa puluh ribu petani sayur-sayuran di negara kita, hampir mereka semua orang Cina, mereka cucuk tanam tanah kerajaan. Mungkin antara dua tiga generasi mereka pakai tanah kerajaan tetapi mereka tidak ada geran, mereka tidak *list*. Ada segelintir mereka yang ada TOL, tetapi ramai tidak ada apa-apa. Masalah mereka hadapi ialah pengusiran. Bila ada pembangunan, mereka diusir.

Pada takat ini di Perak, Perak sahaja di *Bidor Village* ada lebih kurang 300 petani ini yang sedang diusir. Di Tronoh ada 200 lebih petani kecil yang diusir. Di kawasan saya di antara Kuala Kuang sampai Rimba Panjang ada 1,000 petani kecil yang sedang diancam oleh pembangunan. Ini sedang menjelaskan ekonomi mereka kerana ini ialah punca rezeki keluarga mereka dalam pertanian. Ini langsung tidak adil kerana mereka di situ tiga generasi. Mungkin mereka sudah pohon untuk geran tetapi tidak dapat dan sekarang mereka diusir.

Akan tetapi selain daripada ketidakadilan terhadap mereka ini ada, *impact* yang besar atas tahap sara diri di *nutrition* di makanan. Lebih kurang 70%, kita hanya keluarkan lebih kurang 70% daripada apa kita perlu dalam sayur-sayuran. Hampir 80% daripada ini adalah daripada petani ini yang cucuk tanam tanpa geran, tanpa *list*. So jika ini berterusan, kumpulan ini diusir keluar, *food security* kita akan terjejas, tahap sara diri akan turun.

Saya telah kemukakan soalan terhadap masalah ini dalam sesi yang lalu dan jawapan saya telah tanya, apakah bilangan petani sayur-sayuran di Malaysia yang kerja tanah kerajaan tanpa geran, tanpa *list*. Apakah bilangan mereka, apakah *contribution* mereka, pengeluaran mereka dalam sayur-sayuran.

Jawapan saya dapat secara bertulis ialah daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, kita tidak tahu. Ini isu dalam kawalan negeri, so kementerian tidak tahu ada berapa ribu petani sayur-sayuran. Mereka tidak tahu ada berapa pengeluaran mereka, berapa besar pengeluaran mereka, *contribution* mereka kepada sayur-sayuran di Malaysia. Ini jawapan yang saya dapat, saya boleh tunjuk.

So saya rasa betullah, tanah ada dalam kerajaan negeri. Akan tetapi saya rasa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mesti ambil tahu kerana ini adalah *food security*. Ini adalah satu masalah kita kena tengok pada masa depan. Jika negeri-negeri kita tidak buat dengan betul, kementerian kena *give the lead*, beri bimbingan kepada mereka. Kena kaji, kena datang dengan satu pelan induk yang komprehensif yang *inclusive*. Ini ialah tanggungjawab kementerian. Pagi ini saya telah baca dalam *The Star*, Perdana Menteri kita dalam satu forum

berkenaan ASEAN telah berkata kita akan bekerja dengan rakan kita, kita akan memperkasakan rakan kita. Saya harap ini dikotakan cakap ini. Dalam hal pemakanan untuk negara kita, petani sayur-sayuran kita ada ini walaupun kita kata mereka *illegal*, mereka punya kemahiran, mereka ada pengalaman. Jika kita boleh memperkasakan mereka, beri mereka jaminan atas tanah mereka, *we can settle the food security problem* dalam segi sayur-sayuran.

So saya harap Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan ambil berat masalah isu ini dan *take the lead*. Jangan hanya katakan ini negeri, ini negeri punya fasal. Memang tanah di bawah negeri tetapi *the lead can be taken* oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Saya akan akhir dengan ingatkan Dewan dengan satu ayat Quran yang disebut oleh Yang Berhormat Sepang semalam. Dia katakan, "*Jangan membenarkan kebencian kamu terhadap siapa-siapa kaum untuk bersikap tidak adil terhadap kaum itu.*" Saya harap ini diingatkan prinsip ini dan gubal satu strategi induk yang lebih *inclusive* dan adil terhadap petani-petani sayur-sayuran. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pendang.

### **12.29 tgh.**

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Perkara 010400 – Industri Padi dan Beras.

### **■1230**

Tuan Pengerusi, Kedah negeri pengeluar padi. Kementerian Pertanian ialah sebuah kementerian yang berlangsung terus berhubung dengan masyarakat yang diharapkan sebagai kementerian yang akan meningkatkan pendapatan rakyat. Dengan itu harapan saya Yang Berhormat Menteri, seluruh jentera di bawah Kementerian Pertanian harus memainkan peranan dengan lebih aktif, lebih kuat, lebih serius untuk membantu meningkatkan pendapatan rakyat semua peringkat dan semua sektor. Itu harapan.

Kedah negeri pengeluar padi, penyumbang beras yang terbesar untuk negara kita. Jadi, seharusnya Kementerian Pertanian menumpukan sebahagian besar belanjawan mereka itu kepada negeri Kedah yang membekalkan beras terbesar negara kita. Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya kementerian apakah langkah-langkah kerajaan Kementerian Pertanian bagi meningkatkan pengeluaran padi di kawasan luar MADA. MADA mengeluarkan 6 metrik tan untuk satu hektar, luar MADA hanya 3 metrik tan. Apakah usaha dan langkah kerajaan hendak meningkatkan pengeluaran padi di luar kawasan MADA dan bagi kawasan MADA ditingkatkan dengan 10 hektar, 10 metrik tan seperti yang diuar-uarkan dahulu.

Petani padi bukan kaya. Mereka perlukan pembelaan. Dengan sebab itu, kerajaan perlu mencari cara-cara dan alasan yang terbaik untuk membantu mereka. Kemudian, soal BERNAS. Dahulu kita ada Lembaga Padi dan Beras Negara yang menjadi satu agensi pengawal selia membantu para petani tetapi sekarang BERNAS sudah menjadi badan perniagaan. Berniaga beras bertanding dengan rakyat. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri kita kembalikan

semula peranan beras itu sebagaimana LPN. Bukan bertanding berniaga beras, bukan menjadi pengimpor beras untuk negara kita.

Tuan Pengerusi, Butiran 010000 – Pengairan dan Saliran (JPS). Kawasan Parlimen Pendang saban tahun setiap tahun banjir berlaku. Banjir berlaku setiap tahun. Salah satu daripada banjir ini ialah disebabkan sungai-sungai yang tidak terurus. Sungainya cetek, tidak dibersihkan, pokok tumbang sampai reput dalam sungai Tuan Pengerusi. Saya langkah sungai tiap-tiap hari, saya hendak bagi salah satu sungai yang saya langkah tiap-tiap hari Sungai Kampung Segar yang saya duduk, Pondok Segar ini. Saya dok lalu pondok tiap-tiap hari. Dahan patah dalam sungai sampai reput dalam sungai. Tidak ada tindakan untuk membersihkannya.

Jadi, Tuan Pengerusi saya harap JPS harus memainkan peranan untuk membersihkan sungai, mendalamkan sungai-sungai yang menyebabkan banjir. Apabila banjir melanda tenggelam semua sawah. Mati semua anak-anak padi. Petani terpaksa membeli semua benih padi untuk ditabur dalam sawah. Ini pengalaman tahunan saya. Saya duduk di kampung setiap hari. Rumah saya di kampung sebab itu saya melihat ini. Keluarga saya petani, saya melihat ini. Jadi, JPS mesti diberi peruntukan yang lebih mendalam dan sungai-sungai supaya...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh?

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Hendak apa?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sokong, hendak sokong. Boleh?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang bangun.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Hendak sokong, hendak sokong.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Okey, silakan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Jangan takut, saya baik.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Silakan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dalam bahagian sungai kita tidak gaduh ya. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat daripada Yang Berhormat Pendang. Saya ingin menyokong apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pendang tadi. Kita tidak gaduh pasal sungai ini. Saya ingin menyatakan, saya ingin berkongsi dan juga menumpang Yang Berhormat Pendang. Saya ingin supaya pihak menteri juga dapat memajukan sungai di Sepang itu sebab baru ini saya telah pergi satu Program Hari Alam Sekitar di sana. Diberitahu oleh mereka yang terlibat bahawa di sungai itu ada beberapa binatang yang memang sebenarnya atau pun tumbuhan-tumbuhan yang tidak wujud even di peringkat Asia. Jadi, hanya wujud di situ.

Akan tetapi sungai itu bagi saya tidak dijaga dan tidak dipromosikan untuk mungkin kita boleh dapat manfaat ekonomi. Jadi saya mengharapkan kementerian mungkin boleh buat lawatan dan beritahu saya. Selepas itu kalau boleh kita cuba gunakan sungai ini sebagai salah satu prasarana untuk kita majukan sektor menjadikan sektor pelancongan dan kita boleh gunakan untuk menarik orang datang ke mana-mana negeri bukan hanya di Sepang. Tempat lain pun untuk kita manfaatkan semaksimum yang boleh sungai kita.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Menteri lah akan jawab yang itu. Saya hendak sambung soal saya, soal Pendang ini. Jadi, harapan saya Yang Berhormat Menteri, JPS kena ada penyelia memeriksa sungai-sungai ini. Kalau tidak pun sepanjang masa mungkin dua, tiga bulan sekali mesti dilihat masalahnya. Itu soal JPS. Kemudian Butiran 07000 – FAMA.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Boleh?

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** JPS lagi? Sekejap, saya hendak masuk FAMA dahulu.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat Pendang. Di kawasan saya ini Yang Berhormat Pendang sudah jadi Pendang dah. JPS ini dia dapat bajet hujung tahun tetapi hujung tahun itu musim hujan. Parit bendang ini masa itu dia punya *ayaq* dah penuh. Akan tetapi JPS kerana hendak habiskan duit bajet dia kena juga korek parit itu. Maka, akhirnya pengorekan parit itu hanya untuk menghabiskan bajet. Bila datang musim balik, parit dok dalam macam itu juga. Di Pendang jadi tidak?

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Di Pendang ini tidak ada langsung. Parit pun tidak korek. Sebab itu dia berlaku banjir setiap tahun Tuan Pengerusi. Setiap tahun, *never miss*. Saya masuk FAMA. Saya harap Tuan Pengerusi kita kena jadikan FAMA ini sebagai satu agensi kerajaan bawah Kementerian Pertanian sebagai satu agensi yang hebat. Memasarkan, memungut dan memasarkan bahan-bahan pertanian.

Saya dengar dahulu Yang Berhormat Menteri menyebutkan soal pusat pengumpulan. Terima kasih lah tetapi sampai sekarang saya tidak nampak lagi pusat pengumpulan yang ada di Pendang. Tidak ada. Jadi, apa yang harus FAMA mainkan ialah memungut hasil-hasil pertanian orang kampung untuk dipasarkan. Itu baru betul. Kalau dahulu orang-orang kampung boleh jual dua, tiga biji telur ayam di kedai. Sekarang tidak boleh lagi tetapi peranan itu haruslah FAMA ambil alih, mainkan peranan itu. Jadi, FAMA mesti ada program pemasaran yang cekap. Kena buat pengumpulan yang baik pada pusat pengumpulan di semua kawasan supaya rakyat dapat memasarkan bahan-bahan pertanian mereka.

Tuan Pengerusi, akhirnya Butiran 090000900 – Projek-projek Pertanian yang lain. Yang ini saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri apa dia projek pertanian yang lain ini, yang berjumlah RM57.8 juta. Apa dia projek pertanian yang lain ini supaya kita dapat tahu, rakyat dapat tahu. Kita boleh panjangkan kepada rakyat, jenis pertanian yang boleh mendatangkan hasil kepada mereka. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Bagi DAP lah Yang Berhormat, seorang. Yang Berhormat Raub.

### **12.38 tgh.**

**Dato' Mohd Arif Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Maksud B.21 Butiran 070100 – FAMA. Yang Berhormat Pendang baru sebut FAMA. Saya sambung sedikit. Pemilikan motosikal roda tiga. Ini untuk orang kecil di Raub amat penting dan saya

perhatikan bahawa menyasarkan pembahagian pemberian 450 unit untuk seluruh negara atau pun 34 satu negeri dan saya tidak nampak di kawasan Raub.

Saya lihat daripada angka yang telah diberi di dalam buku bajet yang tebal ini, satu pemilik motosikal roda tiga boleh menjana pendapatan RM1,000 sebulan. Ini satu pendapatan yang agak besar untuk meningkatkan pendapatan dan saya harap FAMA membangunkan pemberian motosikal roda tiga ini kerana ianya meletakkan satu sumber pengkayaan, *waste creating resource* di dalam tangan secara langsung kepada pengusaha. Tidak perlu melalui orang tengah.

#### ■1240

Dengan kemudahan ini, saya harap apabila diperbanyakkan pemberian motosikal roda tiga ini ramailah usahawan boleh melibatkan diri dan menghadirkan diri di dalam banyak pasar tani di seluruh negara yang boleh menjana lebih kurang RM1.46 milion setahun dan meningkatkan mobiliti usahawan-usahawan dan pemilik motosikal roda tiga ini supaya mereka boleh pergi kesatu-satu tempat. Itu yang pertama.

Kedua, gerai buah-buahan segar. Seperti juga Yang Berhormat Pendang, saya di Raub itu saya tidak nampak pusat pengumpulan. Walaupun Raub ini kalau kita dengar, ia memang terkenal dengan buah durian Musang King itu tetapi saya tidak nampak pusat pengumpulan. Apa yang saya nampak ialah pegawai FAMA pergi ke tempat pengumpulan swasta dan beli buah dari sana dan jual pada harga yang mahal dan kemudian melaporkan bahawa mereka membayar harga yang tinggi tetapi harga yang tinggi itu tidak pergi secara langsung kepada pengusaha tetapi kepada peraih-peraih yang mewujudkan pusat-pusat pengumpulan tersebut. Jadi saya harap, saya mohon pihak kementerian menggerakkan pegawai-pegawai FAMA ini untuk masuk ke kampung-kampung untuk membeli produk-produk dan hasilan dari pengusaha-pengusaha di kampung.

Agro Bazar, kedai rakyat 300 unit pada tahun 2015, ia boleh menjana sebanyak pendapatan RM200 bilion setahun dan setiap agrobazaar boleh menjana RM600,000 hingga RM700,000 setahun ataupun RM50,000 ke RM60,000. Ini satu punca pendapatan yang agak lumayan kepada orang kampung biasa yang sekarang ini berhadapan dengan kos kehidupan yang tinggi dan harga tanaman mereka yang menurun. Saya harap agrobazaar dapat diwujudkan sebanyak mungkin di kawasan-kawasan yang di mana pertanian merupakan sumber pendapatan yang agak besar.

Saya harap juga pegawai-pegawai Kementerian Pertahanan mewujudkan *field officers*. Kalau dahulu semasa saya masih bersekolah, saya tahu ramai *field officers* yang pergi ke kampung-kampung, selain daripada memberi khidmat nasihat juga menjadi pembeli kepada barang yang dihasilkan oleh orang kampung.

B.21, Butiran 110000 iaitu Lembaga Pertubuhan Peladang. Semenjak dari saya berada dalam parti sebelah sana dahulu, saya rasa kemuncak aktiviti Lembaga Pertubuhan Peladang ini ialah apabila ada pemilihan Jawatankuasa, Pengurus, barulah sibuk. Akan tetapi di sebalik itu saya lihat sebagai contoh, Lembaga Pertubuhan Peladang di Raub, saya mendapat banyak

rungutan bahawa banyak kemudahan dan bantuan yang disalurkan melalui Pertubuhan Peladang peringkat daerah tidak sampai kepada ahli-ahli yang jadi pencarum juga kepada unit Pertubuhan Peladang di kampung-kampung. Dalam banyak kes di Raub sebagai contoh, lima tahun dahulu letak RM250, sampai hari ini pun nilai tersebut tidak naik, tidak berkembang. Kemudian, saya melihat juga Lembaga Pertubuhan Peladang peringkat daerah ini telah menyimpang daripada objektif yang utama iaitu mengembangkan aktiviti penghasilan pemakanan tetapi ada juga Pertubuhan Peladang yang membeli dan mendapat tanah dari kerajaan yang berura-ura membangunkan kawasan perumahan. Satu perkara yang murni tetapi sudah lima ke enam tahun tidak ada rumah yang dibuat.

Kemudian, ada juga rungutan yang beli baja dari kedai Pertubuhan Peladang dengan harga yang murah, kemudian menjual kepada pengedar-pengedar baja yang lain. Itu satu rungutan dari ahli-ahli Pertubuhan Peladang sendiri. Saya berharap pemantauan dan budaya *accountability* dalam Pertubuhan Peladang ini ditingkatkan. Jadi, sekian, terima kasih. Saya harap Menteri dapat menjawab.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Lima minit seorang Yang Berhormat, kita boleh habiskan jam satu nanti, lima minit seorang, boleh tiga orang berbahas. Yang Berhormat Gerik.

#### 12.45 tgh.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Pengurus. Saya pun hendak membahaskan juga Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di bawah B.21 Butiran 020000 - Pertanian. Kita sedar pertanian tema yang diberi oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ialah satu perniagaan. Apa yang saya hendak tanyakan ialah strategi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dari segi membantu petani. Saya lihat penekanan lebih kepada berskala besar, tidak kepada skala kecil. Kalau di kampung kalau kita hendak berjaya sebenarnya kalau suruh mereka tanam sepuluh atau lima ekar, sebenarnya tidak akan berjaya. Apa kata kita buat satu penekanan supaya tanaman kontan ini kita tanam di bawah setengah ekar dan kementerian, Jabatan Pertanian dan Industri Asas Tani beri tumpuan supaya benda ini sebenarnya boleh memberi pulangan sampingan kepada penduduk kampung.

Perkara yang kedua dalam pertanian, kita melihat buah betik, petaya dan pisang diserang oleh virus bila sudah ditanam setahun atau dua tahun. Bagaimana MARDI yang dikatakan bahagian *research* membantu untuk mengatasi masalah tersebut? Minta pihak kementerian memantau perkara itu, sekurang-kurangnya kita boleh memastikan terutama penduduk luar bandar boleh mendapat pendapatan tambahan daripada penekanan strategi pertanian tadi, berskala besar itu untuk memastikan pengeluaran besar-besaran, yang kecil petani-petani di kampung boleh mendapat pulangan sampingan.

Saya hendak bincang juga Butiran 040000 - Perikanan. Saya hendak bertanya kepada kementerian terutama di bawah Jabatan Perikanan, ada berapa pusat penetasan ikan di seluruh negara? Sebab saya bertanyakan perkara ini, saya melihat salah satu pusat penetasan yang

berada di Tasik Temenggor dalam kawasan saya yang konon-konon dahulu hendak diswastakan. Kita kekurangan spesies ikan tempatan seperti kelah, ikan tengalan dan macam-macam ikanlah. Jadi ini yang saya hendak minta Menteri jawab.

Kedua, ikan kelah. Saya pun tidak faham dari segi peraturannya. Macam mana ikan kelah yang tidak boleh makan? Apakah kita pukul borong *start* daripada ikan kelah kecil sampai ikan kelah yang lebih besar? Kalau ikan kelah itu beratnya tujuh kilo, tidak mungkin tidak boleh kita tangkap dan makan? Ini kena praktikal sedangkan kalau kita membuat penguatkuasaan katakan ikan kelah langsung tidak boleh makan, seolah-olah kita membuat satu peraturan yang memberi senda gurau di pihak bawah kerana tetap juga kita akan ambil ikan kelah yang berat lebih daripada tiga kilo untuk kita makan. Saya berharap benda ini kita lihat betul-betul supaya ikan kelah ini satu ikan sungai yang cukup popular, dapat dilihatkan peraturan yang ada.

Dalam masa yang sama, saya mohon juga pihak kementerian merancang perancangan yang benar-benar. Sebenarnya kita buat satu benda ini tadi boleh memberi keuntungan kepada ramai pihak. Saya melihat - minta maaflah, bukan dengan niat untuk bertanya kepada kementerian tetapi saya percaya pembinaan jeti pertanian di Tasik Temenggor sebenarnya merugikan wang rakyat. Jalan buat lebih daripada RM7 juta, pangkalan jeti telah dibuat - saya rasa berapa juta, saya tidak tahu tetapi hanya digunakan oleh pihak swasta iaitu penternakan ikan sangkar yang paling besar dalam Tasik Temenggor, jenis ikan tilapia. Apakah sebelum masa membuat tidak ada satu perancangan, bertanya pandangan dari pemimpin tempatan untuk memastikan apa projek yang dibuat itu boleh memberi pulangan kepada kita rakyat di bawah?

Kepala yang paling akhir saya hendak bincang fasal Kepala Butiran 14800, P.21 tentang Jalan Ladang.

#### ■1250

Saya berterima kasih kepada pihak Kementerian Pertanian yang telah memberi peruntukan kepada JPS membuat jalan ladang. Kalau dahulu, kita terpaksa mendapatkan daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan dengan adanya ini, memberi kebaikan kepada petani-petani di kawasan kampung. Kita boleh membina jalan pertanian tetapi sama macam kata Pendang, apakah JPS sudah menukar arah dan haluan semata-mata menjaga jalan pertanian? Apa akan berlaku kepada nama Jabatan Parit dan Saliran tetapi sungai-sungai kita tidak selenggarakan, di Gerik berlaku banjir kilat. Saya amat berharap supaya tugas ini diseimbangkan. Dalam masa kita nak buat jalan ladang, dalam masa yang sama penjagaan kepada saliran dan parit ini perlu diperkasakan. Jadi, dengan ini saya tak nak panjang-panjang, saya menyokong Kementerian Pertanian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Krai.

#### 12.51 tgh.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin sedikit menyentuh mengenai Kementerian Pertanian ini. Membandingkan antara Program Lapan Lembaga Kemajuan Pertanian (MADA) dan juga Program Sembilan, Lembaga Kemajuan

Pertanian Kemubu (KADA) yang saya tengok MADA ini dia punya maklumat asas yang disediakan dalam buku laporan ini agak lengkap. Jumlah pengeluaran, nilai pengeluaran, jumlah pendapatan keluarga tetapi bagi KADA ini amat ringkas, hanya jumlah pengeluaran padi setahun iaitu lebih kurang  $\frac{1}{4}$  daripada yang dikeluarkan oleh MADA.

Saya jangka ini kerana saiz kawasan KADA jauh lebih kecil cuma kalau boleh dapat menteri memberikan maklumat-maklumat ini supaya kita dapat membuat satu perbandingan yang lebih objektif. Satu yang saya perhatikan di MADA itu ialah jumlah pendapatan keluarga tani setahun berkurangan jangkaan anggaran 2015 berbanding 2014. Daripada RM39,000 pada 2014, menurun kepada RM33,000 setahun bagi tahun 2015. Saya ingin bertanya, bagaimana kedudukan pendapatan petani-petani di KADA. Adakah jumlah yang sama atau lebih besar atau lebih kecil ataupun trend yang sama iaitu jangkaan ataupun anggaran yang menurun.

Kalau kita tengok pendapatan ini iaitu RM33,000 setahun satu keluarga, ia bukan per kapita tetapi macam pendapatan satu isi rumah. Tak sampai RM3,000 sebulan anggarannya. Jadi bagi saya, bagi satu keluarga, ini adalah satu pendapatan yang rendah. Ini setelah ada semua subsidi dan juga insentif-insentif pengeluaran padi. Cuba bayangkan kalau tidak ada insentif dan subsidi ini, bagaimana agaknya kedudukan petani-petani kita. Jadi, saya nak minta kementerian memberikan perhatian supaya pendapatan petani-petani ini boleh mencapai tahap apa yang disebut dalam laporan rasmi bahawa pendapatan purata penduduk Malaysia RM5,000 lebih supaya sesuai dengan usaha membawa kita ke negara maju pada tahun 2020. Jadi, itu yang pertamanya.

Yang keduanya, peruntukan kepada 090000 - KADA, berbanding 080000 - MADA. KADA ini agak tinggi daripada segi perbandingan dengan MADA walaupun MADA dapat lebih RM109 juta berbanding RM72 juta. Saya nak tahu, kenapa hasil pengeluaran empat kali ganda di MADA tetapi peruntukan di MADA ini tak sampai empat kali ganda berbanding KADA. Adakah *efficiency* di MADA lebih baik dan adakah KADA masih lagi dengan masalah-masalah seperti yang dibangkitkan dalam sesi yang lepas. Pengairan, pam yang tidak berjalan, sungai yang tohor ataupun sungai yang dikorek pasir sehingga menjelaskan pengairan dan sebagainya. Adakah perkara-perkara ini telah diselesaikan atau masih lagi ditangani dan diusahakan.

Yang terakhirnya Tuan Pengerusi, mengenai 00203 - Bank Pertanian di bawah P.21 yang diperuntukkan dalam bentuk pinjaman RM150 juta dan telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Sulong dan rakan-rakan yang lain. Saya kalau boleh hendakkan dapat maklumat terperinci, golongan bagaimanakah di kalangan rakyat Malaysia, khususnya petani yang boleh mengakses kepada pinjaman RM150 juta.

Ini kerana saya rasakan keperluan RM150 juta ini kalau disalurkan kepada pihak petani-petani kecil, sudah tentu ianya memberikan makna kepada mereka. Akan tetapi kalau akhirnya pergi kepada sektor perniagaan, korporat yang lebih besar, maka ianya sudah pasti tidak dapat mencapai hasrat penubuhan Bank Pertanian ini. Jadi, saya minta menteri mencatatkan apakah bentuk-bentuk pinjaman yang akan dikeluarkan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hah, ini yang paling susah ini. Lima orang bangun, saya cuma boleh panggil seorang. Yang tak dipanggil, tak terpanggil itu, jangan marah macam Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat. Kita satu parti, kita orang BN sama-sama, takkan nak marah Speaker. Speaker nak adil semua, bukan mengikut negeri, bukan mengikut kawasan tetapi bagi peluang kepada semua. Apatah lagi Yang Berhormat Putatan yang sudah lebih sepuluh kali berucap di bawah kementerian peringkat Jawatankuasa ini. Jadi, saya bagilah yang kurang sedikit berucap. Yang Berhormat Sik ya.

#### **12.56 tgh.**

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Hidup Speaker, hidup Speaker. Terima kasih banyak-banyak Datuk Seri Dr. Pengerusi.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Hidup Datuk Seri.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Ini yang sayang sangat ini. Saya akan menyentuh pendek tentang butiran-butiran yang ada kaitan dengan kawasan saya iaitu Butiran 03300 – Kompleks Pertanian, 070100 – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), 040000 - Perikanan, 130800 – Insentif Hasil Tangkapan Nelayan, 040700 – Pembangunan Akuakultur, 23400 – Kemudahan Perikanan, tapi sentuh pendek sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sempat kah Yang Berhormat? Banyak itu.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Ha, pendek. Tuan Pengerusi, sebagaimana objektif Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani iaitu menerajui proses-proses transformasi dalam sektor pertanian secara terancang, bersepadau dan menyeluruh ke arah dasar agromakanan negara, transformasi ini perlu dimulakan di peringkat Parlimen atau daerah yang mana sumber ekonominya adalah berasaskan pertanian seperti Parlimen Sik. Bagi menyokong hasrat transformasi tersebut, Parlimen Sik amat-amat memerlukan Datuk Menteri, satu kompleks pertanian diwujudkan di Parlimen Sik bagi membolehkan semua agensi di bawah kementerian berada di bawah satu bumbung.

Oleh yang demikian, daripada keseluruhan RM1,700 juta itu, peruntukan pembangunan bagi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani itu, saya minta sebahagian daripada peruntukan tersebut diberikan kepada Parlimen Sik bagi mewujudkan satu kompleks pertanian yang akan menempatkan semua agensi di bawah kementerian di bawah satu bumbung iaitu dalam Butiran 03300 – Kompleks Pertanian.

Kompleks pertanian ini amatlah penting kepada para petani, peladang, penternak dan nelayan darat yang ada di sana untuk berurus dengan agensi-agensi di bawah kementerian sekiranya berada di dalam satu lokasi yang sama. Selain memudahkan urusan antara pengguna dan pihak kementerian, ianya juga sebagai salah satu perkara kebaikan kepada petani. Ini kerana dengan adanya kompleks pertanian ini, selain dapat menjimatkan kos dan masa, ianya juga dapat mengurangkan rasa penat untuk berulang alik atau bergerak dari satu lokasi ke lokasi yang lain.

Memandangkan kebanyakan para petani atau peladang ini adalah berumur lebih daripada 40 tahun. Kompleks pertanian yang bakal menghimpun para petani ini juga merupakan satu langkah awal ke arah transformasi dalam sektor pertanian di kawasan saya. Tuan Pengerusi, bagi merancakkan juga sektor pertanian, saya mohon daripada FAMA supaya membina sebuah bangunan pasar tani bagi memastikan aktiviti penjualan hasil pertanian dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Selain itu, bagi Parlimen Sik juga yang mempunyai aktiviti nelayan darat di Tasik Beris dan Tasik Muda yang turut menyumbang ekonomi kepada sebilangan kecil masyarakat. Mohon kementerian memberi perhatian kepada nelayan darat dan ini juga dapat melaksanakan aktiviti mereka dengan berkesan iaitu daripada segi kemudahan jeti kepada mereka dan peralatan penangkapan atau penyimpanan hasil tangkapan. Selain daripada itu, aktiviti lain juga perlu diwujudkan kepada nelayan darat seperti ternakan ikan sangkar secara berkelompok. Nelayan darat ini juga perlu dipastikan menerima insentif hasil tangkapan nelayan seperti mana nelayan laut dan juga bantuan rumah memandangkan lebih kurang 100 ke 200 nelayan darat terdapat di sana.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, habiskan Yang Berhormat ya.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh juga berkenaan dengan saliran. Ini umum. Di sawah dan bendang seperti mana yang telah Yang Berhormat Pendang sebutkan, sekarang ini saliran sungai dan sebagainya kalau saya tak silap, saliran ataupun ban di sawah padi juga termasuk di bawah JPS iaitu bawah Kementerian Alam Sekitar. Bagaimana kalau saya cadangkan saliran-saliran di dalam sawah padi ini dimasukkan di bawah Kementerian Pertanian dan Asas Tani supaya *maintenance* nya akan dapat dibuat dengan sempurna. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Petang nanti menteri akan mula menjawab. Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempengerusikan Mesyuarat]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan hingga jam 2.30 petang ini.

**[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 petang]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Jawatankuasa]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sebelum saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab, hari ini hari Khamis. Sebenarnya ada dua lagi kementerian giliran yang sepatutnya menjawab. Saya minta Yang Berhormat Menteri dalam satu jam. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

### 2.32 ptg.

**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]:** terima kasih Tuan Pengurus. Pertamanya saya hendak mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian di dalam membahaskan perkara-perkara yang melibatkan kementerian di dalam peringkat jawatankuasa ini walaupun ada perkara-perkara yang dibangkitkan itu tidak ada kena-mengena ataupun di luar daripada bidang kementerian dan sesetengah itu pun menggunakan bahasa yang kurang enak juga didengar. Jadi walau bagaimanapun saya akan menjawab segala yang dibangkitkan jika ada kesempatan waktu dan jika tiada kesempatan waktu, sampai waktu satu jam saya berhenti, saya akan jawab secara bertulis.

**Tuan Pengurus [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Yang Berhormat Rompin membangkitkan mengenai persoalan tentang apakah pendekatan baru bagi kementerian bagi membantu meningkatkan pertanian di peringkat luar bandar dan sebagainya. Suka saya maklumkan bahawa perkara baru telah pun kita perkenalkan untuk membantu petani-petani terutamanya di luar bandar. Yang pertamanya adalah menguasai sepenuhnya rantaian nilai yang bermula daripada hulu (*upstream*) sehingga ke hilir (*downstream*).

Kalau kita lihat pada hari ini petani-petani biasanya hanya terperangkap, hanya terikat di peringkat pengeluaran semata-mata tetapi selebihnya dikuasai oleh pihak lain. Jadi inilah yang sebenarnya yang menyebabkan pendapatan petani tidak dapat ditingkatkan. Jadi untuk akan datang ini kita merancang terutamanya di bawah jihad memerangi orang tengah ini, kita merancang supaya kalau boleh petani menguasai sepenuhnya rantaian nilai di setiap aktiviti pertanian tersebut. Misalnya kalau padi bukan setakat mereka mengeluarkan padi tetapi dari segi penuaian juga dari segi mesin penuaian juga mesti dikuasai oleh pesawah untuk menghantar padi-padi ke kilang mesti melalui menggunakan *transportation* ataupun pengangkutan daripada pesawah. Bila sampai ke kilang, kilang juga dippunyai oleh persatuan-persatuan peladang dan sebagainya. Jadi semuanya dikuasai oleh petani.

Kita juga memberi tumpuan kepada konsep *economic of skills* dan juga *sustainable*. Kalau kita lihat beberapa program yang diadakan sebelum ini, jumlah yang diberikan kepada petani misalnya di dalam sistem apabila kita mengambil contoh pemeliharaan ternakan misalnya. Sumbangan yang diberikan kepada penternak. Katakan contoh lembu tiga ekor kita bagi kepada dia. Jadi akhirnya projek ini tidak mampu untuk menjana pendapatan yang tinggi kepada petani, kepada penternak. Itulah kadang-kadang kita dengar sebahagian daripadanya terus menjual

lembu-lembu yang diberikan tersebut kepada pihak lain dan sebagainya untuk mendapatkan keuntungan cepat.

Jadi kita berpandangan kalau kita beri projek yang boleh mendatangkan pendapatan sekurang-kurangnya RM3,000 atau RM4,000 sebulan, mereka tentu sahaja akan memberikan tumpuan kepada projek tersebut. Lembu misalnya sekurang-kurangnya minimum 20 atau 25 ekor yang kita boleh bagi kepada penternak. Ikan dalam sangkar kita akan memberikan dalam jumlah yang besar sangkarnya. Bukan setakat satu sangkar. Sekurang-kurangnya lapan hingga 10 sangkar dan sebagainya.

Ini ialah pendekatan-pendekatan baru yang akan kita tumpukan kepada petani. Begitu juga dari segi penanaman. Kita hendak tumpukan penanaman yang mempunyai peluang pasaran produk-produk yang mereka terlibat itu. Dari segi produk yang *marketable* kerana mutu dan sebagainya. Kalau produk yang ditanam tidak mempunyai peluang pasaran jadi akhirnya ia akan merugikan petani. Jadi kita akan bantu petani-petani daripada perkara-perkara yang melibatkan soal mutu dan sebagainya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sayang Tuan Pengerusi tidak boleh bertanya.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Tuan Pengerusi, *Alhamdulillah* Yang Berhormat Rompin juga ada membangkitkan mengenai kelulusan bajet sebanyak RM100 juta untuk empat jelapang padi iaitu Pekan, Rompin, Batang Lupar dan juga Kota Belud. Yang Berhormat Kota Belud pun ada. Secara *detailnya*, Pekan akan mendapat RM12 juta, Rompin akan mendapat RM12 juta, Batang Lupar RM47 juta dan Kota Belud RM29 juta. Bagi Rompin RM12 juta tersebut adalah untuk Pengairan Paya Setajam sebanyak RM8 juta, Pengairan Paya Sepayang sebanyak RM2 juta dan RM2 juta lagi adalah untuk perkhidmatan perunding jurutera awam untuk kerja-kerja reka bentuk yang lebih terperinci lagi.

Yang Berhormat Rompin juga membangkitkan isu yang berkaitan dengan agrobazaar. Yang Berhormat Rompin mahu tahu tentang khabar-khabar angin ataupun ura-ura yang mengatakan akan diwujudkan agrobazaar yang berkonsepkan Kedai Rakyat 1Malaysia. Jadi sebenarnya memang kita mempunyai perancangan untuk mewujudkan kedai yang berharga rendah seperti Kedai Rakyat 1Malaysia tetapi kita akan menambahkan produk-produk lain iaitu produk-produk segar seperti sayur-sayuran, ikan, daging dan sebagainya.

#### ■1440

Kita mungkin menamakannya Agrobazaar Rakyat 1Malaysia dan sebagainya. Untuk peringkat awal ini kita akan *convert* kedai-kedai PPK, Pertubuhan Peladang Kawasan sebanyak 277 kedai dan juga kedai PNK ataupun Persatuan Nelayan Kawasan sebanyak 87.

Yang Berhormat Rompin juga membangkitkan isu pukat tunda yang dikatakan merosakkan mata pencarian terutamanya kepada nelayan-nelayan Zon 'A' dan sebagainya. Kita amat memahami perkara ini. Oleh sebab itulah saya sendiri telah pun mengumumkan bahawa pukat tunda akan diharamkan mulai daripada 1 Januari 2016 iaitu bermula di Zon 'B' yang paling hampir dengan Zon 'A', kawasan-kawasan nelayan kecil tadi. Jadi kita akan memberi peluang

selama setahun kepada nelayan-nelayan ini untuk menukar cara pencarian kehidupan mereka daripada pukat tunda kepada pukat-pukat lain yang mana kita sendiri pada 1 Januari 2015 telah pun membuka semula lesen pukat-pukat jerut.

Yang Berhormat Rompin juga ada bertanya tentang kebenaran untuk lesen-lesen untuk bot-bot nelayan untuk mengangkut pelancong-pelancong. Jadi untuk mengangkut pelancong-pelancong ini sebenarnya kuasanya di bawah Jabatan Laut, iaitu di bawah *Merchant Shipping Ordinance 1952*.

Jadi kalau untuk mendapatkan kebenaran nelayan membawa pelancong-pelancong ini kita akan bincang dengan pihak Jabatan Laut. Satu lagi yang dibangkitkan adalah mengenai Agrobank yang dikatakan bahawa hanya memberi pinjaman kepada peniaga-peniaga ataupun petani-petani berskala besar semata-mata.

Saya ingin memaklumkan bahawa itu hanyalah persepsi semata-mata. Untuk makluman Dewan ini, bahawa pihak Agrobank sehingga ini memberi pinjaman kepada peminjam-peminjam yang pinjamannya kurang daripada RM100,000 dan pinjaman yang diberikan adalah sebanyak RM1.8 bilion kepada 167,000 peminjam yang menjadikan ia 92% daripada jumlah peminjam-peminjam di Agrobank. Bermakna, anggapan mengatakan Agrobank hanya memberi pinjaman kepada peminjam-peminjam besar itu adalah kurang tepat dan hanya persepsi semata-mata.

Ahli Yang Berhormat Alor Star ada membangkitkan dan bertanya apakah kesan kepada insentif pemberian subsidi dan insentif pemberian kepada pesawah-pesawah. Insentif baja, racun dan berbagai-bagai insentif lagi. Apakah kesan setakat hari ini?

Suka saya maklumkan antara dua perkara yang penting yang saya hendak sebutkan antara kesannya, yang pertama ialah peningkatan dari segi pengeluaran padi ataupun *yield*. Misalnya contoh, dalam tahun 1980-an, padi pengeluarannya ialah empat metrik tan dan sehingga tahun lepas, *last year* 2013 ia secara *average* meningkat kepada 6.4 metrik tan. Manakala bagi pendapatan juga kepada pesawah tahun 1980-an, pendapatan mereka adalah sebanyak RM15,000 satu keluarga setahun dan meningkat pada tahun lepas kepada RM24,000 setahun. Satu *family* setahun dan sasaran kita pada tahun 2020, RM48,000 satu *family* setahun. Jadi kesannya kepada peningkatan *yield* dan peningkatan pendapatan.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Boleh saya bertanya sikit?

**Tuan Penggerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Alor Star bangun.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Yang Berhormat Menteri, atas isu yang subsidi, subsidi.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** *[Bangun]*

**Tuan Penggerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada dua yang bangun, yang mana satu?

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Ini subsidi beras, saya akan jawab ini.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Sebelum, yang insentif, insentif.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang mana satu Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Saya bagi Yang Berhormat Alor Star dulu kemudian bagi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Alor Star dulu.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Yang Berhormat Alor Star dulu pasal ini ucapan dia.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, tadi Yang Berhormat Menteri ada sentuh atas ada dikatakan bahawa skim-skim subsidi ada membawa faedah kepada petani-petani.

Saya ingin merujuk khususnya kepada Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan dan juga Skim Insentif Pengeluaran Padi yang kedua-duanya kalau kita lihat daripada bajet, total jumlah amaan untuk dua subsidi ini adalah hampir RM1 bilion setahun, setiap tahun.

Dalam skim baja, saya selalu dengar kompelin daripada petani-pesawah padi bahawa yang pertamanya, baja-baja yang dibekalkan, yang pertama, ada berbagai-bagai kompelin. Sesetengah kompelin bahawa baja seperti untuk percambahan benih padi. Kerajaan membekalkan terlalu banyak baja sehingga membazir. Ada sesetengah petani yang kompelin bahawa kualiti baja yang dibekalkan adalah kualiti yang cukup rendah. Disebabkan itu pesawah padi setiap bulan kena *spend money*, membayar lagi, membeli baja-baja tambahan dan ini adalah kos yang besar untuk pesawah-pesawah padi.

Sebelum ini Yang Berhormat Menteri pernah menjawab kepada soalan saya untuk membekalkan senarai nama-nama syarikat yang telah pun dilesenkan oleh kementerian untuk membekalkan input pertanian untuk Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan, dinyatakan di sini pembekal adalah NAFAS. Saya ingin bertanya, adakah kerajaan membuat pemantauan atas NAFAS bahan-bahan input yang dibeli oleh NAFAS untuk dibekalkan kepada pesawah-pesawah padi.

Saya harap pihak Yang Berhormat Menteri boleh memberikan senarai yang *detail* berkenaan dengan bahan-bahan yang dibeli, syarikat mana yang mereka beli daripada NAFAS ini dan juga nilai kontrak untuk bahan-bahan ini. Sebab untuk Skim SBKPB ini, satu tahun *the subsidy is...*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Alor Star...

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** ...RM400 lebih juta. Minta maaf Tuan Pengerusi, ini penting sebab ini melibatkan RM1 bilion.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya faham, saya faham. Pencelahan, pertanyaan, adalah bukannya sebagai eluan untuk berbahas.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Ya, ya, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Dan juga Skim Insentif Pengeluaran Padi untuk saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberikan senarai syarikat-syarikat dan nilai kontrak yang diberikan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Alor Star. Ya Yang Berhormat Tenom.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, tadi ada menyentuh beberapa insentif yang diberikan kepada penanam-penanam padi terutamanya sawah.

Saya turut untuk bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, berkenaan ini juga subsidi padi bukit ini. Saya melihat bahawa usaha kerajaan untuk juga turut memberi insentif kepada padi-padi bukit terutamanya di Sabah dan Sarawak memang amat kita sokong. Cuma Yang Berhormat Menteri, mekanisme yang digunakan kerana padi-padi bukit yang ditanam ini tidaklah seperti padi sawah yang mempunyai keluasan yang sudah ditetapkan. Kalau kita lihat padi bukit, mereka tanam mengikut kemampuan mereka. Satu ekar, dua ekar dan seterusnya.

#### ■1450

Keduanya Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri, berkenaan dengan insentif ini. Kita juga jangan lupa Yang Berhormat Menteri insentif-insentif kepada tanaman-tanaman yang lain juga. Kalau di Tenom Yang Berhormat Menteri, kita bukan sahaja ada padi, kita ada juga buah-buahan *pomelo*, pisang yang saya kira juga satu yang boleh menghasilkan pendapatan kepada para pekebun-pekebun kecil ini. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri boleh beri penjelasan insentif-insentif yang saya katakan tadi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Yang Berhormat. Tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Alor Star, dari segi *content*, dengan izin, sebenarnya dari segi *content* ianya telah pun melalui Jawatankuasa Teknikal dan sebagainya ianya melalui tender yang diluluskan oleh kementerian. Segala *content* itu mesti diperakurkan oleh bahagian teknikal, Jawatankuasa Teknikal yang saya kira pakar dari segi tentang baja dan sebagainya. Tentang *list* itu, senarai itu saya akan beri setakat yang boleh, yang dibenarkanlah, setakat dibenarkan.

Tentang padi bukit tadi, ini baru pertama kali... *[Disampuk]* Yang Berhormat Tenom bangkitkan baru pertama kali diluluskan oleh pihak kerajaan. Jadi dari segi mekanisme *detail*nya kita masih lagi berbincang bagaimana cara sama ada disalurkan melalui pertubuhan-pertubuhan peladang ataupun melalui kerajaan negeri dan sebagainya. Kita belum ada secara *detail* lagi, kerana ini perkara yang baru. Ada juga cadangan daripada rakan-rakan Ahli Parlimen supaya diberi melalui PPK ataupun pertubuhan peladang kawasan dan sebagainya. Ini kita akan dapatkan secara *detail* nanti, baru kita akan umumkan.

Tentang insentif lain dari segi tanaman-tanaman lain saya percaya tidaklah seperti padi yang begitu banyak insentif baja, racun, harga dan pelbagai lagi. Kita boleh mencadangkan pada kerajaan kalau hendak tambahkan insentif untuk tanaman-tanaman lain dan sebagainya. Akan Tetapi buat masa sekarang ini tidak adalah seperti yang terdapat pada padi dan sebagainya. Yang Berhormat Alor Star...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit boleh? Tuan Pengerusi Bagan Serai.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya terpulang pada Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Saya...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Minta Menteri sedikit.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Tentang...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sawah.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Kalau perkara insentif?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** NKEA, sedikit sahaja.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Bukan, sebab saya kalau perkara baru yang tidak dibangkitkan, jadi akan lebih panjang ini, kalau saya kena habiskan dalam masa satu jam. Kalau insentif itu ada kaitan dengan insentif Yang Berhormat Alor Star bangkitkan. Kalau NKEA, kemudian akan ada isunya bukan isu sawah, isu NKEA. Kalau isu sawah...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** NKEA.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Ya lah, maknanya NKEA sudah jadi isu lain selain daripada insentif.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Okey, tidak apa, terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Jadi saya minta maaf kerana kalau saya sampai 5.30 saya boleh benarkan. Akan tetapi saya 4.30 sudah kena habis ini. Ini yang penting hari ini, yang dibangkitkan mengenai ketirisan di dalam pemberian ataupun subsidi Beras ST15, tadi juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu dan sebagainya. Memang kita tidak pernah menafikan bahawa ada berlaku ketirisan.

Oleh sebab itulah sebelum akhbar *Metro Harian* mendedahkan dalam akhbar mereka tentang ketirisan ini, pada tahun 2013 misalnya iaitu tahun lepas, pihak kementerian telah pun mengambil tindakan terhadap 16 pemborong yang mengamalkan penyelewengan di dalam isu ST15 ini. Kita telah pun batalkan lesen pemborongan mereka pada tahun 2013. Pada tahun 2014, tahun ini sebelum pendedahan oleh *Metro*, pada bulan Oktober daripada Januari hingga Oktober sebanyak 12 kes tangkapan telah pun dilakukan dan kita telah pun membatalkan lesen 12 pemborong yang telah pun kita tangkap tadi.

Apabila pendedahan dilakukan oleh *Metro* tadi, walaupun kita sangsi juga apa yang disebut sebagai 30,000 tan diselewengkan, kita tidak tahu daripada fakta dari mana yang mereka dapat 30,000 tan diselewengkan. Mereka pun tidak tahuolah mungkin *Metro* ada pegawai penyiasat yang pergi menyiasat di setiap kilang dan mendapat kampit beg beras dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, tidak ada apa selepas pendedahan tersebut dilakukan, kita telah pun membuat tangkapan kepada 29 pemborong dan serta-merta membatalkan lesen mereka. Seperti yang saya kata kita tidak pernah menafikan dan kita sentiasa melakukan tangkapan-tangkapan untuk mengurangkan ataupun menghapuskan penyelewengan ini. Kita waktu ini sedang mengumpulkan *review* balik, menilai semula setiap pemborong yang mempunyai lesen di

bawah kementerian dan pada bulan ini kita telah pun mengeluarkan arahan untuk membatalkan semua keseluruhan 600 pemborong yang mengampit beras ini kita akan batalkan semua lesen mereka dan kita akan *interview* semula. Mana yang ada kemungkinan tidak berapa jujur di dalam proses pengampitan dan sebagainya kita akan batalkan.

Kita akan *review* semua sekali, kita akan batalkan semua sekali. Untuk melantik pemegang-pemegang kuota ini, kita telah melantik pihak Ketua Setiausaha kementerian sendiri ataupun KSU untuk menjadi pengurus kepada *committee* ini. Jadi kita akan cuba dan kita juga selepas daripada kes yang dibangkitkan oleh *Harian Metro* tersebut, pihak SPRM juga terlibat sama untuk menyiasat dan kita telah pun memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada pihak SPRM di dalam menjalankan siasatan mereka.

Jadi seperti untuk pengetahuan Yang Berhormat, ada 600 pengampit di seluruh negara dan isu yang berlaku ialah pertukaran beras, pertukaran baju orang kata ini, yang dalam istilah sekarang ini tukar kampit itu berlaku apabila mereka mengampit. Waktu itulah berlaku di kilang mereka yang mana tidak mungkin pegawai kita akan berada di setiap kilang pengampit, kerana kita ada 170 penguat kuasa dan di Malaysia ada 600 pengampit yang setiap hari mengampit beras tersebut. Walau bagaimanapun, saya sudah katakan bahawa kita tidak akan lepaskan sesiapa yang terlibat ini dan kita akan teruskan tindakan-tindakan...

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: [Bangun]**

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: [Bangun]**

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Saya bagi pada Yang Berhormat Alor Star dahulu, kalau berkaitan saya akan bagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Alor Star.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Dengan izin Yang Berhormat Menteri, saya hendak tahu maklumat yang saya terima baru-baru ini adalah pengilang-pengilang memaklumkan bahawa sejak satu bulan mereka tidak dapat lagi kuota daripada BERNAS ataupun kawal selia untuk menjual ST15 dan seperti yang dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat Menteri bahawa SPR sedang menyiasat. Boleh tidak Yang Berhormat menjelaskan dengan lebih teliti dari *angel* apa SPR sedang menyiasat untuk kes subsidi ini.

#### ■1500

Mengenai isu bahawa sekarang semua lesen pengampit, pemborong untuk menjual ST15 telah pun dihentikan. Adakah ini bermaksud skim subsidi untuk ST15 ini juga akan buat sementara berhenti? Maksudnya BERNAS tidak akan diminta untuk mengeluarkan lagi beras ST15 dan dibayar duit subsidi untuk ST15. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya juga ingin penjelasan isu yang sama. Pertama sekali saya ucap tahniah atas ketegasan pihak kementerian mengambil tindakan yang segera di atas penyelewengan

berlaku. Cuma saya ingin tahu, selain daripada pembatalan lesen kepada pihak pemberong yang telah dibatalkan kerana tindakan kes-kes pembatalan melibatkan penyelewengan, adakah lagi apa-apa tindakan yang telah dikenakan ke atas mereka?

Kepada 600 orang pemberong yang telah dibatalkan lesen keluruhan ini, apakah prosedur baru yang ditentukan oleh pihak kementerian untuk memastikan kes-kes yang sedia ada itu tidak akan berulang? Jadi saya ingin tahu, apakah prosedur baru yang telah disediakan? Terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih. Sebenarnya kita bukan batalkan dan tidak terima balik. Kita batakan dan kita akan *interview* semula. Prosedur baru yang kita akan pastikan selepas ini bahawa setiap pemberong yang akan mendapat kuota mesti mempunyai mesin pengampit mereka sendiri. Jadi kita pasti yang mereka akan mengampitnya. Kalau dahulu, yang tidak ada lesen mengampit pun mereka mendapat lesen pemberong, pengampit dan kuota. Jadi ini yang kadang-kadang mereka sub kepada orang. Ini yang kadang-kadang hilang tengah-tengah jalan. Sekarang mereka mesti ada. Maknanya siapa yang tidak ada mesin pengampit, *sure* kita pastikan tidak akan dapat kuota untuk mengampit beras ST15. Itu yang pertama.

Keduanya, mereka mesti mengemukakan senarai peruncit-peruncit yang akan menerima beras daripada kilang mereka. Jadi mereka kena senaraikan. Jadi kalau kedai-kedai yang berkaitan kekurangan beras ataupun beras di kedai-kedai berkaitan kalau ditulis ST15 tetapi ada 30% beras hancur, maknanya pemberong yang ada senarai mengedarkan beras di kedai runcit tersebutlah yang bertanggungjawab kerana dia sudah senaraikan di mana beras itu akan pergi.

Kita juga mungkin selepas ini akan melihat bahawa mungkin kita akan tentukan satu daerah mungkin satu pemberong dan pengampit. Jadi kalau berlaku kekurangan di daerah tersebut atau berlaku penyelewengan di daerah tersebut, kita sudah tahu siapa yang bertanggungjawab. Kalau sekarang ini dari Alor Star, mungkin dia akan menjadi pemberong dan mengedarkan sampai ke Johor. Jadi kita tidak tahu siapa punya tanggungjawab. Sekarang ini mungkin satu daerah satu pemberong dan senarai kedai-kedai runcit pun kita akan dapatkan. Itu untuk mengurangkan peluang penipuan yang berlaku.

Dari segi Yang Berhormat Alor Star tadi tanya tentang yang tergendala baru-baru ini. Perkara itu telah pun kita selesaikan dan saya difahamkan pihak kementerian telah pun mengeluarkan arahan untuk mengampit semula syarikat-syarikatnya dan saya difahamkan syarikat-syarikat yang berkaitan itu kita pakai senarai yang bulan Oktober dulu. Ini kerana sekarang ini masih lagi dalam penilaian untuk Januari nanti untuk dapatkan senarai-senarai baru yang telah pun diputihkan.

Sekarang ini dalam proses pemutihan. Kalau kita langsung sekat, tidak ada langsung beras ST15 di pasaran. Jadi bagaimana golongan yang berpendapatan rendah ingin membeli beras. Jadi kita tidak hendak *effect* dari segi itu. Jadi untuk sementara waktu ini dalam waktu proses pemutihan ini, kita pakai dahulu yang pemberong-pemberong yang telah pun diberi kuota tersebut, tolak yang telah pun dibatalkan kerana ditangkap penyelewengannya.

Tentang SPRM tadi, saya tidak boleh hendak tahu lah apa yang dilakukan oleh SPRM. Itu saya tidak boleh hendak campur urusan SPRM, apa dia buat, kepada siapa, apa prosedur dan sebagainya. Itu bukan urusan kementerian. Saya hendak terus...

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Yang Berhormat, atas isu yang sama ST15.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Saya ingat cukuplah.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** No. This yang sangat penting. Beri satu lagi peluang Menteri.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Okey, kalau tanya pun saya jawab secara bertulis. Kalau tidak, baru tiga orang ini. Ada lagi 25 minit. Boleh, yang lain boleh? Saya hendak jawab fasal lembu itu. Fasal nanti kata, "*Bodoх macam lembu*", fasal soalan tadi soalan, "*Bodoх macam lembu*". Jadi saya kena jawab juga.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Dengan izin Menteri, sebab ini subsidi yang melibatkan beratus juta ringgit setahun Yang Berhormat. Bukan sahaja setakat ketirisan daripada tukar baju penjualan ST15, tetapi juga bekalan yang dibekalkan itu tidak cukup sehingga sekarang disebabkan pemantauan yang cuai. Kalau saya boleh menggunakan ayat itu.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Saya hendak jawab. Dibangkitkan oleh Yang Berhormat tentang di Alor Star, beberapa buah kedai tidak memperoleh beras ST15. Ada dalam akhbar *Sinar Harian*. Jadi itulah akhbar *Sinar Harian*, akhbar *Metro* tidak ada dalam *NST*, tidak ada dalam *Utusan Malaysia*, tidak ada dalam *Berita Harian*. Ini semua surat khabar-surat khabar kecil. Jadi dia kata tidak cukup beras.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Saya pernah bukan sahaja jaga. Sekarang saya jaga beras, dahulu saya jaga gula, jaga minyak masak. Apabila timbul isu-isu satu dua kedai tidak ada supply, ia tidak menggambarkan keseluruhan tidak ada supply. Kedai-kedai yang tidak ada itu kadang-kadang ada masalah, dia tidak bayar pemborong dan pemborong tidak hantar kedai dia. Kalau pemborong tidak hantar kedai dia, tidak mengatakan seluruh Malaysia tidak ada beras. Itu hanya mungkin di kedai itu, *check* apa masalahnya.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Menteri...

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Dahulu waktu minyak masak tidak cukup, ada satu supermarket tidak ada minyak masak. Seluruh Malaysia heboh, kita *check* rupanya kedai itu tidak bayar hutang pemborong. Pemborong kata you bayar dahulu baru kita supply. So takkan kerana itu kerajaan hendak dipersalahkan? Jadi saya harap kita *check every detail*, kenapa. Kadang-kadang surat khabar dia datang dan dia tengok kedai itu tidak ada barang, dia keluarlah kedai tidak ada beras. Betul surat khabar itu tidak salah. Dia cuma cerita tidak ada beras, tetapi sebab tidak ada itu dia tidak cerita. Jadi saya hendak cerita perkara yang sebenar. Boleh saya pergi perkara lain?

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Sedikit sahaja.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** No Yang Berhormat, dalam bulan Januari tahun ini Yang Berhormat sendiri ada keluar kenyataan bahawa...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini Yang Berhormat Alor Star.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Minta maaf Tuan Pengerusi, tetapi ini isu...

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Yang Berhormat Alor Star sudah cukuplah. Kalau Yang Berhormat Alor Star tidak puas hati, kita boleh bagi.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Bagi orang lain lagi.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Saya bagi Yang Berhormat Limbang.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Menteri. Saya tadi ST15 ini, saya di Limbang lain pula ceritanya Menteri iaitu berkaitan dengan *supply* di Limbang yang sebenarnya di Limbang lain cerita, kekurangan. Itulah yang diberitahu kepada saya oleh pembekal-pembekal ini. Memang mereka minta supaya suarakan dengan Menteri supaya menambah kuota untuk Limbang ini, kita tidak cukup. Jadi minta pertimbangan Menterilah.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih. Salah satu lagi punca kekurangan yang kita telah cuba kerana kita tidak dapat menyekat pembelian daripada sesiapa. Sebagai contoh, kita sudah kata kita hendak elakkan *hypermarket* jual kerana hendak elakkan pengusaha restoran dan sebagainya beli. Jadi kita kata *no more*, tidak ada lagi dijual di *hypermarket*. Jual di kedai-kedai di kampung, jual di kedai-kedai di FELDA, di *flats* dan sebagainya supaya golongan berpendapatan rendah boleh beli *direct* kerana berhampiran dengan kedudukan mereka. Akan tetapi siapa yang boleh dan kita cap untuk warganegara Malaysia sahaja.

#### ■1510

Akan tetapi walaupun kita cap untuk warganegara Malaysia, dekat kampung sekarang Bangla-Bangla pun ramai bekerja di kawasan-kawasan luar bandar dan sebagainya. Kalau dia hendak pergi beli dekat kedai di kampung, tauke kampung dia dekat kampung dia kira duit orang Bangla dengan duit orang Malaysia sama sahaja nilainya, dia akan jual. Itu yang kadang-kadang menyebabkan kekurangan, itu satu.

Kalau orang-orang di situ semangat tauke itu kuat, tidak hendak jual kepada warganegara selain daripada Malaysia, kita jangan lupa dia boleh gunakan kawan dia orang Malaysia untuk pergi beli. Beli juga bagi pihak Bangla itu. Sebenarnya kita kadang-kadang kita tengok buku, kita baca buku mungkin kuat sangat tetapi dari segi praktikalnya berbeza daripada apa yang kita buat dalam buku. Kita kata tidak boleh warganegara Malaysia sahaja, tauke jual kerana nilai duit yang sama. Kalau tidak boleh jual gunakan orang lain untuk tolong beli. Warganegara Malaysia yang beli, beli bagi pihak orang luar dan sebagainya.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Yang Berhormat..

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Jadi ini yang kadang-kadang bila berlaku, yang menyebabkan tidak berapa cukup itu tetapi kita akan sentiasa tengok di kawasan-kawasan tertentu kalau Yang Berhormat ada senarai, di Alor Setar tidak cukup, kedai-kedai itu tidak ada, maklumkan kepada kita. Kita akan *supply*kan beras itu supaya mencukupi.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Yang Berhormat / cukup simpati dengan Yang Berhormat sebab masalah-masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah benar. Apa masalah semua yang dibangkitkan adalah benar. *That is correct, that is why* susah untuk memantau kitaran ST15 tetapi...

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Okey, terima kasih.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** ...Masalah ini telah pun dibangkitkan dalam Laporan Audit Negara 2011 atas isu yang sama dan juga sebelum ini kerajaan pernah mencadangkan program subsidi beras untuk rakyat di mana cadangannya adalah untuk memberi baucar kepada golongan yang berpendapatan rendah untuk mendapatkan beras.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Betul, okey.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Akan tetapi sekarang tidak dapat.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Okey *last*, saya hendak jawab *last* kita tukar ke topik lain sebab nanti akan tanya banyak lagi..

**Tuan Penggerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, saya ingat Yang Berhormat Alor Star bacalah peraturan mesyuarat ya.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Okey kita pergi ke topik lain. Memang betul kita dahulu cadangkan beri kupon tetapi apabila sebelum diumumkan kupon, katakan ada contoh 50,000 penerima. Bila hendak beri kupon hendak beli beras percuma, sudah jadi 500,000 sudah contoh. Jadi pertambahan ini yang menyebabkan akhirnya kita tidak jadi sebab bila kita dalam eKasih katakan dalam 50,000, bila kita umum sudah jadi 200,000-300,000 mungkin ada orang yang tidak layak menerima dah daftarkan untuk menerima beras. Jadi beras tidak sampai kepada golongan sasar yang sepatutnya kita beri.

Itulah fasalnya kita tarik balik. Mungkin lepas ini kita fikirkan bahawa mungkin tidak payah lagi kita adakan beras ST15 mana-mana yang dapat subsidi itu orang miskin dan sebagainya kita bagi *cash* sahaja kepada dia. Kita bagi *cash*, RM50 atau RM100, beli beras apa sahaja jenis pun dan kita boleh selesaikan tidak payah timbul ST15 penyelewengan dan sebagainya.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Mencelah sedikit. Saya hairan kenapa bila buat program eKasih beras itu, kenapa tidak ada mekanisme untuk tapis siapa layak, siapa tidak layak. Bila sudah lebih 300,000 itu. Mesti adalah sistem itu kenapa tidak ada.

**Tuan Penggerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Ampang, Yang Berhormat Ampang.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Tidak apa Yang Berhormat Ampang, kita minum dekat luar ya, kita minum dekat luar.

**Tuan Penggerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okeylah Yang Berhormat Menteri macam inilah. Saya ingat peraturan mesyuarat tidak diendahkan, saya mohon Yang Berhormat sekalian rujuk peraturan 37(1)(b) dan saya boleh menggunakan peraturan 37(2).

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Okey, Yang Berhormat Parit Sulong saya baru lepas ke Parit Sulong ini. Yang Berhormat Parit Sulong minta penjelasan cara pemilihan syarikat yang di bawah 1Malaysia Best. Ada beberapa kriteria seperti berdaftar dengan SSM, mendapat

perakuan sijil MESTI, GMP, HACP dan sebagainya, produk mesti mendapat pengiktirafan halal dan produk mesti dikilangkan di Malaysia. Itu antara yang mesti untuk mendapatkan 1Malaysia Best.

Setakat ini jumlah syarikat yang ada 1Malaysia Best adalah 335 syarikat dan dengan jumlahnya SKU 3,834. Bantuan yang diberikan kepada peniaga yang ada 1Malaysia Best ialah kita akan membantu mereka untuk mempromosikan produk-produk mereka. Kalau kita ada promosi di luar negara mereka kita akan berikan keutamaan untuk mengikut kita dan kita *promotekan* produk mereka di luar negara dan sebagainya.

Untuk menjawab soalan yang spesifik mengenai berapa jumlah syarikat 1Malaysia Best daripada Yang Berhormat Parit Sulong. Ada dua syarikat sekarang ini daripada Parit Sulong iaitu Patma Food Industries dan juga Norlee Product Services. Itu daripada Parit Sulong.

Untuk membantu usahawan 1Malaysia Best mendapat sijil halal, kita memang ada membantu iaitu dengan cara kita mengumpulkan selepas latihan dan sebagainya kita mengumpulkan usahawan-usahawan tersebut dan kita memanggil pihak JAKIM untuk bertemu dengan usahawan dan memberi taklimat mengenai bagaimana prosedur untuk mendapatkan logo halal. Apabila kita memberikan geran untuk *upgrade* premis-premis usahawan produk halal ini, produk 1Malaysia Best, kita juga bagi syarat-syarat dan menerangkan mengenai keperluan-keperluan persijilan halal. Jadi premis-premis mereka itu daripada awal lagi kita sesuaikan dengan kehendak daripada pihak JAKIM dan sebagainya.

Untuk permohonan cawangan Agrobank di DUN Sri Medan...

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Bukan sebab ini yang tadi. Topik yang tadi.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Okey, tidak apa saya tengah bercakap selepas berhenti ya.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Boleh ya Tuan Pengerusi?

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Boleh, boleh. Yang Berhormat Parit Sulong apa pun boleh... *[Dewan riuh]*

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Untuk Agrobank Cawangan DUN Sri Medan, kita ada cawangan terhampir iaitu cawangan Yong Peng dan cawangan Batu Pahat. Kita kira sudah dekat. Jadi ada lebih kurang 18 ataupun 16 kilometer. Jadi kita walau bagaimanapun kita bersetuju untuk mewujudkan agen Agrobank melalui Pertubuhan Peladang dan kita memilih Pertubuhan Peladang Sri Medan untuk ejen tersebut, sila.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga saya ucapkan terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih juga tadi dinyatakan tadi bahawa pihak Yang Berhormat telah bersetuju membenarkan melantik PPK Sri Medan menjadi agen. Bukan apa Yang Berhormat Menteri, kalau hendak pergi ke arah Batu Pahat dan juga arah Yong Peng dalam perjalanan itu ada kedai kereta. Kedai kereta itu dia beritahu dengan saya, dia maklumkan dengan saya bahawa paling ramai orang membeli kereta secara tunai ialah pada DUN Sri Medan, sebab itulah.

Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Menteri, sebab tadi mengenai prosedur halal itu. Bukan apa halal ini saya tengok prosedur terlalu ketat. Bila ia terlalu ketat, kena longkang jauh daripada tempat itu, jadi ia menyusahkan mereka yang hendak mendapatkan *certification* halal ini terutamanya peniaga-peniaga IKS yang berpotensi untuk dikembangkan lagi yang berada di luar bandar.

Jadi kekangan inilah yang menyebabkan ramai yang tengah jalan merasa putus asa. Mengapa tidak sebab itu saya bertanya mengapa tidak pihak kementerian sendiri mungkin nego kah atau secara berbincang secara *detail* dengan JAKIM dan sekiranya ianya diusahakan dan kita tahu kuasanya datang daripada mana mungkin boleh mendapatkan sijil ini dipermudahkan. Itu sahaja, terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang setujulah kalau boleh. Kalau boleh JAKIM *outsource* dekat kita pun boleh untuk mengeluarkan sijil halal, kalau boleh.

#### ■1520

Akan tetapi dalam akta cuma JAKIM, dalam pindaan akta yang baru cuma JAKIM dengan Majlis Agama Negeri sahaja yang boleh memproses dan selepas itu hanya JAKIM boleh mengeluarkan sijil halal yang mempunyai satu logo sahaja. Satu lagi- akhirnya, Yang Berhormat Parit Sulong mencadangkan supaya HDC diletakkan di bawah MOA, di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kerana HDC berkaitan dengan makanan dan sebagainya. Saya ucapkan terima kasihlah di atas kepercayaan tersebut. Walau bagaimanapun, untuk memindahkan sesuatu agensi di bawah satu kementerian, ini bukan kuasa kita. Jadi walau bagaimanapun, terima kasih banyaklah di atas cadangan tersebut.

Yang Berhormat Batu Gajah, terima kasih di atas cadangan yang minta supaya kita meningkatkan SSL, mengubah dasar SSL dari dasar SSL padi, beras daripada 70% hingga 100%. Sebenarnya memang kita telah pun membuat perubahan dari segi dasar. Kalau dahulu untuk 70% menjelang tahun 2020 tetapi kita ubah kepada 100% menjelang tahun 2020. Kita mengambil beberapa langkah untuk memastikan SSL 100% itu dapat dicapai.

Antaranya ialah menubuhkan empat kawasan jelapang padi yang baru iaitu di Rompin, Pekan, Batang Lutar dan Kota Belud yang semuanya berjumlah 25,905 hektar luas. Kita juga memperkenalkan *variety* padi yang berkualiti dan rintang penyakit, memperkuatkan sistem infrastruktur pengairan dan saliran, menggalakkan amalan pertanian baik dan pengurusan secara berpusat di bawah NKEA dan sebagainya.

Satu lagi yang dibangkitkan ialah mengenai suhu yang dikatakan semakin meningkat, yang berpanjangan yang mungkin akan mengakibatkan pengurangan hasil. Sebenarnya pihak MARDI membuat kajian, memang diakui terdapat peningkatan suhu tetapi tidaklah terlalu kritikal yang akan mengakibatkan *heat distress* yang boleh menurunkan dari segi pengeluaran. Walau bagaimanapun, yang kita nampak kenaikan suhu ini mungkin menyebabkan berlaku kemarau dan sebagainya. Ini kita ambil pendekatan cara lain untuk mengurangkan kesan. Yang Berhormat Batu Gajah juga membangkitkan mengenai program di bawah *Aqua Culture* dengan kelulusan

sebanyak RM45 juta oleh pihak kerajaan di dalam bajet baru-baru ini. Sukacita saya maklumkan beberapa program yang telah pun dirancang adalah seperti berikut:

- (i) projek ternakan kerang;
- (ii) projek ternakan ikan marin dalam sangkar;
- (iii) projek ternakan gamat di Langkawilah terutamanya;
- (iv) projek propagasi karang. Kita sudah dapat satu kawasan di Terengganu sebanyak 30 hektar untuk tanaman ataupun pembakaian karang;
- (v) projek ternakan siput sedut;
- (vi) projek ternakan kupang;
- (vii) projek ternakan tiram;
- (viii) asuhan benih kerapu *hybrid*;
- (ix) projek ternakan marin dalam tangki; dan
- (x) projek ternakan rumpai laut.

Itu antara yang kita rancang dengan bajet sebanyak RM45 juta yang diluluskan oleh pihak kerajaan.

Dari segi eksport durian sejuk beku yang dieksport ke negara China. Setakat ini, dari tahun 2011 hingga 2013 sebanyak 704 metrik tan telah pun dieksport ke negara China dengan nilai RM65 juta. Sebanyak 704 metrik tan itu termasuk 254 metrik tan ulas durian dan satu ialah dari segi durian *paste* sebanyak 450 metrik tan. Kita akan meneruskan dengan program mengeksport durian sejuk beku ke negara-negara lain juga. Misalnya baru-baru ini kita ke Dubai pun kita memperkenalkan durian sejuk beku. Di Dubai pun sebenarnya- tidak sangka yang negara Arab ini pun berminat dengan durian kita dan sebagainya. Jadi kita akan teruskan program durian ini.

Mengenai *agropreneur* muda, adakah ada perbezaan dengan NAM? Saya ucapkan tahniah sebenarnya kepada MIC, kepada Dato' Saravanan yang mengetuai NAM ini kerana mempunyai projek cili untuk belia-belia kaum India. Sebenarnya melalui *agropreneur* kita bekerjasama dengan NAM ini untuk membantu belia kaum India ini. Saya hendak maklumkan, ianya merupakan satu projek yang baik kerana cili mempunyai potensi yang amat besar. Saya hendak maklumkan jumlah permintaan cili dalam negara adalah sebanyak 300,000 metrik tan dan yang kita boleh bekalkan setakat ini sebanyak 72,000 metrik tan.

Bermakna ada 230,000 metrik tan lagi yang kita tidak cukup untuk cili. Jadi dengan adanya projek NAM ini, belia-belia India mempunyai potensi yang amat besar untuk perniagaan mereka. Ini kerana harga cili pada hari ini ialah di antara RM13.00 hingga RM16.00 sekilo. Cuma saya hendak menjawab soalan Yang Berhormat tadi, apakah rintangan-rintangan dan halangannya? Rintangan dan halangan yang paling besar ialah hujan.

Jadi kalau hujan ini, bunga cili itu sangat sensitif dengan hujan, ia akan menyebabkan cili tidak menjadi. Sedangkan kita ada musim hujan di antara bulan Oktober, November, Disember dan Januari. Ini menyebabkan cili agak sukar. Walau bagaimanapun, kalau ditanam musim yang di luar dari musim hujan tersebut, saya rasa cili adalah berpotensi. Saya pergi kepada Yang

Berhormat Jerlun. Yang Berhormat Jerlun mencadangkan supaya diwujudkan semula Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN). Saya menyambut baik cadangan dari Yang Berhormat ini dan *insya-Allah*, kita akan mengemukakan *paper* Kabinet untuk dipertimbangkan perwujudan semula Lembaga Padi dan Beras Negara.

Tentang status penubuhan Universiti Agro dan adakah NATC akan dinaikkan taraf sebagai universiti? Saya percaya NATC akan dikekalkan seperti sekarang ini tetapi Universiti Pertanian ataupun Universiti Agro akan kita wujudkan. Saya difahamkan NAFAS sedang bekerjasama dengan sebuah agensi kerajaan yang telah pun mempunyai lesen universiti untuk menubuhkan Universiti Pertanian. Ini tentu menggembirakan Yang Berhormat Shah Alam ini untuk kita tubuhkan Universiti Pertanian tetapi lebih kepada - bukan teori tetapi lebih kepada praktikal untuk industri *driven* ini.

Jadi kita akan wujudkan ini dan kita percaya pelajar-pelajar dari NATC akan menjadi *feeder* kepada universiti, maknanya lepasan-lepasan dari NATC berpeluang untuk menyambung ijazah di universiti-universiti agro yang akan kita tubuhkan nanti, Bukit Bertangga hala tujunya. Saya mencadangkan supaya Kolej Pertanian Sintok iaitu di Bukit Bertangga itu akan dijadikan sebagai kampus utama untuk Universiti Agro yang baru ditubuhkan. Jadi kita tidak kiralah walaupun di negeri Kedah pun kita akan buat juga. Sepatutnya saya buat universiti saya di Bera. Akan tapi kita buat di Kedah kerana sudah ada dan sebagainya...

#### ■1530

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Sudah habis ya? Boleh, saya ada banyak lagi tetapi saya kalau hendak ikut saya, orang yang sebagai bekas pengamal undang-undang, saya ikut undang-undang. Kalau Yang Berhormat...

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Boleh jawapan bertulis Yang Berhormat Jerlun.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Hendak minta satu saja yang saya rasa penting juga. Antara pertindihan ini, pertindihan di antara JPS yang di bawah kementerian lain tetapi...

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Okey, ya, ya. Ini yang banyak dibangkitkan.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Ya, ini penting.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Saya ucapkan terima kasih. Ramai yang minta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani selesaikan isu parit, *maintenance* tali air, tadi sungai yang cetek, banjir dan sebagainya, macam-macam minta daripada kita. Sebenarnya, saya suka maklumkan bahawa ia terletak di bawah Jabatan Parit dan Saliran (JPS). Zaman dulu, JPS di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Jadi, kita jaga sawah, sawah bawah kita, pesawah bawah kita. Akan tetapi *maintenance* tali air yang air masuk ke sawah, bukan bawah kita.

Jadi, saya agak sukar. Tahun ini kita minta untuk *maintenance* sawah dan sebagainya. *Maintenance* tali air sebanyak RM160 juta tetapi diluluskan hanya RM20 juta sahaja kerana mungkin diminta kepada JPS untuk menguruskannya. Jadi, saya memang agak sukar sebenarnya. Air kita, kita jaga tapi untuk *maintenance*, bukan kita jaga. Jadi, itulah kekangan-kekangannya.

Jadi, saya banyak isu yang lain yang dibangkitkan. Isu-isu persamaan macam isu Agropreneur yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanah Merah dan sebagainya. Sebenarnya, secara ringkasnya kita mempunyai unit khas untuk menjaga orang muda supaya terlibat dalam bidang pertanian iaitu Agropreneur Muda. Unit Agropreneur Muda yang menyediakan pakej-pakej khas untuk orang muda, yang menyediakan pinjaman yang *special* untuk orang muda supaya terlibat dalam bidang pertanian dan sebagainya. Dari segi pencerobohan nelayan dan sebagainya, saya telah sebut tadi sikit tentang pukat tunda yang akan kita haramkan. Mengenai pencerobohan, *insya-Allah* kita akan sentiasa bekerjasama dengan pihak APMM untuk mengawal pencerobohan yang berlaku di kawasan nelayan dan sebagainya. Jadi, saya rasa yang lain-lain itu lebih kurang hampir sama dan saya akan berijawapan....

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Isu BERNAS yang...

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Oh, isu BERNAS Yang Berhormat ya, isu BERNAS ini *very simple*. Isu BERNAS ini sebenarnya, soalnya sekarang ini bukan entiti syarikat itu yang penting. Sebelum BERNAS *delisted*, BERNAS bukan syarikat *listed*, waktu dia menjaga kepentingan pesawah dan sebagainya. Ia merupakan syarikat sendirian berhad. Lepas itu dia pergi *listed*, lepas itu dia *delisted* balik. Apa yang pentingnya, bukan soal entiti syarikat tersebut tetapi yang pentingnya apakah janjinya di dalam perjanjiannya dengan kerajaan. Itu yang seharusnya diberikan kepada pesawah. Apa yang kita pegang adalah janji di dalam *agreement* itu. Apa pun tidak kisah, yang pentingnya adalah apa yang dijanjikan dan sehingga hari ini tidak ada masalah dari segi janji yang dibuat dalam perjanjian tersebut.

Satu lagi, soal bila mereka akan *listing*. Seperti yang saya kata apa dalam apa yang saya sebut itu, mereka dalam proses untuk *restructuring* dan sebagainya. Selepas *restructuring*, berapa lama diambil masa dan sebagainya. Saya pun belum mendapat laporan daripada mereka. *Insya-Allah* selagi mereka berpegang kepada tanggungjawab yang telah pun mereka akujanji di dalam perjanjian tersebut, saya rasa pesawah tidak perlu bimbang, Yang Berhormat pun tidak perlu bimbang. Apa yang pentingnya ialah nasib pesawah itu terjaga.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Tuan Pengerusi, dengan izin Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, cukuplah.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Tuan Pengerusi, entiti itu memang penting. Yang Berhormat Menteri kata tidak penting

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Alor Star.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Akan tetapi kalau perjanjian dilanggar...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Alor Star...

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** ...Entiti itu yang kita akan saman Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Alor Star! Cukup lah Yang Berhormat Menteri, Terima kasih.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Dan juga sebelum ini ada perjanjian di maklumkan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa syarikat BERNAS akan *delisted* balik dalam bursa.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Betul.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Sehingga hari ini, kita tidak tahu bila ini akan berlaku.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Kita tunggu...

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Sebelum ini dijanjikan NAFAS dan NEKMAT akan dibagi saham dalam syarikat baru yang akan *delist* balik.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Ini, kita...

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Ini adalah persoalan-persoalan yang penting.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Kita boleh tunggu, Yang Berhormat tidak ada *interest* pun dalam BERNAS.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Saya tidak- memang, memang.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Shareholder...

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** *That is not the point*, saya tidak ada saham dalam BERNAS.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Shareholders pun dalam- *no, no, wait, wait*.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Saya bercakap bagi pihak pesawah, pesawah dan petani. Merekalah yang kita hendak melindungi dan jaga.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Pesawah...

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Bukannya *interest shareholders* sahaja.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Pesawah cuba hendak lihat apa yang BERNAS boleh jaga kepentingan mereka. Saya sudah kata, *agreement between* BERNAS dengan kerajaan *still stand*. Itu yang penting. Soal *delisting*, mereka bawa di dalam Mesyuarat Agung Luar Biasa mereka, *shareholders* mereka terima, *shareholders* mereka setuju. Yang Berhormat langsung tidak ada kepentingan sebagai *shareholders*, tiba-tiba hendak bangkitkan soal dari segi itu. Saya rasa ini satu perkara yang tidak patut dibangkitkan.

Apa yang penting adalah *agreement still stand* dan apa yang dijanjikan kepada pesawah masih *enforceable* dan tidak ada perubahan pun. Saya rasa Yang Berhormat Ampang tidak faham pun fasal *agreement*, jadi saya rasa tidak perlulah saya hendak terangkan. Jadi, saya bercakap dengan *lawyer to lawyer*. Mungkin di sebelah itu *lawyer*, jadi boleh bincang dengan *lawyer* di sebelah. Jadi, saya ucapkan terima kasih...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, as a *lawyer* / *don't agree with you*.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** No, no, no.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** How can we as a Member of Parliament...

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Kita tidak perlu argue...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat Sepang, cukup, cukup.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Okey, jadi saya ucapan terima kasih...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Tuan Pengerusi, kena betulkan Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri silap. *We are decision makers, we can tegur apa-apa kesilapan. Takkan jadi shareholders baru hendak bahas dekat sini.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Ampang.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Saya ucapan terima kasih kepada semua, ada lagi yang tidak dijawab, saya tahu. Akan tetapi kerana hendak menghormati dua lagi kementerian, sahabat saya daripada KPPT dan sebagainya masih lagi banyak isu dan saya akan jawab secara bertulis. Siapa tidak puas hati lagi, kita boleh buka meja di belakang, kita boleh berbahas sampai pagi esok. Terima kasih, assalamualaikum.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM4,284,289,300 untuk Maksud B.21 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM4,284,289,300 untuk Maksud B.21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,780,781,100 untuk Maksud P.21 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2015 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM1,780,781,100 untuk Maksud P.21 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2015]*

#### **Maksud B.43 [Jadual] - Maksud P.43 [Anggaran Pembangunan 2015] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kalau boleh lima minit ya. 4.45 Yang Berhormat Menteri boleh menjawab dan kita habiskan di peringkat kementerian Yang Berhormat Menteri menjawab hari ini. Sila Yang Berhormat Tenom.

**3.39 ptg.**

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya akan guna lima minit sebaik-baik yang mungkin... *[Disampuk]* Belum boleh gulung lagi, baru hendak start, Yang Berhormat Tanah Merah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terus kepada butiran.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 090000 – Bomba dan Penyelamat Malaysia dan juga Butiran 30002 – Pembinaan Bangunan JBPM di Sabah. Saya ingin menyentuh berkenaan dengan kewujudan badan sukarelawan bomba yang telah ditubuhkan di kawasan saya.

**■1540**

Terima kasih Yang Berhormat Parit, terima kasih. Saya melihat bahawa kewujudan badan sukarelawan ini bertepatan sekali. Di samping pihak bomba bersama-sama dengan masyarakat setempat dalam soal menangani masalah-masalah, sebagai contoh soal-soal penyelamatan ketika banjir, bila berlakunya kebakaran. Cuma Tuan Pengerusi dalam peringkat Jawatankuasa ini, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apabila badan sukarelawan ini ditubuhkan, adakah badan sukarelawan ini ditubuhkan dengan penuh kelengkapan ataupun dengan penuh ada kelengkapan yang lain seperti uniform, peralatan-peralatan membantu semasa operasi menyelamat. Begitu juga kalau boleh ia diangkat lebih tinggi lagi seperti mana badan-badan sukarelawan yang lain.

Kalau saya lihat, saya ambil contoh Tuan Pengerusi, badan RELA. Di mana mereka hari ini juga telah diberi peruntukan elau. Saya kira semangat sukarelawan ini amat perlu diteruskan. Saya melihat bahawa apabila wujudnya badan ini terutama di kawasan luar bandar, kalau sebagai contoh di kawasan saya Tuan Pengerusi. Kita di Parlimen saya memang mempunyai satu balai bomba tetapi untuk memenuhi kawasan yang begitu luas amat susah sekali. Akan tetapi apabila diwujudkan badan sukarelawan ini sudah tentu dapat meringankan sedikit ataupun dapat mempercepatkan soal-soal menyelamat.

Saya bagi contoh lagi di Daerah Kecil Kemabong. Di mana sejak akhir-akhir ini, berlakunya kejadian rumah terbakar. Saya lihat dari setahun ke setahun, semakin lama semakin meningkat. Saya kira dalam Dewan yang mulia ini saya meminta kepada pihak kementerian, kalaularah dalam bajet yang saya lihat ada lebih kurang RM7 juta mungkin tidak dapat dilaksanakan pada tahun ini. Saya minta penjelasan daripada pihak kementerian. Terutama kepada Yang Berhormat Menteri yang ada pada petang ini. Bilakah pelaksanaan balai bomba dirancang untuk di Daerah Kecil Kemabong? Kalau dikira jarak daripada Tenom, Pekan Tenom itu ke Daerah Kecil Kemabong memang jauh sekali. Antara lebih kurang 20 kilometer. Apatah lagi kalau bomba- apabila berlakunya kejadian macam tahun lalu sahaja, ada sebuah rumah terbakar anggota bomba lambat sampai. Apabila wujudnya sukarelawan ini setidak-tidaknya proses dalam soal menyelamat itu dapat disegerakan.

Jadi, saya minta pihak kementerian kalau boleh memberitahu dalam Dewan yang mulia ini, bilakah perancangan balai bomba, satu balai bomba di Daerah kecil Kemabong itu dapat

diwujudkan? Saya juga meminta kepada pihak kementerian supaya melihat kembali untuk memperkasakan soal-soal badan sukarelawan yang telah ditubuhkan. Saya menyambut baik dengan kewujudan, kalau boleh kita minta lebih banyak lagi badan-badan atau seorang perseorangan ataupun terutama belia-belia di kampung-kampung, terutama di luar bandar. Supaya dapat menyertai badan sukarelawan bomba ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kota Raja. Lima minit ya.

**3.43 ptg.**

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 060100 – Kerajaan Tempatan. Yang Berhormat Menteri, ada beberapa perkara yang dibangkitkan oleh kakitangan PBT. Pertama ialah mereka minta supaya pertimbangan kepada pengurusan profesional. Diberikan kenaikan pangkat Khas Untuk Penyandang (KUP) untuk mereka yang *perform*, yang pencapaiannya baik dan tidak ada masalah disiplin, termasuk kumpulan tertentu yang dikenal pasti. PBT kerjanya berbagai ya. Kita tahu dan begitu kompleks. Lagipun PBT mintalah perkara ini, oleh kerana kerja yang mereka lakukan ini adalah kompleks dan mereka minta supaya tangga gaji dipertimbangkan. Kita tahu bahawa *closed system* yang ada dalam PBT itu menyebabkan pegawai tidak boleh naik lebih tinggi daripada apa yang ada sekarang. Jadi, *they are stuck there, and they cannot go up*. Selagi pemegang jawatan yang paling tinggi itu tidak penceran ataupun tidak meninggal, maka yang kedua itu susah hendak naik lagi.

Jadi, lagi satu ialah mengenai permohonan peruntukan khas untuk PBT ditambah. Ini kerana cukai taksir yang tidak naik lebih 20 tahun, walaupun MARRIS ada tetapi ini adalah untuk jalan. Sedangkan PBT terpaksa memberi servis kepada rumah kos rendah berstrata dan kampung-kampung yang *maintenance* nya adalah tinggi. Sedangkan cukai tidak dapat dikutip sepenuhnya. Kekerapan kutipan sampah dan pembersihan pula perlu ditambah. Tambahan pula kalau kawasan bandar ini, jumlah taman-taman perumahan meningkat dan sebagainya. Seterusnya mengenai landskap. Landskap yang sekarang ini *developer* yang kena sediakan, cantik tetapi *maintenancenya* hendak ikut standard yang pemaju serahkan itu memang mahal. Jadi bagaimanakah PBT boleh dibantu untuk mengekalkan tanggungjawab ini?

Kemudian seterusnya kakitangan kerajaan tempatan juga memohon supaya dipinda peruntukan, di mana dimasukkan Lembaga Rayuan Tatatertib. Ini kerana sehingga kini kakitangan terpaksa mengemukakan langkah terakhirnya adalah di mahkamah. Tidak ada Lembaga Rayuan Tatatertib.

Seterusnya saya ingin menyentuh kepada dasar, Yang Berhormat Menteri. Butiran 020200 – Dasar. Yang Berhormat Menteri baru-baru ini menyatakan bahawa akan menyerahkan satu kertas kerja kepada Kabinet untuk mempertimbangkan semula dasar *Build-Then-Sell*. Seingat saya di lima tahun yang lepas, saya dalam Parlimen ini kita banyak membincangkan

tentang masalah rumah-rumah tergendala dan rumah sakit, projek-projek rumah sakit. Akhirnya yang menanggung bebannya adalah pembeli. Saya rasa mantan Yang Berhormat Menteri KPKT pada ketika itu telah bersetuju bahawa konsep BTS ini akan mula dilaksanakan pada 2015 ini.

Akan tetapi baru-baru ini bulan Ogos kalau tidak silap saya, Yang Berhormat Menteri membuat satu pengumuman bahawa perkara ini akan dibawa, BTS *proposal* akan dibawa kepada Kabinet dalam masa sebulan atau dua. Jadi apakah perkembangannya? Masalahnya sekarang ini kita balik kepada *square one*, dengan izin. Oleh kerana dahulu, kita telah bersetuju bahawa masalah sebenarnya adalah pada *developer*, bukan pada pembeli. Akhirnya yang menanggung pembeli. Bank lepas, *developer* dapat tetapi pembeli walaupun tidak dapat rumah masih terus kena membayar pinjaman mereka kepada bank. Itu sebabnya kita mencadangkan bahawa BTS ini dilaksanakan sebanyak 10% deposit *booking* rumah dan 90% lagi apabila rumah itu siap.

Jadi apakah alasan Yang Berhormat Menteri, saya ingat Yang Berhormat Menteri pun ada dekat sini dulu masa menjadi Ahli Parlimen macam kita sebelum menjadi Menteri dulu. Pada dasarnya kita sudah bersetuju bahawa *BTS is the way to go*, dengan izin. Akan tetapi sekarang kita patah balik, *this is flip flop*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kota Raja.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Habis sudah? Tidak sempat hendak itu dengan Yang Berhormat Menteri. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri dapat menjelaskan dan *definitely* rakyat tidak akan bersetuju. Oleh kerana selama ini, sudah bertahun-tahun rakyat dan juga NGOs berjuang supaya BTS ini yang dilaksanakan. Akan tetapi sebagai Yang Berhormat Menteri baru telah *reverse* ataupun akan *reverse*, wallahualam. Saya hendak dengar itu.

Sedikit sahaja lagi Tuan Pengerusi. Ada pertandingan Anugerah Taman Perumahan Bersih. Apakah alasan Yang Berhormat Menteri apabila pertandingan ini hanya terbuka kepada negeri-negeri yang menerima pakai Akta 672. Ini adalah satu ketidakadilan kepada negeri-negeri di bawah Pakatan Rakyat. Tidak semestinya kita tidak bersetuju dengan Akta 672, maka rakyat tidak diberi hak mereka untuk sama mengambil bahagian dalam program di peringkat nasional. Kalau ini tidak dikatakan pemunggiran, rakyat di negeri pakatan apakah ia sebenarnya Yang Berhormat Menteri? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Limbang.

■1550

3.51 ptg.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya hanya sedikit sahaja iaitu Butiran 090400 – Operasi Kebombaan dan Penyelamat. Saya hanya nak menyuarakan kepada pihak kementerian bahawa pada masa ini, kalau di Sarawak balai bomba yang masih mempunyai dua syif ialah Balai Bomba dan Penyelamat Limbang. Selain

sebelum ini, Mukah juga. Akan tetapi, aduan yang saya dapat ialah ia begitu *stressful* kerana sekurang-kurangnya pun tiga syif untuk sebuah stesen bomba untuk keberkesanan dalam melaksanakan tugas mereka. Itulah *feedback* yang saya terima. Jadi, saya mohon kepada pihak Yang Berhormat Menteri untuk melihat perkara ini. Saya pernah diberitahu secara spesifik bahawa mereka di stesen Balai Bomba dan Penyelamat Limbang ini memerlukan sekurang-kurangnya penambahan tujuh hingga 10 orang pegawai baru untuk memastikan keberkesanan pengoperasian kerana sekarang ini bukan sahaja kebakaran tetapi bermacam-macam lagi. Ia juga sebagai memenuhi sebuah balai bomba yang *complete* seperti mana balai bomba yang lain di Sarawak dan juga negara ini. Itu sahaja Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Serdang.

### 3.52 ptg.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 10100 – Pengurusan Sisa Pepejal Negara. Saya hendak membangkitkan lima perkara. Perkara yang pertama ialah Kapasiti Bukit Tagar Sanitary Landfill (BTSL). Menurut laman web BTSL, ia mempunyai kapasiti sisa pepejal sejumlah 127 juta tan metrik. Buat masa sekarang, hanya mengambil sampah umum dari KL dan sedikit daripada Majlis Perbandaran Selayang yang berjumlah 3,000 tan sahaja sehari. Walaupun jumlah sampah yang diterima oleh BSTL meningkat sampai ke 4,000 tan sehari, kapasiti boleh bertahan sehingga 80 tahun dan pada masa yang sama, Tan Sri Vincent Tan juga sendiri telah menulis bahawa kapasiti BTSL ini boleh bertahan sehingga 130 tahun jika ia hanya menerima sisa pepejal daripada KL sahaja dengan kadar yang sedia ada.

Jadi, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri. Kenapakah loji insinerator perlu dibina di Kepong apabila kapasiti di Bukit Tagar masih mencukupi untuk sekurang-kurangnya 50 tahun dan juga kenapa Yang Berhormat Menteri, tidak membuat lawatan ke Bukit Tagar tetapi pada masa yang sama Yang Berhormat Menteri ada masa untuk pergi melawat tempat pelupusan sisa di Jeram, di Sungai Kertas yang diuruskan oleh Worldwide Holding Berhad, anak syarikat negeri Selangor dan juga ada masa sempat untuk pergi melawat ke *Germany* dan lain-lain tempat untuk melihat insinerator di tempat-tempat tersebut. Soalan yang berkenaan juga ialah, adakah *waste guarantee dimasukkan sebagai salah satu syarat dalam RFT untuk loji insinerator di Kepong?* Jikalau ada, adakah syarat yang sama diberikan kepada Bukit Tagar *Sanitary Landfill*. Itu ialah isu pertama.

Isu kedua, tender terbuka loji insinerator di Taman Beringin, Kepong. Saya merujuk kepada *Hansard* yang bertarikh 26 November 2013, di mana Yang Berhormat Menteri telah berkata *and I quote*, ‘*So, once we - tender ini adalah tender antarabangsa, tender terbuka antarabangsa yang akan diiklankan dan akan pamerkan segala data Yang Berhormat hendakkan*’. Ini adalah yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri. Soalan saya ialah, semalam Yang Berhormat Menteri telah memberitahu Dewan ini bahawa RFP untuk loji insinerator di Kepong telah dikeluarkan kepada empat petender pada 8 Ogos 2014. Adakah RFP ini akan

diterbitkan secara umum? Adakah tender yang dipamerkan seperti apa yang dijanjikan oleh Yang Berhormat Menteri tahun lepas, itu soalan saya.

Isu ketiga, pengurusan Leachate Treatment Plant di Taman Beringin Kepong. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah tindakan yang akan diambil terhadap Alam Flora dan juga Qurba Ventures yang telah gagal untuk menguruskan *Leachate Treatment Plant* di Taman Beringin, Kepong. Yang Berhormat Menteri, ini bukan isu *Leachate Treatment Plant* yang tidak berfungsi 100%. Ia tidak berfungsi langsung dan *leachate* yang tidak dirawat dibiarkan begitu sahaja mengalir ke sungai di mana berjuta-juta ringgit sedang dibelanjakan untuk membersihkan sungai di bawah projek '*River of Life*'. Mengapa kah sebahagian daripada kontrak pada masa yang sama untuk menguruskan stesen pemindahan sisa ataupun *waste transfer station* di Taman Beringin diberikan kepada Qurba Ventures Sdn. Bhd. yang tidak mempunyai pengalaman spesifik dalam pengurusan *waste transfer station* ataupun *leachate treatment plant* tetapi disenaraikan sebagai mempunyai pengalaman *general contractor* ataupun kontraktor umum sahaja.

Isu keempat, pengutipan sampah 2 + 1. Yang Berhormat Menteri, telah memaklumkan semalam di Dewan yang mulia ini bahawa kutipan sisa pepejal 2 + 1 ataupun 2 + 1 telah bermula pada 1 September 2014 di negeri-negeri di bawah Akta 672. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, sejauh manakah kutipan 2 + 1 ini dilaksanakan di negeri-negeri tersebut? Sila senaraikan semua kawasan dan taman-taman di mana kutipan 2 + 1 ini sedang berjalan kerana saya dimaklumkan atau diberitahu oleh kawan-kawan saya di KL, Melaka, Johor dan Kedah bahawa ia belum dilaksanakan di kawasan mereka. Jadi, hendak beri jawapan secara bertulis pun boleh jika Yang Berhormat Menteri hendak menyenaraikan semua kawasan dan taman-taman tersebut.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey, terima kasih.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** ...Adakah RM700,000 yang diperuntukkan kepada kempen kesedaran awam pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam cukup untuk meningkatkan kesedaran untuk mengasingkan bahan-bahan kitar semula bagi kutipan 2 + 1. Last sekali Tuan Pengerusi, Pengasingan Sisa Pepejal di Punca yang akan berlaku pada September 2015. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri atas pengumuman bahawa Pengasingan Sisa Pepejal di Punca secara mandatori akan dimulakan pada September 2015. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, selepas Pengasingan Sisa Pepejal di Punca, apakah rancangan kementerian untuk menguruskan sisa pepejal berjadual ataupun *schedule waste*.

Saya memberikan satu contoh, buat masa sekarang tidak ada apa-apa rancangan untuk mengumpul dan melupuskan *fluorescent lamp* yang mengandungi merkuri. Ia sepatutnya diasingkan daripada sisa pepejal biasa dan diuruskan sebagai sisa pepejal berjadual ataupun *schedule waste*. Ada sebuah organisasi iaitu *The Electrical and Electronics Association of Malaysia* (TEEAM) yang telah mendapatkan geran untuk mengumpul dan melupuskan *fluorescent lamp* secara selamat tetapi memakan kos yang begitu tinggi Yang Berhormat Menteri

iaitu lebih kurang RM3,000 setan untuk menghantar *fluorescent lamp* ini ke Tapak Pelupusan Sisa Berjadual di Bukit Nanas, Negeri Sembilan yang diuruskan oleh Kualiti Alam Sdn. Bhd.

Adakah kementerian ada rancangan untuk menguruskan sisa pepejal berjadual selepas ia diasingkan di punca dan adakah rancangan ini termasuk membuka pasaran kepada lebih banyak syarikat termasuk syarikat kitar semula supaya kos pelupusan boleh dikurangkan. Bolehkah kementerian mempertimbangkan untuk memberikan geran kepada organisasi seperti TEEAM untuk mengutip dan melupuskan sisa pepejal berjadual seperti *fluorescent lamp* dan juga *electronic waste* ataupun e-waste. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sibuti.

### 3.57 ptg.

**Tuan Haji Ahmad Lai Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin berbahas mengenai Butiran 090000 – Bomba dan Penyelamat Malaysia dalam Butiran 30001. Kita difahamkan Tuan Pengerusi, Balai Bomba dan Penyelamat Batu Niah, Sibuti telah pun dikatakan hendak diiklankan akan disebut harga pada bulan Jun, 2013, tetapi oleh sebab beberapa kekangan ia ditunda ke bulan Januari, 2014 dan selepas itu kita diberitahu lagi Tuan Pengerusi, bahawa Balai Bomba dan Penyelamat Batu Niah ini tendernya akan dikeluarkan daripada JKR pada bulan Julai, 2014.

Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah benar-benar balai bomba dan penyelamat ini sudah siap *drawing* dan *engineering drawing* nya untuk di tender kepada umum pada bulan Julai yang lalu ataupun mungkin kewangannya ke tempat lain dan ditunda untuk tahun 2015. Saya mohon jasa baik Yang Berhormat Menteri agar balai bomba ini benar-benar dibuat di kawasan saya di Batu Niah kerana pada tahun 2012, sudah dua buah rumah panjang dan rumah kampung hangus. Pada tahun 2014 sebanyak tiga buah rumah panjang di mana setiap rumah panjang mempunyai tidak kurang daripada 53 buah pintu hangus sampai ke tanah. Sebab itulah, kita benar-benar memerlukan bangunan ini untuk dibina di kawasan saya di Sibuti. Sekian terima kasih.

### ■1600

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bangkitkan Butiran 020000 berkenaan Dasar dan Pembangunan. Seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Raja, saya hendak bangkitkan juga tentang konsep bina dan kemudian jual iaitu *build and sale* atau dikatakan BKJ.

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempergerusikan Jawatankuasa]**

Ini saya telah bangkit sejak tahun 2008 dan Yang Berhormat Menteri pada masa itu pun janji hendak melaksanakan mulai tahun 2015 tetapi tidak nampak apa yang akan, yang telah

dibincang dan dilaksanakan. Saya hendak beritahu tentang konsep BKJ ini bukannya 100% ditangguh oleh pemaju. Konsep 90% dan 10% di mana pembeli perlu juga untuk bayar 10% untuk wang pendahuluan dan deposit. 90% itu perlu ditangguh oleh pemaju ataupun bank. So, kerajaan perlu cari jalan ataupun mempermudah macam mana kita untuk menggalakkan bank untuk memberi pinjaman kepada pemaju supaya konsepnya boleh dilaksanakan dengan cepat.

Di mana sekarang kita nampak banyak projek-projek terbengkalai di mana menjadi mangsa adalah pembeli rumah. Kalau projek terbengkalai. Dasar konsep Bina dan Kemudian Jual ini telah pun dilaksanakan oleh banyak negara termasuk New Zealand, Thailand dan mereka berjaya. Akan tetapi di Malaysia masih ada banyak masalah. Saya hendak tahu apa masalah sebenarnya dan bagaimana kita mengatasinya. Juga kalau konsep BKJ ini *start* mulai pada tahun hadapan, sasaran kita pada lima tahun dan 10 tahun kita akan mengadakan berapa projek yang akan untuk ikut konsep Bina dan Kemudian Jual.

Saya hendak bangkitkan masalah Butiran 040001 dan Butiran 01604 berkenaan penyelenggaraan perumahan dan juga pemulihan dan juga penyelenggaraan perumahan. Saya hendak merujuk kepada Pangsapuri Taman Medan Cahaya Blok A, B, C, D, E, F, G, dan H, lapan blok yang dimajukan oleh SPNB. Walaupun projek ini di bawah Kementerian Kewangan tetapi projek ini telah siap dan telah 11 tahun SPNB masih menangguhkan kawal selia tentang lapan blok bangunan ini. Mereka tidak dapat untuk menujuhkan JNB dan menyebabkan banyak masalah berlaku lapan blok pangsapuri ini.

Pangsapuri ini di Jalan PJS 2C/2, Taman Medan iaitu di bawah Parlimen Petaling Jaya Selatan. Lif-lif selalu rosak dan tiada langsung untuk *maintenance* di jalankan. So, saya harap sebagai kementerian KPKT juga perlu tegur Kementerian Kewangan. SPNB ini dia tahu untuk bina rumah tapi untuk penyelenggaraan dia memang teruk, memang tidak mampu untuk menjalankan tugas.

Bukan sahaja lif itu rosak, tangki air, pam selalu rosak. Tempat *parking*, masalah padang yang tidak di *maintenance*. Bayaran *maintenance* bermasalah di mana pejabat selalu tutup. Penduduk hendak bayar wang *maintenance* tidak dapat dijalankan. So, saya harap KPKT boleh membuat sesuatu. Ambil alih daripada SPNB untuk yang terutamanya lif dia yang rosak ini yang mana lebih banyak masalah kepada penduduk. Satu blok ada tiga lif. Hanya satu lif yang berjalan, berfungsi. Kadang-kadang lif itu rosak. Untuk tunggu untuk *repair*, hendak tunggu satu ke dua hari penduduk tidak dapat guna lif. So, saya harap KPKT boleh membantu.

Last, tentang Butiran 40100 berkenaan Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata. Saya hendak tahu statistik kes yang telah diterima selama ini. Berapa kes yang telah selesai dan yang belum selesai. Kes-kes yang telah selesai telah pun ada keputusan tetapi syarikat perumahan tidak mahu bayar ganti rugi. Ada kes yang telah pun dibawa ke mahkamah. Ada berapa kes macam ini? Saya hendak tahu statistik. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Silam.

**4.05 ptg.**

**Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, keadaan Bangunan Jabatan Bomba Lahad Datu amat menyediakan. Bangunan ini telah dibina lebih kurang 40 tahun yang lalu. Dia berkedudukan di dalam satu kawasan di berhampiran jalan tengah nipah yang hanya satu hala sahaja. Jadi dalam keadaan kecemasan sering pergerakan bomba ini tersekat-sekat.

Satu lagi perkara, bangunan untuk pekerja-pekerja ataupun anggota bomba di Lahad Datu ini telah diisyiharkan oleh JKR tidak selamat. Maka, sekarang ini hanya bangunan pejabat sahaja yang telah digunakan. Ini bermasalah juga sebab dia terletak di tepi jalan yang sempit. Jadi bangunan baru saya rasa perlu.

Baru-baru ini berbincang dengan Pengarah Bomba Sabah, saya difahamkan bahawa tanah sudah diperoleh hanya menunggu peruntukan sahaja daripada kementerian. Jadi saya melihat ada di bawah Butiran 30002 ada RM7 juta. Saya merayuh kepada Yang Berhormat Menteri kalau boleh tolonglah ingat-ingat bomba Lahad Datu.

Kawasan Lahad datu ini amat besar. Keluasan yang dijaga oleh bomba ini adalah 6,537 batu persegi. Jadi dia juga mengandungi dua DUN, Tungku dan Lahad Datu. Sebagai perbandingan di Kunak 100 kilometer jauh daripada Lahad Datu inilah balai bomba yang terdekat. Di sana di Kunak mengandungi anggota 27 orang sedangkan di Lahad Datu hanya 19 orang sahaja. Jika dibandingkan dengan penduduk Lahad Datu jauh lebih ramai daripada Kunak. Jadi sekali lagi saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri kalau boleh tolonglah pertimbangkan.

Seperkara yang saya ingin juga sentuh ialah Butiran 01600 berhubung dengan Program Perumahan Rakyat Disewa. Di Lahad Datu kita mempunyai penduduk 350,000. Kalau di campur lagi dengan Tungku sudah hampir 600,000. Jadi rumah PPR yang dibina di Lahad Datu hanya satu sahaja iaitu 700 unit. Jadi maknanya hanya 700 keluarga sahaja yang telah dapat diberi unit perumahan rakyat. Jadi saya merayu kepada kementerian kalau boleh bina lagilah perumahan rakyat di Lahad Datu kerana ia amat memerlukan.

Satu masalah yang kita hadapi ialah oleh sebab ketidakdapatannya unit-unit perumahan rumah rakyat ini, penduduk tempatan membina rumah-rumah setinggan di keliling bandar. Jadi inilah menyediakan kita oleh sebab mereka ini adalah rakyat kita. Setiap kali ada pilihan raya kita datang berkempen supaya mereka menyokong kepada kita. Akan tetapi mereka ini duduk di setinggan. Jadi saya harap kerajaan boleh membantu dalam hal ini.

Seperkara yang saya ingin sentuh juga ialah rumah PPR yang ada sekarang ini yang saya cakap 700 unit sebetulnya masih lagi menghadapi masalah bekalan air. Bekalan air dicatut. Maknanya tidak cukup. Jadi saya harap kementerian mengambil perkara ini. Ada juga tempat-tempat dewan serba guna tidak ada dan juga tempat rekreasi tiada. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ampang.

#### **4.09 ptg.**

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** *Alhamdulillah.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada dua perkara sahaja yang saya hendak bangkitkan. Dari segi Butiran 010000 dan 010500 ini undang-undang. Jadi dua perkara yang saya hendak bangkitkan adalah berkenaan dengan undang-undang dan polisi kerajaan KPKT.

Saya meminta berkali-kali untuk mengkaji semula undang-undang mengenai rumah-rumah dan pejabat terbengkalai kerana satu undang-undang praktikal harus dikaji dan disemak semula atau diperbaharui agar projek-projek terbengkalai ini tidak menjadi satu sore eyes kepada kita.

#### **■1610**

Kita lihat banyak projek terbengkalai kalau kita memandu daripada utara sampai selatan, dalam perjalanan itu banyak yang kita lihat dan kerana undang-undang yang tertentu maka projek terbengkalai ini tidak boleh diambil alih, tidak boleh dibersihkan dan sebagainya. Jadi saya minta Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk *review undang-undang* ini.

Ini khususnya saya hendak sebut tentang Highland Towers yang telah runtuh 21 tahun dahulu. Sampai sekarang Highland Towers ini masih lagi tidak terurus, tidak lagi selesai kes ini dan ianya menjadi satu *so ice* yang lebih teruk di kawasan saya DUN Bukit Antarabangsa di Parlimen Ampang dan ia menjadi sarang dan sebagainya. Jadi saya mintak KPKT untuk teliti kes Highland Towers ini dan membuat satu penyelesaian agar kita boleh membuat satu pembangunan baru di kawasan itu dan meningkatkan lagi mutu *property* atau nilai harta tanah di kawasan Parlimen Ampang khususnya di Bukit Antarabangsa. Ini telah menjelaskan penduduk-penduduk di kawasan itu dalam mendapatkan bank *loan* dan sebagainya.

Keduanya adalah undang-undang mengenai asrama dalam kawasan. Adalah tidak ada undang-undang khusus mengenai pendudukan asrama untuk pekerja-pekerja asing. Jadi bila kita *refer* tentang undang-undang tentang salah guna tempat bangunan dan sebagainya, tetapi dia menggunakan undang-undang ataupun garis panduan mengikut hotel.

Pengurusan hotel dan perniagaan hotel itu berbeza dengan asrama. Dua bidang yang berbeza dan dua cara pendekatan yang berbeza. Hotel adalah untuk tetamu dan sebagainya sebab kita buat wang buat duit, jadi ianya memberikan satu khidmat, satu *service*, satu *environment* yang bersih dan kondusif. Akan tetapi bila untuk asrama itu berbeza dengan tidak terurus pekerja-pekerja asing, dengan keadaan perumahannya tidak bersih dan sebagainya yang mengganggu masyarakat di sekitarnya.

Jadi saya mintalah kementerian untuk cuba semak dan buat satu undang-undang khusus untuk penggunaan asrama-asrama untuk pekerja kilang terutamanya yang digunakan oleh pekerja-pekerja asing. Itu sahaja terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bagan Serai. Oh! Tidak nampak Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Jasin bangun.

#### 4.12 ptg.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya merujuk kepada Butiran 090400 – Operasi Kebombaan dan Penyelamat dengan anggaran RM411.3 juta untuk tahun depan dan Butiran 090500 – Keselamatan Kebakaran dengan anggaran peruntukan RM29.2 juta. Api ini kalau sedikit dia jadi kawan, kalau besar dia jadi lawan. Kebakaran datang mengejut dan hari ini orang kehilangan harta dan nyawa macam sakit jantung jugalah bila datang api ini. Di kawasan saya di Bagan Serai tahun ini ada empat kebakaran yang mana hangus semua sekali dan ada tiga kematian. Jadi kebakaran juga datang begitu cepat sehingga apabila datang bantuan agak terlambat.

Berdasarkan statistik tahun 2012 menunjukkan bahawa sebanyak 5,447 kes yang tercatat mengikut perangkaan kebakaran mengikut jenis bangunan di Malaysia. Kebakaran rumah kediaman menunjukkan angka yang tinggi 2,919 kes yang dicatatkan sepanjang masa tersebut. Jadi jika dibandingkan statistik tahun 2013 angka ini bertambah kepada 5,817 kes kebakaran bangunan dan isinya, peningkatan sebanyak 370 kes pada tahun 2013.

Jadi di kawasan saya ada satu balai bomba dan ada dua bomba sukarela. Saya ingin bertanya apakah bantuan-bantuan yang boleh diberikan oleh Kementerian pada bomba sukarela. Ini kerana mereka memerlukan latihan yang betul, peralatan yang baik dan juga kenderaan yang bagus. Di tempat saya ada kenderaan yang *second hand* dan ada juga bomba sukarela di tempat saya yang tidak ada kenderaan. Tidak tahu macam mana dia buat bila ada kebakaran.

Jadi mereka ini ingin memberi sumbangan apabila berlaku kecemasan macam ini. Saya berpendapat bila lihat rumah yang saya sudah buat lawatan yang ada kebakaran ini, saya lihat tidak ada satu rumah itu yang ada pemadam api. Jadi kita jaga kesihatan sudah bagus, kita buat kerja ekonomi pun sudah bagus sudah, sudah ada pendapatan yang baik sudah, tiba-tiba kita mati macam itu sahaja. Jadi jangan tunggu sampai kata orang jangan sampai nasi jadi bubur. Persediaan mesti awal. Kalau kebakaran datang tidak sempat hendak keluarkan orang alat pemadam api ada di rumah.

Saya pun hendak tanyalah dalam Dewan ini, berapa orang yang ada alat pemadam api di rumahnya. Ada? Kalau ada *alhamdulillah*. Ini sebab kalau tidak ada kalau berlaku kebakaran menangislah, tidak sempat hendak buat apa lagi sudah. Ini sebab kita mengharapkan bantuan tetapi bantuan tidak datang secepat yang kita jangkakan. Jadi adakah usaha-usaha untuk memperbaiki lagi perkhidmatan bomba di daerah masing-masing.

Butiran seterusnya 140300 – Unit Kesejahteraan Bandar dan Elaun Jawatankuasa Perwakilan Penduduk. Jadi ia adalah satu inisiatif yang baik oleh kerajaan untuk transformasi pengurusan bandar, di mana hampir 70% penduduk sekarang tinggal di bandar, dan juga memberi peluang kepada rakyat untuk bersama-sama menguruskan masalah-masalah di tempat tinggal mereka. Saya ingin tahu apakah perbezaan peranan sebenarnya antara JKK Kampung serta JPP ini? Adakah ada pertindihan di antara peranan JPP ini dan Ahli Majlis PBT. Jadi apakah JPP, penggerusi dan ahli jawatankuasa diberi elaun? Berapakah elaun diberikan?

Apakah kriteria pemilihan? Siapakah yang membuat pemilihan yang terakhir? Adakah unsur-unsur pilih kasih di dalam pemilihan JPP ini? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rantau Panjang.

#### 4.16 ptg.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Tuan Pengerusi saya ingin menyentuh iaitu berkaitan dengan Butiran 090100 – Pengurusan, juga berkaitan dengan bomba dan penyelamat. Ini kerana kita tahu tugas bomba bukan semata-mata berkaitan dengan isu kebakaran tetapi juga berkaitan dengan semua bencana alam. Saya ingin penjelasan di sini sejauh mana latihan diberi terutama berdepan dengan isu banjir. Ini sebab kawasan saya di Rantau Panjang, peranan anggota bomba cukup penting dalam membantu terutama mangsa-mangsa banjir. Sejauh mana latihan terutama latihan renang, latihan mahu mengendalikan bot terutama dalam air yang begitu besar dan laju dalam suasana banjir besar.

Jadi saya mendapat keluhan daripada anggota bomba kurang latihan, ia berkaitan dengan anggota bomba, sedangkan ini adalah melibatkan keselamatan nyawa anggota bomba itu sendiri. Banyak manakah elaun disediakan? Sebab kes-kes yang kritikal seperti ini termasuk mengendalikan isu banjir dan penyelamat kebakaran menyebabkan ancaman nyawa kepada anggota sendiri. Sejauh mana elaun khas diberi kepada anggota bomba terutama dalam melibatkan pemadam api, melibatkan kebakaran hutan yang besar ataupun banjir besar. Jadi apakah persiapan kementerian untuk insentif kepada anggota bomba yang telah disediakan oleh pihak kementerian.

Kedua iaitu berkaitan dengan G2G berkaitan dengan kebakaran ini, sejauh mana apabila berlaku kebakaran di sempadan. Dalam tahun ini sahaja beberapa kali kebakaran besar berlaku di Rantau Panjang yang melibatkan dan memerlukan kepada kekuatan anggota bomba untuk memadam api yang besar. Akan tetapi malang sekali apabila bantuan daripada negara jiran tidak dapat masuk ke negara kita. Apa prosedur dia? Apa halangan dia yang menyebabkan anggota bomba daripada negara jiran Thailand, tidak dapat masuk membantu untuk menyelamat, sama-sama membantu memadamkan api. Jadi sejauh mana kerjasama yang telah disediakan oleh pihak kementerian dalam isu-isu kritikal terutama di kawasan sempadan.

Seterusnya saya ingin tahu iaitu saya minta kementerian berkaitan dengan pemantauan kuarters-kuarters kerajaan yang terbengkalai. Ini yang banyak bangunan-bangunan kuarters kerajaan yang terbengkalai di bawah PBT yang tidak dipantau, yang ini menyebabkan menjadi punca sarang kegiatan yang tidak sihat di kalangan remaja. Jadi sejauh mana pihak PBT mengambil berat isu yang berkaitan. Begitu juga saya ingin penjelasan yang berkaitan dengan bantuan khas ataupun geran yang diberi oleh kementerian kepada PBT. Terutama PBT di kawasan luar bandar yang sumber pendapatannya amat terhad, sedangkan banyak perkara yang perlu diselesaikan, dari segi infra dan sebagainya.

Saya bagi contoh PBT di Pasir Mas dalam Parlimen saya ada dua, PBT itu dia tanggung dua Parlimen. Parlimen Pasir Mas dan Parlimen Rantau Panjang. Maknanya dua Parlimen di

bawah satu PBT yang pendapatannya amat terhad, sedangkan service yang patut diberikan kepada rakyat memerlukan dana yang cukup besar dan tidak mencukupi. Jadi saya mohon kepada kementerian supaya memberi tambahan kepada PBT di kawasan luar bandar yang memerlukan dana untuk servis perkhidmatan yang tidak mencukupi dengan pendapatan PBT yang ada, selain daripada bantuan kerajaan negeri yang terhad.

■1620

Seterusnya saya ingin minta penjelasan juga tentang penyelesaian isu sisa pepejal. Jadi saya ingin penjelasan, bilakah akan dilaksanakan program kitar semula di Kelantan? Ini kerana setakat ini kita dimaklumkan, di Kelantan kerajaan tidak melaksanakan di bawah kementerian program kitar semula. Maksud saya, kitar semula ini. Jadi, sejauh mana program ini dalam perancangan kementerian untuk diselaraskan di seluruh negara untuk menjamin kebersihan dan menjamin kesihatan untuk rakyat di seluruh negara. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jasin.

**4.11 ptg.**

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, beri saya peluang untuk membahaskan tentang Butiran B.43 – Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya akan terus pergi kepada butiran, ringkas-ringkas sahaja. Butiran 020000, Butiran 020100, lepas itu kepada Butiran 050000, Butiran 050100. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kementerian dan juga Yang Berhormat Menteri yang telah menunjukkan satu prestasi yang cukup hebat sekali dalam memberikan banyak pembelaan kepada rakyat-rakyat terutamanya berpendapatan rendah dalam pembinaan rumah mampu milik dan juga rumah kos rendah.

Saya terus pergi kepada kesejahteraan rumah. Saya ingin mengalu-alukan kenyataan Yang Berhormat Menteri dengan cadangan untuk menubuhkan satu bank perumahan. Jadi soalan saya, apakah perkembangan berhubung dengan cadangan tersebut dan apakah bentuk mekanisme yang akan dibuat secara pinjaman terutama kepada mereka yang tidak mempunyai syarat. Ini kerana ia sangat penting dalam usaha kita untuk memberikan kemudahan dan juga pembelaan kepada mereka yang berpendapatan rendah.

Apa yang terjadi pada ketika ini Tuan Pengerusi, walaupun kerajaan menetapkan harga-harga rumah kos rendah, rumah mampu milik dan rumah kos sederhana, tetapi atas daripada tersebut kerajaan tidak ada langsung membuat apa-apa sekatan dan sewenang-wenangnya pemaju menaikkan harga perumahan mengikut selera mereka. Apa yang terjadi pada ketika ini, rumah-rumah di negara kita patutnya boleh dibeli berdasarkan daripada gaji median tahunan rakyat Malaysia. Jadi kita dapati masih lagi mahal daripada yang sepatutnya mengikut daripada kajian daripada institut penyelidikan khazanah. Sepatutnya harga rumah kita adalah tiga kali lebih tinggi berbanding dengan gaji median seseorang.

Namun di Malaysia, harga rumah adalah berada pada tahap 5.5 kali tinggi berbanding dengan gaji median tahunan rakyat Malaysia. Jadi, gaji median kita adalah lebih kurang

RM3,626 sebulan. Jadi, ini membuatkan harga rumah yang mahal terlalu mahal. Jadi apa yang dibuat, kita sepatutnya meniru apa yang dibuat oleh Kerajaan Singapura, Amerika dan juga lain-lain. Kita mahu melihat supaya hartanah di Malaysia ini dapat menikmati margin pada pemaju-pemaju ini, pada ketika ini menikmati keuntungan sebanyak 21%. Sepatutnya, perkara ini tidak boleh berlaku. Selain daripada itu, usaha-usaha boleh kita ambil. Kalau boleh kita menggalakkan inovasi dengan membina sektor-sektor pembinaan ini dan kewangan serta memberikan galakan kepada pembinaan rumah mampu milik apa yang dibuat oleh pihak kerajaan pada ketika ini.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya pergi kepada Majlis Perbandaran Jasin. Saya mohon pada pihak kementerian supaya dapat memberikan pertimbangan kerana kita telah memohon untuk pembinaan sebuah pasar di Bandar Jasin dan juga sebuah pasar di Bandar Merlimau. Seterusnya saya mohon kalau boleh, ada bantuan terutamanya tentang penyerahan semula peruntukan bandar selamat selari dengan NKRA dalam usaha kita untuk mengurangkan jenayah-jenayah.

Seterusnya, saya pergi kepada butiran peminjam atau pun pemberi pinjaman wang dan pemegang pajak gadai. Pada ketika ini selain daripada pajak gadai yang kita ada, kita ada juga pajak gadai yang diusahakan mengikut lunas-lunas keislaman yang dimiliki oleh orang Islam yang akan menggunakan pajak gadai berkonsepkan Islam dengan tidak mengenakan kadar faedah yang tinggi atau sebarang amalan kewangan yang melibatkan riba, di mana perniagaan yang menekankan konsep Islam akan mampu membantu rakyat daripada terjebak dengan ceti-ceti haram seperti along dan lain-lain.

Seterusnya, saya pergi kepada pihak bomba. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak bomba yang telah menunjukkan satu mutu kerja yang cukup cemerlang sekali. Banyak kejadian yang berlaku dalam kawasan saya, pihak bomba memberikan kerjasama yang cukup hebat sekali. Bukan sahaja tentang kebakaran, bahkan untuk kejadian-kejadian ataupun untuk program-program kebajikan yang lain. Akan tetapi apa yang saya hendak mohon kepada pihak kerajaan supaya penempatan balai-balai bomba ini seharusnyalah jangan diletakkan di kawasan-kawasan bandar. Ini kerana apabila ada kebakaran, mereka bukan sahaja mengambil masa yang panjang untuk sampai ke lokasi, bahkan kerana sekatan-sekatan jalanan dan seharusnya penempatan balai-balai bomba ini diletakkan di kawasan yang kurang sesak.

Keduanya kita dapati banyak daripada anggota-anggota bomba didapati dia mati pada usia yang muda sekali. Adakah kerajaan ataupun pihak kementerian membuat kajian apakah sebab-sebab banyak kematian yang berlaku kepada anggota-anggota bomba. Kemungkinan mereka ini terdedah daripada karbon dan juga mungkin daripada asap. Saya Tuan Pengerusi, saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kepong.

#### **4.26 ptg**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, halaman 511 Butiran 100000 – Pengurusan Sisa Pepejal Negara...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Melibatkan kawasan Yang Berhormat Lenggong juga.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Lenggong bersihlah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Lenggong punya sampah berselerak.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tidak ada sampah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Memang kerana Yang Berhormatnya tidak begitu rajin untuk mengawal...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Siapa Yang Berhormat? Yang Berhormat Lenggong?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya. Tuan Pengerusi, ada diisi, janji di labuh. Pada awal tahun ini Yang Berhormat Menteri sudah membuat kenyataan di dalam Dewan yang mulia ini mengenai kilang sisa pepejal di Taman Beringin. Memang daripada kenyataan itu, kita dapati yang pertamanya Yang Berhormat hendak mengadakan kajian alam sekitar DEIA. Hari ini saya hendak bertanya, setakat mana DEIA sudah dilaksanakan di Taman Beringin?

Itu penting kerana yang dianjurkan oleh kementerian untuk lawatan ke Tokyo itu, setiap insinerator di Tokyo dia ada DEIA dan syarat-syarat DEIA dipenuhi, diikuti di setiap insinerator. Di Malaysia pun kita mestilah mengikut syarat-syarat DEIA yang diadakan di setiap kawasan kalau diadakan insinerator, sama ada di Kuala Lumpur ataupun di Johor ataupun Melaka. Ini kerana kalau kita hendak jadikan satu *benchmark* untuk seluruh negara, kita mesti mengikut syarat-syarat yang diamalkan oleh pihak yang mengadakan insinerator yang diterima oleh warga kota.

Kedua, tender terbuka. Tender terbuka, walaupun kita dapati bahawa ada empat syarikat yang membuat tender dan sebagainya, jadi Yang Berhormat mestilah memberitahu rakyat setakat mana kita dapat menguruskan, menjalankan tender seperti ini supaya mereka faham apakah yang diiktiraf sebagai prosedur yang benar-benar terbuka. Ini kerana kita tidak mahulah berlakunya projek-projek dengan mini insinerator seperti di Pulau Tioman, di *Cameron Highlands* dan sebagainya.

#### **■1630**

Kontraktor-kontraktor yang tidak boleh diharapkan. Misalnya di Labuan, dua kontraktor tidak boleh diharap. Sehingga sekarang tapak insinerator itu sudah ada tumbuhan liar, belukar, tapak insinerator menjadi belukar. Kita tidak mahu berlaku di sini. Kontraktornya mesti nombor satu, mampu untuk menjalankan tugas, mampu untuk memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, itu penting. Jadi sebab itulah saya harap Yang Berhormat Menteri dapat menerangkan kepada rakyat...

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Tuan Pengerusi, saya hendak tumpang Yang Berhormat Kepong, bolehkah? Kawan sama kawan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Boleh.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih. Sebab Yang Berhormat Kepong sedang bercakap mengenai insinerator. Dia pergi semua tempat, dia pergi Labuan, semua dia pergi. Jadinya saya cuma nak tumpang, nak minta Yang Berhormat Kepong cakap juga di kawasan Batu Pahat ini, ada satu Bukit Payung. Tolong tanya, yang itu bila hendak dibina. Sudah berapa lama dah, asyik tunda-tunda, sampai sekarang pun tidak siap-siap lagi. Jadinya Yang Berhormat Kepong pun boleh cakap juga nanti dalam ucapan, masuk sekali.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kepong sudah lupakah? Saya ingat Yang Berhormat Kepong sudah lupa apa mahu cakap.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Yang Berhormat, saya memang bersimpati.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tidak kena mengena dengan genderlah. Projek tidak diuruskan dengan baik, sebab itu kita hendakkan semua projek sama ada di kawasan Parit yang sulung ataupun bongsu itu. Kita tidak kiralah, sulung ataupun bongsu, semua projek mestilah dikuatkuasakan, dilaksanakan dengan sempurna.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, masa habis Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Baik, terima kasih. Akhirnya ada kenyataan awal tahun ini mengenai kilang yang sesuai dan terkini untuk Malaysia dan juga mengenai pengasingan sisa pepejal. Saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkan kepada Dewan yang mulia ini, setakat manakah kenyataan ini dapat dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ini mencabar ini. Saya terpandang Yang Berhormat Bintulu.

#### 4.33 ptg.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih, itu padang besar sikit sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi memberi peluang kepada saya dalam perbahasan untuk Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Pengerusi, saya mahu sentuh di atas Butiran 01600, 03001, 3100, 3200 dan 130500 sekali gus. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri belum sampai Bintulu lagi. Di Bintulu sekarang berkembang, *the town suit its expansion*. Kita sekarang tunggu menunggu naik taraf bangunan bomba tetapi tunggu-tunggu banyak kali saya sudah sentuh, tidak nampak apa-apa rancangan untuk Bintulu terutama sekali di kawasan Sepauh. Banyak kali sudah sentuh. Bila saya tanya, belum ada. Saya tidak tahu Menteri ataupun Timbalan Menteri pun ada, faham atau tidak faham. Bintulu kalau sampai Sepauh, kalau bomba hendak sampai sekurang-kurangnya satu jam setengah baru boleh sampai.

Kalau dia boleh bawa kenderaan itu boleh laju macam kapal terbang, mungkin 45 minit ke satu jam boleh sampai. Kita beberapa kali rumah panjang terbakar. Bila bomba sampai, cuma rakyat tengok anggota, anggota tengok rakyat, sudah selesai. Rumah itu sudah habis. Sampai hari ini, kalau tidak salah sudah tiga penggal saya soalkan ini. Saya tidak tahu lah, rancangan daripada Sarawak tidak ada ataupun pusat sini tidak ambil perkara ini serius ataupun tidak mahu ambil peduli.

Kita jaga semua bandar yang besar ataupun *city area* kita jaga sahaja, kawasan pedalaman macam Sepauh kita tidak mahu ambil tahu. Berkali-kali saya tanya soalan, jawapan itu jawab standard sahaja, akan dipertimbangkan ataupun macam-macam isu ada, tanahlah, inilah, itulah. Kenapa, saya sudah banyak kali kata kalau ada masalah tanah, silalah turun padang berbincang sama Kerajaan Negeri Sarawak. Ini rakyat punya masalah, rakyat punya harta selalu kena bakar, mereka marah. Fasal kaum Iban ini jarang simpan emas di dalam bank, dia simpan dalam rumah panjang. Satu kali bakar, emasnya tidak dapat jumpa lagi, menangis.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Duit simpan mana Yang Berhormat?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Duit.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Duit lagi tidak payah cerita. Ha, Yang Berhormat Kapit ada di sini, tanya sama dia. Kalau rumah panjang, satu kali bakar, wakil rakyat memang sengsara. Ini Menteri belum kena lagi. Lain kali saya rasa kalau kena, saya mahu Menteri dan Timbalan Menteri turun padang, tengok macam mana rakyat lanyak Menteri dan Timbalan Menteri.

Kita mestilah mengambil perkara ini dengan serius. Saya sudah beritahu, kita di kawasan Bintulu sudah dinaiktarafkan. Kita *target* 2025 hendak cari panda tetapi kita sekarang banyak kawasan belum ada balai bomba. Kita minta kalau boleh Bintulu punya satu enjin pergi ke Sepauh, Bintulu bagi satu tentera bomba ada *turntable ladder* kalau boleh 52 meter. Kenapa saya soal hendak minta ini? Kereta ada *ladder* sebab Bintulu sudah naik banyak bangunan, 15 tingkat, 20 tingkat, banyak *heavy industry*. Kalau sampai sudah kebakaran, orang sudah sayonara, sudah jalan, baru itu enjin sampai, esok baru kita hendak order. Buat apa? Rakyat sudah maki kita.

Saya pun tidak tahu kenapa kita tidak ada fasiliti. Kita sudah luluskan tetapi jabatan bomba di Sarawak belum lulus semua. Dia tidak boleh ingat kita di Bintulu tidak ada fasiliti. Berapa puluh tahun yang lalu, 80-an kah, ada satu kali LNG terbakar. Begitu susah, kita tidak ada fasiliti.

**Seorang Ahli:** Berapa penggal sudah tanya? Tiga penggal.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Saya sudah empat penggal. Jadi bilalah kita baru betul-betul ada satu rancangan untuk rakyat Sarawak, menyelesaikan balai bomba ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, boleh.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Beritahu bilalah Bintulu boleh naik taraf, bolehlah tambah enjin itu. Sekarang enjin bomba ini baru ada tiga buah enjin. Kalau bila ada kebakaran, dua buah keluar, anggota beritahu pada saya, tidak tahu sama ada satu buah mahu keluar atau tidak, kalau keluar lain tempat ada terbakar, macam mana hendak atur. Kita mesti kena faham, kementerian. Bila ada kebakaran, kalau kebakaran yang serius ataupun kebakaran yang besar, kita minta ABM punya bomba keluar, begitu susah, dia kata itu tidak kena mengena dengan kita. Kita jaga LNG, kita bukan jaga kawasan awam. Kita jaga kawasan ABM sahaja.

#### ■1640

Inilah satu masalah lagi. Kita nampak Kuala Lumpur banyak helikopter bomba. Letak di sini,banyak sepuluh hingga 20 buah. Bintulu- *heavy industry*, Sabah pun ada tetapi tidak nampak bomba, helikopter ada. Apa masalah kita tambah? Yang Berhormat Menteri memang dari Sabah. Kalau kawasan itu pedalaman, kalau kita tidak ada bomba helikopter, macam mana *heavy industry* itu semua? Kita patut berilah. Kalau tidak cukup beli lagi. Jangan peduli pembangkang apa dia cakap. Kalau esok ada orang terbakar mati, dia maki kita. Jangan kita beli, dia *complain*. Memang dia cakap ini membazirkan wang rakyat...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** ...Kalau kita kecuaian, mereka lagi tepuk tangan, maki sama kita. 50 tahun merdeka, 60 tahun merdeka, masih lagi *facility* ini tidak ada. Betul atau tidak, Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, habis. Gulung Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Jangan gulung. Ini nanti kita kena gulung dengan rakyat lagi susah, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Habiskanlah. Tidak mahu gulung habiskan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Lima minit lagi tambah pun tidak apa. Ini mestilah saya harap Yang Berhormat Menteri atas perkara ini helikopter bomba mestilah diambil tindakan yang serius. Jawatan bomba mesti dinaiktarafkan di Bintulu. Semua bomba mesti mahu tengok sedikit. Tadi saya dengar kawan saya Yang Berhormat dari Sibuti, dia punya bomba sana pun ada kebakaran mesti mahu cepat. Dia punya bomba sama saya punya bomba kongsi. Dia punya *one quarter* balai bomba dia saya punya. Betul atau tidak Yang Berhormat Sibuti? *One quarter* saya punya, *three quarter* dia punya.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih, terima kasih.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Itu rumah panjang sana, rakyat penduduk di sana Tuan Pengerusi, penduduk ada seramai dekat 30,000 orang. Itu kawasan Batunia sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Bintulu tidak cukup peralatan. Beluran baru hendak panggil tender untuk bomba, Yang Berhormat. Masih jauh lagi.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Inilah - sekarang kawan saya ada minta saya sampaikan hendak tolong tanya tentang Balai Bomba Pekan Som, Kapit. Projek belum siap lagi, terbengkalai. Apa cerita ini?

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Parit Sulong pun tidak ada bomba.

**Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Baling pun tidak ada bomba.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Semua ini tidak ada. Ini semua masuk dalam saya punya ucapan. Minta Yang Berhormat Menteri tolong jawab. Ini satu perkara lagi yang serius saya minta...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Bintulu, saya rasa *you* kena sokong Pakatan Rakyatlah dapat bomba nanti. Sebab Sepang ada bomba...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kongkalikung, Selangor banyak perkara tidak selesai lagi, mahu bising. Diam! Duduklah!

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** ...Sebab sokong Pakatan Rakyat. *You* tidak sokong sebab itu *you* tidak dapat bomba. Kasihanlah.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ini isu mengenai CCTV. Saya minta jasa baik dari Yang Berhormat Menteri sama dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri, kedua-duanya jangan lupa CCTV di Bintulu pun mahu pasang. Rakyat tunggu-menunggu fasal anggota polis pun minta tolong pasang lebih sedikit kerana sekarang tidak ada aktiviti yang cukup hebat di Bintulu. Saya minta Yang Berhormat Menteri tolong bantu, berilah sedikit peruntukan di Bintulu.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, ini sudah janji. Kementerian bekas Menteri, bekas Timbalan Menteri, kedua-duanya ada janji. Ada satu bekas Menteri pun sudah 'sayonara', jalan pun sudah barai, ada janji untuk lulus sewa beli rumah untuk orang miskin, untuk rakyat di...

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** ...Setinggan. Memang hari itu saya minta 3,000 unit tetapi kementerian beritahu saya beri 1,000 dahulu. Bila 1,000 unit siap, saya akan beri 1,000 lagi. Akan tetapi sekarang 1,000 unit sudah siap, dua tiga tahun belum lagi nampak diberi 1,000 lagi unit kerana sekarang rakyat di setinggan hari-hari tanya, bilakah kita baru tunaikan janji itu? Minta kerjasama dari Yang Berhormat Menteri. Kita sama-sama dari Sabah dan Sarawak. Sekian, terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *[Bangun]*

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** *[Bangun]*

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** *[Bangun]*

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya cuma boleh panggil dua orang sahaja Yang Berhormat. Selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab. Untuk yang dua orang Ahli ini ialah Yang Berhormat Sungai Siput selepas itu Yang Berhormat Paya Besar.

#### 6.45 ptg.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 03000. Saya hendak bawa isu Sistem Pembetungan untuk taman-taman rumah kos rendah yang

pakai tangki pembetungan komunal. Dahulu, ada dijaga oleh majlis perbandaran selepas itu diambil alih oleh IWK. Akan tetapi sejak tahun 2010, apa yang berlaku ialah IWK katakan ini di luar bidang kuasa IWK. So, baru-baru ini di Sungai Siput ada sebuah kampung iaitu Kampung Sentosa dengan 200 buah rumah lama yang 30 hingga 40 tahun taman itu telah tersumbat. Bila kita minta IWK dia kata boleh buat tetapi dia *charging* RM1,500 untuk *check* satu seksyen. Jika itu tidak betul kena *check* lagi lebih.

So, untuk kita sekarang pergi kutip duit dari 200 buah keluarga yang miskin tidak senang kita kutip duit macam itu. So, bolehkah Kementerian ambil satu pendekatan di mana kita mempertanggungjawabkan majlis perbandaran mengambil alih bayar kos? Mungkin boleh masukkan dalam *assessment* cukai pintu. Jika sekarang kita harapkan rumah-rumah miskin itu untuk kutip sama sekali, susah. Mungkin ada beberapa yang akan bayar dan ada yang tidak akan bayar. Selepas itu susah dan siapa yang hendak ambil masa untuk kutip itu? Ini kerana prinsip kita buat IWK ialah untuk membersihkan air kita untuk pastikan sungai kita tidak tercemar. Akan tetapi jika taman-taman macam ini tidak dikawal dengan betul, *then the problem is still there*. So, di Sungai Siput ada tiga buah taman saya tahu. Taman-taman perumahan kos rendah itu dan juga ada banyak taman lain. Di Kuala Kangsar pun ada beberapa taman yang macam ini dengan *septic tank communal* yang sekarang tidak diselenggarakan.

Isu kedua ialah Butiran 050000 - Perumahan Negara. Ada satu kumpulan keluarga di Sungai Siput lebih kurang 200 hingga 300 orang yang tidak ada rumah. Mereka semua berpendapatan rendah di bawah RM3,000 sebulan. Saya difahamkan bahawa mereka telah datang ke Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk beri satu senarai. Mereka hendak minta satu projek perumahan kos rendah di Sungai Siput. Saya haraplah sebahagian daripada peruntukan kementerian dipakai untuk wujudkan skim perumahan kos rendah.

Last sekali, saya hendak bawa Butiran 100000 - Pengurusan Sisa Pepejal Negara. Saya mahu tanya ini corak kontrak dengan syarikat-syarikat concession seperti Alam Flora. Adakah ia berdasarkan kepada per kapita berapa bilangan penduduk ataupun ia berdasarkan kepada amaun sisa pepejal yang dikutip? Jika yang kedua, *concession* itu tidak ada insentif kewangan untuk buat *recycling*, untuk kurangkan amaun. Saya rasa sistem pembayaran kita untuk perkhidmatan mengutip dan kendalian sampah mesti ada insentif untuk kurangkan sampah itu untuk *recycling*, untuk *separation* exsolve semua. So, sistem *we are paying* kepada kontraktor dan subkontraktor mesti ada prinsip itu. Jika tidak, walaupun kita ingin kurangkan amaun yang kita *collect* tetapi jika sistem *we are using* untuk membayar mereka...

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Melaka bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Okey, boleh.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput. Saya ingin tumpang tanya tentang pusat pengurusan sisa pepejal di

Sungai Udang, Melaka. Saya ingin tahu tentang kedudukan pembinaan tapak ini dan juga memandangkan memang yang sedia ada ini di Krubong sudah tidak muat lagi. Minta Yang Berhormat Menteri dapat beritahu bilakah dapat di bawah pelan ini? Terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Kota Melaka. Saya masukkan dalam ucapan saya untuk jawapan Yang Berhormat Menteri.

Dengan itu, terima kasihlah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Paya Besar.

#### 4.49 ptg.

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Mula-mula ini saya ingin mengucapkan selamat datang kepada perwakilan Persidangan Kepimpinan Mahasiswa Nasional. *[Tepuk]* Terima kasih kerana sudi hadir.

#### ■1650

Kepala P.43 Butiran 30000 - Pembinaan Bangunan JBPM di Semenanjung Malaysia. Saya menuntut janji yang telah dibuat oleh bekas Menteri berhubung dengan pembinaan sebuah balai bomba di Pekan Sungai Lembing, Kuantan. Kawasan Sungai Lembing ini 45 kilometer daripada bandar Kuantan dan balai bomba yang paling hampir ialah di Indera Mahkota. Jadi, untuk ke Sungai Lembing sekiranya ada kebakaran, ia mengambil masa lebih kurang setengah jam. Oleh itu, seperti kata Yang Berhormat Bintulu tadi, kalau kita menunggu bomba dari Indera Mahkota untuk datang ke Kuantan, rumah tersebut dah hangus dah.

Jadi, memang sesuai pihak kementerian membina sebuah balai bomba seperti mana yang dijanjikan oleh bekas Menteri dahulu di Pekan Sungai Lembing. Diwujudkan sebuah sukarela bomba di Sungai Lembing. Mereka juga telah menjalankan tugas mereka dengan begitu baik dan berkesan. Akan tetapi sekiranya kementerian tidak mempunyai peruntukan yang cukup untuk membina balai bomba, saya rasa untuk setahun dua ini bolehlah kementerian melengkapkan bomba sukarelawan yang ada di Sungai Lembing itu dengan kelengkapan yang lebih moden sikit. Supaya mereka boleh melaksanakan tugas mereka dengan lebih licin. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

#### 4.51 ptg.

**Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Abd. Rahman Dahlan]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Pengerusi, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada 15 Ahli Parlimen yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa kementerian saya dan juga dua orang Ahli Parlimen yang telah menumpang kasih sayang daripada Ahli Parlimen yang lain seperti Yang Berhormat Parit Sulong dan juga Yang Berhormat Kota Melaka. Sementara saya menunggu beberapa jawapan yang akan diberikan oleh pegawai saya, Tuan Pengerusi, saya ingin menjawab dahulu perkara pokok. Saya lihat tadi ramai yang bertanyakan tentang konsep bina kemudian jual yang telah

dibangkitkan oleh beberapa orang yang Ahli Parlimen, antaranya Yang Berhormat Kota Raja dan juga ada dua tiga orang lagi yang lain.

Tuan Pengerusi, untuk makluman, saya ingin tegaskan sekali lagi di sini bahawa kementerian saya pada waktu ini mempunyai keutamaan yang mungkin berbeza sedikit daripada beberapa tahun yang lepas. Cabaran yang dihadapi oleh negara kita sekarang ini ialah- yang paling pokok ialah kenaikan harga rumah yang begitu meningkat sekali. Ini tidak boleh dipertikaikan. Walaupun saya tidak mahu berdiri di sini mengatakan konsep bina kemudian jual itu adalah satu konsep yang tidak baik, saya rasa itu adalah satu konsep yang baik untuk menyelesaikan isu rumah terbengkalai dan juga mungkin menangani isu tentang kualiti rumah yang tidak begitu bertepatan dengan spesifikasi yang telah dijanjikan. Itu keutamaan yang penting dalam industri ini. Akan tetapi buat masa ini Tuan Pengerusi, kita berpendapat bahawa kalau kita wujudkan konsep bina kemudian jual dan diwajibkan, kita berpendapat bahawa ini akan membawa kepada fenomena tekanan harga yang akan melambung lagi.

Ini yang menjadi permasalahan saya, Yang Berhormat. Apakah kita perlu gunakan BKJ sekarang ini atas dasar ianya satu konsep yang baik ataupun kita tangani dulu isu yang ada di depan kita sekarang ini? Isu yang begitu mendesak ialah harga rumah terlalu tinggi ataupun meningkat dengan begitu tinggi sekali sejak beberapa tahun yang lepas.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Menteri.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Ingin saya tegaskan di sini dan saya pun telah meneliti Hansard Parlimen. Sewaktu mantan menteri membahaskan di dalam Dewan yang mulia ini, beliau menggunakan perkataan “jika”. *“Jika kita akan mewajibkan pada tahun 2015”*. Ini yang perlu kita buat. Jadi Tuan Pengerusi, kementerian saya berpendapat bahawa untuk menjadikan masalah ini dapat dikekang iaitu kenaikan harga rumah yang terlalu meninggi ini, kita tidak boleh mewajibkan BKJ ini. Saya bagi contoh kenapa ia boleh menyebabkan harga rumah yang mungkin lebih tinggi.

Apabila kita menggunakan konsep bina kemudian jual, sudah tentu komitmen kewangan itu berpindah kepada pemaju perumahan. Ini kerana pembeli tidak lagi membantu daripada segi *end financing*. Sama ada dia *0 to 100 concept* ataupun apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kota Raja tadi, *10 percent down payment*, dengan izin, kemudian 90% lagi itu akan dibayar setelah rumah siap. Itu konsep yang baik tetapi hakikatnya ialah pemaju perumahan itu akan terpaksa mendapatkan kewangannya sendiri. Pergi ke bank, minta *financing* dan kemudian akan memindahkan kos itu kepada pembeli. Itu satu, kita beranggapan bahawa harga akan naik kerana mereka akan memindahkan kos itu kepada pembeli. Yang keduanya Tuan Pengerusi ialah kekhawatiran kita pada masa ini ialah apabila dibuat BKJ ini diwajibkan pada tahun 2015, maka lebih banyak lagi pemaju perumahan yang berskala kecil ini yang tidak akan mampu untuk membuat rumah. Ini kerana mereka tidak mempunyai kemampuan kewangan yang tinggi dan ini akan menyebabkan tawaran perumahan dalam pasaran akan berkurangan dan ini akan menyebabkan harga akan bertambah naik.

Jadi, soalnya sekarang ialah apakah BKJ ini perlu dibuat sekarang? Kenyataan yang saya buat baru-baru ini ialah saya cuma mengatakan bahawa kita tidak akan wajibkan pada tahun 2015. Akan tetapi kita alu-alukan mana-mana pemaju perumahan yang berminat untuk menggunakan konsep BKJ ini sebagai satu tarikan kepada pelanggan. Ini kerana mereka akan membina rumah ini dahulu kemudian menjualnya kepada pembeli. Akan tetapi saya juga tidak nafikan pada masa-masa akan datang bahawa konsep ini boleh kita pertimbangkan sekali lagi. Ini kerana pada waktu ini Ahli-ahli Yang Berhormat dan Tuan Pengurus, komitmen dan keutamaan yang paling penting ialah untuk memastikan industri ini tidak menaikkan harga dengan begitu tinggi. Saya serah kepada Yang Berhormat Kota Raja dahulu.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Masalahnya Yang Berhormat, ialah kita mengatakan bahawa pemaju kena tanggung kos dan akan kita jangka mereka akan menaikkan harga rumah. Akan tetapi selama ini bila rumah terbengkalai, yang menanggungnya adalah pembeli. Tak ada siapa fikir pasal pembeli, tak ada siapa fikir. Bank pun lepas, sedangkan bank meluluskan pinjaman itu. Akan tetapi bila rumah terbengkalai, pembeli yang tanggung. Mungkin saya nampak begini, mungkin kalau tadi difikirkan tentang rumah makin naik harga, yang difikirkan adalah pemaju-pemaju yang kecilah, yang secara terus kita kata kebanyakannya adalah pemaju bumiputra. Cuma mungkin kalau kita letak tanggungjawab kepada mereka, kenapa tidak kerajaan wujudkan satu dana khas kepada mereka ini supaya tidak membebankan rumah itu kepada mereka.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja, satu pandangan yang cukup berasas. Saya ingin bercerita sikit tentang rumah terbengkalai.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Menteri, saya ada soalan yang sama.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Sekejap, sekejap. *Maybe I'll be answering your question* dengan penjelasan saya ini. Rumah terbengkalai ini Tuan Pengurus, saya tidak nafikan rumah terbengkalai adalah satu isu yang begitu emosional. Apatah lagi ia melibatkan ramai keluarga yang terpaksa menjadi mangsa kepada perbuatan pemaju perumahan yang tidak bertanggungjawab ini. Akan tetapi pada masa yang sama Yang Berhormat, saya juga melihat statistiknya. Saya ingin memberi statistik tentang projek terbengkalai ini dan saya dapati ianya tidaklah begitu tinggi.

Saya ada satu maklumat ini, sekejap lagi saya akan cari tetapi ia tidak terlalu tinggi. Masalahnya ialah apabila ia terbengkalai, buat masa ini kita telah ketatkan Akta S&P kita dengan meletakkan beberapa peraturan baru. Supaya rumah terbengkalai ini tidak lagi menjadi fenomena yang biasa dalam negara kita. Saya bagi contoh, pindaan kepada Akta Pemajuan Perumahan 1996, Akta 188, deposit lesen pemajuan perumahan dipindahkan daripada RM200,000 kepada 3% daripada anggaran kos pembinaan termasuk kos yuran profesional. Maknanya, kita akan hanya *entertain* orang-orang ataupun pemaju perumahan yang betul-betul mempunyai latar belakang kewangan yang tinggi.

Yang keduanya, individu memohon untuk menamatkan perjanjian jual beli pada bila-bila masa sekiranya tiada kemajuan pembinaan secara berterusan di tapak pembinaan selama enam bulan juga telah dimasukkan.

**■1700**

Kemudian tuntutan di tribunal juga merangkumi pemaju perumahan yang tidak berlesen. Kemudian dinaikkan lagi kadar penalti daripada RM10,000 kepada RM50,000 dan juga kadar penalti maksimum bagi kesalahan di bawah ini daripada RM200,000 kepada RM500,000.

Isu rumah terbengkalai adalah isu yang penting tetapi sekali lagi saya ingin katakan di sini, BKJ ini walaupun boleh menyelesaikan masalah rumah terbengkalai tetapi ia akan menyebabkan masalah yang lain. Masalah yang lain ini ialah kenaikan harga rumah yang menjadi keutamaan kepada kerajaan untuk mengawalnya buat masa ini. Oleh sebab itu saya katakan ia adalah prioriti, keutamaan. Kalau pada tiga, empat tahun yang lepas, mungkin pada waktu itu harga rumah tidak naik begitu mendadak. Maka keutamaan kita pada waktu itu ialah untuk melihat kepada rumah terbengkalai. Akan tetapi saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat, rumah terbengkalai sekarang ini saya rasa tidak naik, tidak lebih daripada 2%, 3% daripada keseluruhan industri dan itu pun adalah legasi sebelum ini. Maknanya 10 tahun yang lalu, 15 tahun yang lalu. Sekarang ini rumah-rumah terbengkalai ini dapat dipantau dengan lebih baik dengan adanya penambahbaikan dalam akta perumahan tadi.

Jadi Yang Berhormat, saya bukan mengatakan BKJ itu tidak baik. Saya cuma mengatakan pada waktu ini, kita khawatir BKJ ini akan menyebabkan harga rumah naik lagi. Oleh sebab itu, kita merasakan tangguhkan dahulu BKJ ini.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Saya bagi kepada Yang Berhormat Selayang dulu.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Terima kasih.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** *Very short ya.*

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Ya, masalah ialah tentang kenaikan harga rumah. Apakah margin yang telah diambil oleh pemaju? Adakah mereka mengadakan satu margin keuntungan yang begitu tinggi kalau ada pemaju yang boleh menjual dengan harga mampu milik, mengapa ada yang lain mengadakan harga rumah yang begitu tinggi? *So, the question of the developers making a higher profit.*

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Tuan Pengerusi..

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Menteri, boleh...

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Kita tidak ada masalah dalam negara ini untuk mana-mana syarikat ataupun peniaga yang ingin membuat keuntungan. *Now, the question is how much?* Dengan izin. Kalau saya tanya dengan *developers*, REHDA, kebanyakan mereka ini *the big boys* dengan izin adalah *public listed company*. SP Setia, Mah Sing, Sime Darby, semua ini adalah *public listed company*. Mereka mengatakan bahawa keuntungan mereka itu agak rendah ataupun bersesuaian dengan komitmen kewangan yang mereka masukkan dalam perniagaan mereka. Tidak melebihi daripada 20%, *the return on investment.*

Soalnya Yang Berhormat, apa yang kita kawal dalam negara ini adalah rumah kos rendah, itu kita kawal. Kita tetapkan harganya dan juga di negeri-negeri tertentu, rumah rendah kos menengah, *low medium cost*. Yang lain itu kita buka kepada pasaran sebab kita tidak berniat untuk meletakkan harga di dalam sektor-sektor yang lain itu kerana masalahnya berkait Yang Berhormat. Kalau hanya masalah yang difikirkan oleh kita ialah harga rumah, esok kita boleh tetapkan harga rumah. Akan tetapi dalam industri perumahan ini ada 140 lagi industri berkaitan yang akan terjejas jika kerajaan setiap kali cuba untuk *tweaking* dengan izin perumahan ini, *that is my dilemma*. Dilema ini yang harus kita atasi, kalau industri perumahan ini runtuh ataupun ada *deflation*, we are in big trouble. Oleh sebab itu kita kena berhati-hati.

Oleh sebab itu kalau soalnya rumah terbengkalai, kita wujudkan perkara lain. Kita ketatkan lagi peraturan, kita naikkan lagi denda dan satu lagi yang saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat, saya baru-baru ini balik daripada Korea. Saya amat tertarik dengan apa yang dipanggil *Korean Guarantee Housing Scheme*. *It is a guarantee scheme*, yang boleh menyelesaikan masalah rumah terbengkalai tetapi memerlukan *a big overhaul of the industry* tanpa memerlukan BKJ. Saya telah meneliti ini dan kita akan hantar pegawai-pegawai kita ke Korea untuk meneliti dengan lebih terperinci tentang *Korean Guarantee Housing Scheme* ini dan kalau boleh diaplikasikan di sini dan saya tidak melihat itu menjadi satu masalah. Saya akan bawa kertas itu kepada Kabinet untuk dipertimbangkan.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Kota Melaka.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Baru perumahan ini tahu, belum lagi *incinerator*...

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Ya, ya, terima kasih. Perumahan...

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Dua kali saya tanya BKJ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kota Melaka dahulu.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Ini apa nama ini..

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** PJ Selatan.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri kata khuatir harga rumah akan naik kalau kita memperkenalkan BKJ. Saya hendak tahu kekhawatiran ini bagaimana? Mengapa boleh naik harga? Sebab peminjam yang membeli rumah itu juga pinjam dari bank. Saya tak nampak pemaju tidak dapat pinjaman dari bank juga. Saya rasa kalau negara lain boleh laksanakan, saya tak nampak Malaysia tak boleh. Masih bagi alasan, berbagai-bagai alasan yang kata BKJ tak boleh diteruskan.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, kita sedia maklum bahawa tapak pembinaan

perumahan memang amat berkurang dan Dewan ini telah dimaklumkan oleh PR1MA yang katakan ia akan memulihkan tapak iaitu perumahan terbengkalai. Saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri, sudah kah kementerian Yang Berhormat berbincang dengan pihak PR1MA bahawa kita dapat ‘win-win’, bukan hanya dapat kita bangunkan projek PR1MA tetapi juga dapat menyelesaikan satu projek perumahan yang terbengkalai.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, Tuan Pengerusi. Apabila saya mengatakan ada tekanan untuk menaikkan harga rumah ataupun *upward pressure*, ia berkaitan dengan bekalan. Sepertimana Yang Berhormat tahu kalau bekalan berkurangan dalam pasaran, harga akan naik.

Oleh sebab itu kita khuatir apabila pemaju-pemaju perumahan yang bersaiz kecil ini tidak akan mampu untuk mendapatkan pinjaman RM200 juta, RM300 juta, setengah bilion daripada bank, maka mereka tidak akan membina rumah Yang Berhormat sebab tekanan itu kepada mereka. Maka mereka tidak akan buat, dia akan buat benda lain. Apa bila ini berlaku, tawaran bekalan rumah dalam pasaran akan berkurangan. Apabila bekalan berkurangan, harga akan naik. Oleh sebab itu saya ingin minta Yang Berhormat daripada pihak pembangkang untuk bersama-sama dengan kerajaan dalam hal ini.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *[Bangun]*

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Oleh sebab itu kita minta di Pulau Pinang contohnya sudah bagi 10,000 yang akan dibina di Pulau Pinang, sampai sekarang agensi Kerajaan Persekutuan tidak mendapat kelulusan daripada Kerajaan Pulau Pinang. Itu saya rasa patut Yang Berhormat tanya dahulu kepada Pulau Pinang.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Lenggong.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkaitan dengan isu perumahan. Tadi tak sempat hendak bercakap. *[Disampuk]* Pertama, saya tahu bahawa isu-isu perumahan ditangani oleh Majlis Perumahan Negara. Saya difahamkan urus setianya ialah kementerian. Setakat hari ini, dengan pengumuman yang begitu banyak dibuat oleh kerajaan, berapa peratus sudah dilaksanakan? Itu satu. Yang kedua, saya hendak ucap terima kasih kerana tindakan segera telah diambil oleh kementerian, semalam pun dah tender. Terima kasih banyak-banyak, projek perumahan terbengkalai selesai. Satu lagi, saya minta tolong, projek perumahan rakyat itu disenaraikan untuk pelaksanaan tahun hadapan. Terima kasih.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Yang Berhormat Lenggong, tadi Yang Berhormat Lenggong tidak berucap tetapi saya akan jawab secara bertulis untuk Yang Berhormat.

Saya hendak bagi tahu kepada Yang Berhormat Kota Melaka tadi PR1MA bukan di bawah kementerian saya Yang Berhormat, ia di bawah Kementerian Jabatan Perdana Menteri. Saya kira kalau tak silap, Yang Berhormat Arau akan menjawab bagi pihak PR1MA. *Can we move on from perumahan tak?*

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Sedikit sahaja, sedikit sahaja.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** *Incinerator* ini.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Tak apa, sekejap. Saya cuma hendak sebut di sini, apa pun langkah yang diambil oleh kerajaan, tak hendak buat BKJ lagi kah, apakah. Akan berlaku rumah terbengkalai. Walaupun *percentage* nya 0.1 kah, masih berlaku. Cuma bagaimana kerajaan hendak *compensate* pembeli-pembeli rumah ini? Dia mesti ada *valve* dekat situ di mana sekiranya berlaku, kerajaan ambil tindakan macam mana? Kerana kita tak hendak gunakan dana rakyat untuk menyelamatkan pemaju. Pada masa yang sama kita tak hendak membebankan rakyat.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Satu pandangan yang baik Yang Berhormat Kota Raja. Oleh sebab itu saya katakan tadi, *Korean Guarantee Scheme* itu yang sebenarnya telah pun dikaji oleh REHDA dan pegawai-pegawai saya tetapi tidak secara mendalam adalah salah satu cara untuk menyelesaikan isu ini. Bagi kami masa sedikit untuk meneliti secara terperinci program ini dan kita bawa kepada Kabinet. Saya faham apa Yang Berhormat maksudkan, satu keluarga pun, dua keluarga pun kita prihatin. Akan tetapi saya cuma tidak mahu apabila kita mengadakan BKJ ini, ia akan menimbulkan masalah. Kita tutup lubang satu masalah tetapi kita korek satu masalah yang besar iaitu kenaikan harga rumah. So, *I move on from perumahan ini.*

Yang Berhormat Tenom, *short* sahajalah tetapi tak payah mencelah sebab kita tak ada masa ini, kalau boleh. Yang Berhormat Tenom minta bomba sukarelawan, kelengkapan.

## ■1710

Saya dimaklumkan kelengkapan memang ada tetapi untuk projek daerah kecil ke Kemabong itu belum dapat diputuskan buat masa ini. Saya pun sudah tidak tahu, banyak sangat. Sebentar-sebentar. *I want to answer the incinerator.* Saya jawab dahulu Yang Berhormat Bintulu lah sebab Yang Berhormat Bintulu ada di sini. Untuk makluman Yang Berhormat Bintulu, *your wish come true.* Dua helikopter akan kita letakkan, Yang Berhormat minta bomba, *I give you helikopter bomba, new one.*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tangga punya pun mesti mahu. Separuh punya?

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Saya ingin tunjukkan di sini bahawa untuk Sarawak Samalaju, balai bomba dan kuarters Samalaju Bintulu Sarawak telah pun bermula dan akan selesai pada tahun 2017.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Parit Sulong pun hendak bomba juga dengan helikopter sekali.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Siap 2017.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Siap 2017. Jangan di Samalaju. Bandar Bintulu kah Samalaju?

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Bintululah itu

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Samalaju dengan Bintulu banyak jauh oh.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Tadi kalau tidak silap saya Batu Niah ya? *Is it Batu Niah, Miri?* Itu juga kita telah luluskan bermula pada Mei nanti pembinaan akan bermula pada Mei 2014 siap November 2016. Terima kasih atas sumbangan dan juga penghargaan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bintulu tambangnya helikopter, Yang Berhormat Bintulu?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Menteri, boleh mencelah sedikit tidak? Mengenai siap balai bomba, di Samalaju atau di bandar Bintulu, mana satu?

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Yang saya ada di sini Yang Berhormat ialah balai bomba dan kuarters Samalaju, Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Samalaju sampai Bintulu ambil masa satu jam setengah.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan** Akan tetapi ini kawasan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Itu untuk perindustrian punya.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Ada lah tetapi ada lah.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ini bukan untuk orang awam.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Tak apalah, bomba itu boleh sampai Yang Berhormat. Bomba boleh sampai ke tempat dalam masa satu jam pun. Akan tetapi nanti kita bincang Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Okey, bincang boleh.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** *Incinerator.* Mana tadi Yang Berhormat Ong Kian Ming? Yang Berhormat Kepong ada, Yang Berhormat Serdang ada? Oh, ada-ada. Sekejap ya? Sorry minta maaf Yang Berhormat, banyak sangat. *[Sambil mencari teks jawapan di atas meja]* Saya menjawab Yang Berhormat Serdang dahulu sebab dua isu ini saya menggunakan isu *base* dahulu. Saya minta maaf walaupun Yang Berhormat Serdang nombor empat dalam senarai ini tetapi oleh kerana *incinerator* ini penting dan perumahan tadi saya mulakan dahulu dengan ini. Kenapa kita buat *incinerator* di Taman Beringin? Ramai yang mengatakan termasuk juga Yang Berhormat bahawa di Bukit Tagar itu mempunyai *landfill* yang mempunyai kapasiti yang cukup lama. Saya setuju bawah kapasiti di Bukit Tagar itu boleh sampai 100 tahun dan dia berada 60 kilometer 70 kilometer dari Kuala Lumpur.

Akan tetapi Yang Berhormat pada masa yang sama kita tidak mahu menutup Bukit Tagar. Apa yang kita mahu ialah kerajaan mempunyai pelbagai matriks untuk melupuskan sampah. Bukan kerana Bukit Tagar itu wujud, kita hendak tutup. Malah kita perlukan Bukit Tagar sebab 20% daripada abu ataupun *bottom ash* itu nanti terpaksa hantar ke Bukit Tagar. Soalnya sekarang apakah kita boleh mahu menggunakan matriks. *Are we just going to depend on landfill sahaja, selama-lamanya. We have to learn, I know you have problem dengan minta maaf Tuan Pengerusi, I know you have some issues with some of the mini incinerators, but that's fine.* Akan tetapi itu boleh membantutkan usaha kerajaan untuk menggunakan beberapa methods ataupun cara untuk melupuskan sampah. Lebih-lebih lagi kalau *landfill* hanya akan

menanam masalah sedangkan *incinerator* kita boleh mendapatkan tenaga 10 to 15 megawatt daripada Taman Beringin. So there is....

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** *Landfill* pun boleh menjana kuasa.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** *I will call you. I will call you. Landfill only when you tutup selamat Yang Berhormat, then only you will able to capture that metal and gas.* Akan tetapi yang terbuka? So, maknanya ada beberapa sebab kenapa kita buat. Kenapa kita buat di Taman beringin kerana di sifilah punca sampah kawasan Kuala Lumpur, *that's why we do it.* Kita kena buat *incinerator* dekat dengan kawasan yang menjana sampah yang begitu banyak. Kepong adalah salah satu tempat kerana telah digazetkan, Taman Beringin telah digazetkan sebagai tempat pelupusan sampah. *Unless you give me, is there anyone else yang hendak bagi?* Saya hendak bagi tahu untuk mendapatkan tanah untuk perumahan pun susah apatah lagi untuk melupuskan sampah. Sebab itu Tuan Pengerusi kita mengambil pendekatan bahawa kita memerlukan kepelbagaian metodologi.

Lagi pun hanya meminta 1,000 tan sahaja. Selebihnya kan pergi Bukit Tagar dan dalam masa dua tiga tahun 1,000 tan yang akan kita ambil untuk bakar dalam *incinerator* nanti akan bertambah juga ke Bukit Tagar kerana peningkatan penjanaan sampah di kawasan Kuala Lumpur. *I don't see there is a reason.* Hendak cerita pasal teknologi, hendak cerita pasal *environmental impact, I can guarantee you here.* Seperti mana yang Yang Berhormat Kepong katakan tadi bahawa kalau Jabatan Alam Sekitar merasakan projek ini tidak boleh menepati piawaian mereka, *we will call it off.* Ini komitmen kerajaan. Kita mesti *incinerator* ataupun *waste to energy plant* ini dengan izin Tuan Pengerusi mesti mematuhi *stringent requirements* dengan izin oleh Jabatan Alam Sekitar. *I give you three criteria* yang diperlukan untuk meneruskan projek ini.

Satu ianya mestilah mesra alam, kedua mestilah melalui teknologi yang telah *proven* yang telah pun dibuktikan dan yang ketika ialah *value for money.* *If for example at the end of the day, tender ini nanti harganya terlalu tinggi, if - I don't know,* tender ini diuruskan oleh UKAS bukan di bawah saya. Akan tetapi kalau *tipping feenya* terlalu tinggi, kita terpaksa fikirkan sama ada hendak meneruskan atau tidak sebab itu kita ada Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Kewangan. Kalau terlalu tinggi *and it's not berbaloi* dan tidak *not value for money* maka kita akan buat keputusan dalam Kabinet untuk mungkin tidak meneruskan. *So it depends. We just have to wait* untuk mendapatkan kepastian itu apabila dua petender yang terakhir itu diputuskan oleh UKAS pada tahun hadapan.

Tuan Pengerusi, banyak ini. Yang Berhormat Jasin, pajak gadai berkonsepkan Islam patuh syariah yang tidak mengamalkan riba...

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat....

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr.Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Serdang bangun Yang Berhormat.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** *I give you one last chance, just very short one on this one dengan izin.*

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Waste guarantee dan juga RFP tender itu kenapa tidak membuka tender kerana kos untuk mengendalikan ataupun menguruskan loji *incinerator* itu termasuk dalam RFP. *I'm sure you have read the RFP.* Jadi kenapa tidak kemukakan RFP ini merujuk kepada kenyataan menteri tahun lepas.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** You may not believe this Yang Berhormat, I don't even have excess to the RFP. I don't even know who is the contractors are. Of course saya baca dalam surat khabar ada nama-nama yang disebut. Akan tetapi apabila saya minta kepastian daripada UKAS. UKAS kata until the tender is settled. So, soal tentang Jawatankuasa Kewangan nanti itu akan diputuskan oleh UKAS. You can ask them but I would assume, saya rasakan Tuan Pengerusi Jawatankuasa UKAS ini juga akan mempertimbangkan dari segi kosnya. Kalau terlalu tinggi mungkin mereka akan meminta supaya perubahan dibuat ataupun opsyennya mungkin tidak meneruskan. I don't know.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr.Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Tuan Pengerusi, soalan yang sama. Kalau Yang Berhormat menteri pun tidak tengok RFP, siapa bagi *need statementnya*? Takkan UKAS yang control akhirnya kita akan ada *incinerator* yang kementerian tidak perlukan.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Yang Berhormat, yang kita buat ialah dari segi teknikal, yang disebut oleh Yang Berhormat Serdang tadi adalah maklumat tentang kewangan, how much is the tipping fee dan sebagainya. Itu completely di bawah UKAS dan juga Kementerian Kewangan. Yang kita bagi input ialah *need statement* dan sebagainya ialah dari segi teknikal dan dasar *policy matters*.

Yang Berhormat Jasin mengatakan pajak gadai berkonsepkan Islam, patuh syariah, yang tidak mengamalkan riba dan tidak mengenakan kadar faedah yang tinggi. Jemaah Menteri pada 19 Februari 2014 telah membuat keputusan supaya diwujudkan Akta Pajak Gadai Islam Ar-Rahnu dan KPKT dilantik sebagai kementerian mengawal untuk pajak gadai Islam ini.

## ■1720

Untuk ini draf awal atau Ar Rahnu telah pun didapatkan dari Jabatan Peguam Negara dan turut ditubuhkan Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Kerja Akta Ar Rahnu yang dianggotai oleh kementerian-kementerian dan agensi terlibat seperti Bank Negara Malaysia, Jabatan Peguam Negara, JAKIM, Kementerian Kewangan, KPDKKK dan lain-lain. Jadi kita tunggu keputusan Kabinet mengenai ini Yang Berhormat.

Yang Berhormat Bintulu tadi sudah selesai. Oh ya Yang Berhormat Bintulu. Sudah habis. Ada lagi. Sebut nama sahaja masuk. Untuk makluman minta tambahan unit rumah di kawasan Bintulu. Untuk makluman Yang Berhormat Bintulu kita telah siapkan PPR di Kemenia, Bintulu sebanyak 1,000 unit. Kementerian akan mengkaji permohonan bagi pelaksanaan projek PPR di kawasan Bintulu pada Rancangan Malaysia Kesebelas.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Menteri, ini tidak boleh kata dikaji dan dipertimbangkan. Jawab dalam *Hansard* kita ada rekod, janji. Janji itu kata orang *sayonara* sudah jalan.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Nanti saya bincang dengan kerajaan negeri. Kerajaan Negeri Sarawak ini adalah salah satu kerajaan yang mempunyai dana yang cukup besar.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ini tanah memang ada. Mahu peruntukan buat sahaja.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Okey Yang Berhormat. Ini tadi ada yang bertanyakan tentang peluang kenaikan pangkat pegawai-pegawai di PBT kalau saya tidak silap Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri ada Yang Berhormat Bintulu lagi? Dia sudah hendak keluar itu.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Sudahlah. Adapun saya tulis sahaja. Nasib baik saya yang menjawab Yang Berhormat. Kalau Timbalan Menteri saya jawab, *machine gun*. Nasib baik saya yang jawab. Kalau tidak, Timbalan Menteri saya *machine gun* semua. *[Ketawa]*

Tadi ditanya tentang peluang kenaikan pangkat pegawai-pegawai di PBT. Untuk makluman, Jabatan Kerajaan Tempatan sedang mengkaji perkara ini dalam Pelan Transformasi PBT yang dijangka akan disiapkan pada tahun 2015. Untuk makluman Yang Berhormat, betul masalah kita dalam PBT ini ialah kebanyakannya adalah *closed service* Oleh sebab itu dalam Program Transformasi PBT yang saya telah mengeluarkan untuk dimulakan pada tahun 2015 antara lainnya ialah untuk meminta negeri-negeri bersetuju untuk membuka perkhidmatan PBT ini *is a open service*.

Jadi mereka mempunyai peluang naik pangkat, pindah tempat lain dan sebagainya. Ini akan menyuburkan lagi idea dan juga *career path* dengan izin pegawai-pegawai PBT ini. Ada negeri-negeri yang telah bersetuju secara *verbal* dengan saya, menteri-menteri besarnya berkenaan isu ini. Kita berdoa supaya negeri-negeri yang lain itu turut bersetuju dengan menggunakan kaedah perkhidmatan terbuka untuk PBT mereka.

Untuk – okey sekejap. Dakwaan daripada Yang Berhormat Jasin bahawa anggota bomba mati pada usia muda. Ini satu dakwaan yang macam JPJ sedikit ini.

Sehingga kini tidak ada satu kajian menyeluruh yang mengaitkan kematian anggota bomba dengan pendedahan kepada asap. Ini kerana anggota bomba dilengkapi peralatan perlindungan diri seperti jaket api dan memakai alat pernafasan. Akan tetapi ada kajian yang mengaitkan stres dengan prestasi anggota bomba. Kajian mendapati bahawa anggota bomba menghadapi stres kerana menunggu kejadian kecemasan dan terlibat kejadian kecemasan sepanjang masa.

Saya kira ini memang kita perlu berikan penghargaan yang cukup tinggi kepada anggota dan pegawai Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Saya tengok dalam surat khabar Tuan Pengerusi hari-hari mereka bertarung nyawa kadang-kadang pergi ke satu-satu kejadian kebakaran dan juga sekarang ini banyak kemalangan jalan raya dan sebagainya. Mereka lah

yang mengeluarkan mayat, jenazah yang tersepit dan sebagainya. Ini adalah satu kerja yang begitu *stressful*, yang *very traumatic*.

Oleh sebab itu kita harus berikan penghargaan yang tidak terhingga. Ada beberapa orang Ahli Parlimen yang telah memberikan penghargaan dan saya bagi pihak Ketua Pengarah dan seluruh anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia seramai 13,000 orang mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Menteri, celah sedikit. Kapar. Terima kasih Menteri. Menteri, saya setuju pengorbanan bomba adalah memerlukan penghargaan yang sangat tinggi. Di kawasan saya Meru tahun lepas ada seorang bomba yang telah meninggal dunia akibat stres. Justeru itu, saya telah meminta satu pangkalan bomba yang baru di Meru. Saya harap dapat pertimbangan daripada Menteri. Terima kasih.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Menteri, sedikit sahaja. Saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri. Tuan Pengerusi, berapa kerap *how many times* ada setahun anggota bomba ini *go for medical check* termasuk dengan stres, minta.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Saya tunggu jawapan daripada ketua pengarah. Cuma yang saya ingin tekankan Yang Berhormat sebenarnya daripada segi *training* Jabatan Bomba dan Penyelamat kita ini adalah antara yang terbaik di dunia. Kita mempunyai satu *training centre* pusat latihan di Terengganu yang dikira antara yang terbaik di Asia, di Terengganu di Wakaf Tapai. *Is probably one of the best in Asia*. Banyak negara lain yang telah menghantar anggota bomba mereka untuk mendapatkan latihan di situ.

Saya pergi ke situ Yang Berhormat kalau semuanya fasa-fasa itu siap nanti sehingga akan simulasikan untuk memadam api, kapal terbang terhempas pun boleh dibuat situ kerana ada landasan. Kemudian ada simulasikan untuk memadamkan api dalam kapal laut yang besar juga boleh dibuat di situ, ada tasik. Jadi memang Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia mempunyai prestasi latihan dan juga kecekapan yang tinggi.

Saya beralih kepada Yang Berhormat Ampang. Ada kah Yang Berhormat Ampang di sini? Ada tengok di sin i iaitu isu *Highland Tower*. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia telah menyediakan garis panduan perancangan mengenal pasti bagi pembangunan semula kawasan *Brownfield* iaitu pada tahun 2012.

Tapak *Highland Tower*. *Highland Tower* merupakan satu tapak *Brownfield* yang dikategorikan sebagai jenis *Brownfield* jenis C merangkumi tapak atau bangunan kilang perniagaan, perumahan atau institusi yang telah ditinggalkan atau terbiar melebihi 10 tahun. Secara prinsipnya tapak *Highland Tower* boleh dibangunkan semula dengan mengambil kira pematuhan kepada undang-undang dan garis panduan sedia ada. Keprihatinan terhadap kesihatan dan keselamatan penduduk, peningkatan imej bandar serta menambah nilai harta tanah bandar dan mewujudkan peluang pelaburan.

Projek ini tidak dikategorikan sebagai projek terbengkalai. Sebarang pembangunan semula hendaklah dibincangkan bersama antara PBT dan kerajaan negeri. Kalau saya tidak silap

kawasan ini adalah di bawah kawasan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor. Lagi senang Yang Berhormat. Yang Berhormat telefon sahaja Yang Berhormat Gombak, selesai masalah. Tidak payahlah bawa ke Parlimen ini. Jadi saya minta supaya Yang Berhormat bawa kepada perhatian Yang Berhormat Gombak. Mana lagi ini?

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Menteri, *Leachate Treatment Plant* di Kepong.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Okey *Leachate Treatment Plant – that's a very good question*. Yang Berhormat, saya tidak mahu berdiri di sini dengan mengatakan bahawa *transfer station* di Taman Beringin itu beroperasi dengan baik. Saya akan menerima pandangan Yang Berhormat bahawa keadaan *transfer station* di Taman Beringin itu bukan berada dalam keadaan yang terbaik.

Akan tetapi apabila Yang Berhormat pergi ke situ, *Leachate* ataupun kajian yang dibuat oleh Yang Berhormat itu dengan laporan makmal itu adalah datangnya daripada *Leachate* yang keluar daripada jentera ataupun treler ataupun trak yang masuk ke dalam *transfer station* itu. *Not from the transfer station itself*. Masalahnya dalam pengurusan *transfer station* ini sudah beralih tangan banyak kali. *Very technical* Yang Berhormat.

Treler itu apabila *back up*, reverse pintu belakang itu tidak sama saiznya dengan pintu *compactor* itu. Maka apabila *compactor* itu masuk, tekan sampai masuk ke dalam *truck* maka air itu meleleh dan apabila ditutup pun pintu *truck* itu tidak tutup dengan betul. Ada banyak masalah teknikal dan apabila air itu jatuh, ia akan jatuh di atas lantai, permukaan tanah. Kemudian ia akan mengalir ke sungai. Saya bersetuju.

Oleh sebab itu saya telah mengarahkan satu tindakan segera dibuat untuk menyelesaikan semua masalah ini. Satu kertas Jemaah Menteri telah pun siap dan telah pun mendapat ulasan daripada Jabatan Peguam Negara dan semua jabatan-jabatan yang berkenaan akan saya bentangkan dalam masa seminggu dua ini. Selepas itu nanti peruntukan cukup, kita selesaikan *once and for all*.

#### ■1730

*I want Taman Beringin Transfer Station ini berfungsi seperti mana Yang Berhormat mahukan. But to say that kita tidak mahukan insinerator kerana leachate itu mengalir di situ, I think you have a valid reason but I don't think that should be the cause for us to delaying ataupun canceling the insinerator di Kepong itu.*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun]*

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Yang Berhormat mahu cakap lagi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, di penjelasan. Saya berharap Yang Berhormat dapat itu benar-benar meneliti masalah seumpama ini yang rumit. Adakah Yang Berhormat sedar dua kali sudah pihaknya sudah melantik syarikat untuk *Leachate Treatment Plant* dan dua-dua kali ini pun kali yang terakhir itu dua, tiga tahun yang lepas semua kilang *treatment plant* ini tidak berfungsi. Bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah itu peruntukan ataupun belanja kos itu yang dibelanjakan untuk kedua-dua cubaan ini?

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Ya, saya setuju Yang Berhormat kedua-dua syarikat itu tidak menjalankan tugas dengan baik. Oleh sebab itu saya terpaksa masuk campur dan memastikan ianya dapat diselesaikan. *There's another problem* Yang Berhormat dengan *transfer station ini*. *Transfer station* ini, sekarang ini diuruskan oleh sebuah syarikat dan syarikat itu gagal. Akan tetapi Alam Flora yang hantar sampah Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan ke situ, terpaksa berurusan dengan syarikat ini dan apabila syarikat ini gagal maka berpuluh-puluh lori Alam Flora itu tidak dapat masuk untuk membuang sampah ke situ untuk dicompactkan ke Bukit Tagar.

So, saya mempunyai pandangan bahawa untuk memastikan bahawa KPI dan prestasi Taman Beringin Transfer Station ini dapat diperbaiki. Saya mempunyai pandangan dan saya akan cadangkan supaya syarikat yang mengutip sampah itu juga diberikan kontrak untuk mengurus transfer station itu kerana mereka tidak boleh menggunakan prestasi yang buruk *transfer station* itu sebagai alasan tidak mendapat KPI mereka.

Sekarang ini apabila kita tanya kepada Alam Flora, “*Apa fasal you tidak angkat sampah?*”, dia akan katakan “*Macam mana saya hendak angkat sampah sedangkan sampah itu dibawa di Taman Beringin Transfer Station tidak dapat diuruskan dengan baik. I have to delay my lorries to go there*”. So, ada banyak sangat masalah dari segi urusannya. Jadi kita akan bagi satu kertas Jemaah Menteri pun sudah siap seperti mana saya katakan tadi untuk kita minta supaya ianya *seamless*. Saya pergi ke Germany baru-baru ini pun syarikat yang mengutip sampah adalah syarikat yang membuatkan *compaction* supaya mereka tidak gunakan alasan syarikat yang membuat *compaction* itu bermasalah, sebab itu kesannya kepada mereka kerana mereka mengutip sampah.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang Berhormat Menteri kenapa kontrak diberikan kepada syarikat yang berkenaan, adakah syarikat itu adalah Qurba Ventures Sdn. Bhd.?

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Yang Berhormat, *leachate treatment is not rocket signs, it is not rocket signs. You cannot come say to me, Oh, you have the international company to do that*, dengan izin. *It's a simple process. So, if you ask me to - kalau kita minta supaya syarikat yang bertaraf antarabangsa datang boleh, but it will cost us. But, yes I accept you. I accept the fact that they fail. So, I have to step in, I have to step in. It's not rocket signs* dan bukanlah perkara yang terlalu merumitkan sehingga kita katakan projek ini gagal, tidak. Projek ini masih beroperasi tetapi tidak pada tahap yang lebih baik.

Jadi Yang Berhormat saya harap, ini untuk Yang Berhormat Kapar tadi pemeriksaan kesihatan untuk anggota bomba dibuat sekali setahun, untuk makluman. Tuan Pengerusi, saya hendak beralih kepada satu lagi isu iaitu Jawatankuasa Perwakilan Penduduk.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kulai bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** *What is it about?*

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Rumah mampu milik, boleh? Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana tadi tidak sempat hendak ucap. Saya

hanya hendak tanya sedikit mengenai rumah mampu milik sama ada memang ada satu kuota untuk parti politik ditetapkan ataupun semua ini rumah kos rendah, kos sederhana dan mampu milik adalah ditawar kepada semua orang awam yang memerlukan. Ini kerana saya di sini ada sepucuk surat yang dikeluarkan oleh EXCO Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor kepada ADUN Yong Peng di Johor yang bertarikh 5 hari bulan November.

Di dalam surat ini beliau menyatakan bahawa untuk permohonan rumah kos rendah, kos sederhana mampu milik di negeri Johor dia ada dua jenis kuota. Satu adalah di bawah kuota parti politik iaitu UMNO, MCA dan MIC dan surat sokongan daripada ADUN Barisan Nasional adalah diperlukan. Manakala juga ada kuota untuk orang awam yang di mana tidak perlulah apa-apa surat sokongan daripada ADUN daripada Barisan Nasional.

Jadi saya hendak tanya adakah ini satu praktis di seluruh Malaysia dan sama ada Yang Berhormat Menteri setuju dengan praktis sebegini di mana satu kuota ditetapkan untuk parti politik. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Yang Berhormat, saya boleh katakan itu tidak berlaku di negara kita kecuali mungkin di Pulau Pinang. [Dewan riuh] Kalau saya boleh buat tuduhan tadi Yang Berhormat buat tuduhan pada Menteri lain.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Saya ada surat dari EXCO, saya ada surat dari EXCO.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Oleh sebab itu saya katakan...

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Mana ada, jangan buat tuduhan melulu.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Ya, saya faham.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Jangan buat tuduhan. Ini tuduhan yang salah.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** No, no, no Yang Berhormat duduk dahulu. Saya belum panggil Yang Berhormat. Duduk, duduk dahulu. *Sit down, sit down. [Dewan riuh] I'll give you a chance nanti kalau sudah selesai.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kita boleh bicara dengan tertib ya, Yang Berhormat.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Bawa bertenang, bawa bertenang.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Itu tuduhan jahat. [Dewan riuh]

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak payah gaduh Yang Berhormat. Duduklah, duduk.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Oh,oh...

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Ini tuduhan jahat.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Bawa bertenang. Ketua Menteri tidak ada di sini tidak payahlah hendak angkat, dia tidak ada di sini. *Don't worry about him.*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri, jaga-jaga ini ? Penang punya bos ini.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Ini tuduhan jahat. Mana boleh Menteri buat tuduhan jahat.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Apabila Yang Berhormat...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanjong, Yang Berhormat Tanjong duduk.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Yang Berhormat Tanjong terasa.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Oh, kalau Yang Berhormat setiap hari membuat tuduhan melulu kepada Ahli Parlimen Barisan Nasional ia boleh okey, tidak ada masalah? [Dewan riuh]

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** [Menyampuk]

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Tolonglah, You tidak payah *apple polish*la Yang Berhormat Bagan tidak ada di sini.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Apa Yang Berhormat Menteri cakap macam itu, standardlah Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** *Not with me.* Saya hendak beritahu. *No, no, no* itu kerajaan negeri punya hal saya tidak masalah dengan itu, saya juga PPR Yang Berhormat. Akan tetapi cadangan Yang Berhormat yang mengatakan bahawa hanya untuk UMNO, MCA itu sekali lagi Yang Berhormat tidak berlaku adil. *It is up to you to prove, why you asked me?*

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** *The letter is there, what?*

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** [Bangun]

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** *It's up you to prove. What does the letter is doesn't mean to me.* Kalau saya boleh beritahu kepada Yang Berhormat saya beritahu. Kalau saya beritahu kepada Yang Berhormat, kalau di Pulau Pinang 10,000 rumah yang dibina oleh Kerajaan Persekutuan tidak mendapat kelulusan sudah dekat dua tahun. *Why is not getting it?*

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** [Bercakap tanpa menggunakan pemberitaan] [Dewan riuh]

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** 10,000 rumah mampu milik kita buat tanah Kerajaan Persekutuan, duit Kerajaan Persekutuan, *why* Pulau Pinang tidak mahu meluluskannya itu, hanya kerana apa? Saya boleh cakap kerana politik, itu sahaja. *Very simple.*

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Kerajaan mesti faham ini pakai wang. Mana ada duit mahu buat.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Saya hanya minta pandangan daripada Yang Berhormat Menteri. Kalau Yang Berhormat Menteri bersetuju dengan apa yang dilakukan oleh Kerajaan Johor. Cakaplah di sini.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** *Don't play a game with me lah, don't play game with me.*

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** ...Saya akan bawa mesej ini balik ke Johor.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** *Don't play game with me.* Pulau Pinang, kerajaan DAP bermain politik. Bermain politik. [Dewan riuh]

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** ...Ini surat daripada EXCO, dari EXCO.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Yang Berhormat Menteri main politik.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** *No, no, no.*

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** ...Sekarang kalau saya akan rasa amat menghargai kalau Yang Berhormat Menteri bolehlah tegur EXCO ini yang menetapkan kuota untuk parti politik.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat. *No, no, no doesn't exactly. You go and ask.*

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** ...Kalau Yang Berhormat Menteri tidak percaya ambillah surat ini, saya tidak ada masalah.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** *I have no time.*

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** ...Minta tolong beri kepada Yang Berhormat Menteri biarlah sendiri baca.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Duduk Yang Berhormat. *I have no time of authority of the letter.* Saya tidak ada masalah. Saya tidak ada masa tetapi apa yang saya hendak beritahu yang saya tahu ialah 10,000 rumah mampu milik, duit Kerajaan Persekutuan, tanah Kerajaan Persekutuan, Pulau Pinang tidak bagi.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** RM1.8 juta, ini rumah mampu milikkah?

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Jadi Yang Berhormat Menteri pun tidak setuju dengan kuota parti politik inilah saya rasa.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** RM1.8 juta, macam mana hendak beli?

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Tuan Pengerusi, saya ditanyakan tentang Pertandingan Taman Bersih Negeri-negeri yang menerima pakai Akta 672.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Negeri punya bawa pergi negerilah! Apa ini. Ini Federallah.

*[Dewan riuh]*

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Yang Berhormat Kota Raja mengatakan tadi Pertandingan Taman Bersih kenapa tidak dibawa ke negeri-negeri pembangkang. Yang Berhormat terimalah Akta 672. Akta 672 ini bukan sahaja tidak diterima oleh Kerajaan Selangor dan Pulau Pinang tetapi juga tidak diterima oleh Perak, Sabah dan Sarawak. *It is no political agenda* Yang Berhormat. Jangan jadi macam Yang Berhormat Kulai, dia *every time* dia bangun mesti cerita fasal politik.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Izinkan saya Tuan Pengerusi. Saya tidak faham ialah pertandingan itu ialah pertandingan Taman Bersih. Kenapa, apa kena-mengena dengan Akta 672.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Ada, saya bagi contoh. Sebabnya Yang Berhormat ialah pertandingan itu adalah sebahagiannya untuk mengenal pasti pencapaian syarikat konsesi untuk membersihkan taman tersebut. So, *I cannot judge* - kementerian saya tidak dapat membuat pertandingan itu di luar kawasan Akta 672 dan pertandingan khusus untuk kawasan-kawasan yang dibersihkan oleh *concessioner*. Tidak apalah Yang Berhormat kita boleh buat yang lain lagi.

■1740

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Tidak, tidak, tidak make sense dengan izin. Ini sebab apa, kita membuat pertandingan taman bersih, jadi ia maknanya kerjasama antara penduduk dan sebagainya. Itulah insentifnya, tetapi sekiranya ini adalah untuk menentukan konsesi buat kerja atau tidak, kenapa perlu ada pertandingan. Pantau dia saja.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Tidak apalah Yang Berhormat. Akan tetapi saya faham Yang Berhormat kata, tetapi ini hanya untuk melihat pencapaian KPI concessionaires dengan juga Taman Beringin.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, *four minutes* Yang Berhormat.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Okey, siapa yang penting ini? Sekejap. Yang Berhormat Rantau Panjang selesai.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Saya belum jawab lagi.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Apa Yang Berhormat?

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Yang berkaitan dengan hubungan G2G dengan Thailand dan...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Itu satu soalan yang baik.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Berkaitan elauan kepada bomba untuk banjir.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Elauan saya tidak ada jawapan sekarang. Akan tetapi satu soalan yang menarik daripada Yang Berhormat ialah kenapa balai bomba, kereta bomba daripada Thailand tidak boleh masuk ke Malaysia. Itu kena tanya kepada Ketua Pengarah sayalah. Kalau tidak sempat jawab itu, sebab mungkin kena tanya dengan Kementerian Luar Negeri itu sama ada boleh masuk atau tidak. Kalau kata betul-betul di sempadan, saya kira tidak...

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Ya, kebakaran berlaku di pekan Rantau Panjang dan melibatkan lot kedai yang begitu banyak. Bahaya dan sempadan hanya dekat sangat dengan Thailand. Seharusnya perkara ini diselesaikan.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Saya faham. Saya bawa dalam *post Cabinet* nanti, satu cadangan yang baik daripada Yang Berhormat, apakah boleh...

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Dan minta elauan untuk banjir, latihan khusus kepada anggota bomba berkaitan dengan banjir.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Hari ini saya bagi lima markah kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat Kulai saya tetap bagi, bagi dua setengah saja. *[Dewan riuh]* Nanti saya bawa dalam *post Cabinet* Yang Berhormat. Sekejap. Okey, yang lain-lain itu agak... *[Disampuk]* Ya, ya, saya boleh beri. Saya hendak lihat mana yang besar.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** *Schedule waste*, sisa berjadual Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** *What's the question?*

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Selepas pengasingan di punca, apa yang akan di guna...

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Kualiti Alam. Akan diberikan kepada Kualiti Alam. Akan tetapi cadangan Yang Berhormat sama ada kementerian saya akan mewujudkan lagi tempat pelupusan sisa berjadual ataupun *schedule waste* ini satu idea yang baik tetapi saya rasa akta ini di selenggarakan oleh NREkah? *But it's not*, Kualiti Alam bukan di bawah saya. Di mana?

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Jabatan Alam Sekitar, di bawah alam kualiti.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Akan tetapi *good question*. *It can allow us to set up one*. Untuk kita tidak ada masalah. *But if not, then NRE can do it*. Sekejap Yang Berhormat. Mana ada berita gembira ini. Sekejap. *[Disampuk]* Sekejap Yang Berhormat, sekejap saja. Ada satu tentang projek ini. Yang Berhormat Sibuti sudah bukan tadi? Yang Berhormat Sibuti sudah. Tarikh iklan tender 27 November 2014, siap nanti tahun depan *insya-Allah* Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Beluran sudah pinda.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Yang Berhormat Beluran sudah diberi. Okey, saya rasa saya ada dua minit lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Satu minit Yang Berhormat. Kena baca lagi ini.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** *[Ketawa].* Yang Berhormat Sungai Siput. *I think you are very passionate person* dengan izin. *I was listening to you just now* dengan satu pandangan yang begitu tajam kepada saya. Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat, IWK ini bukan di bawah kementerian saya *but*, tetapi atas keprihatinan Yang Berhormat walaupun Yang Berhormat bukan daripada Barisan Nasional, *you write to me, I will try to help you* dengan memberikan peruntukan kepada PBT untuk menyelesaikan sebahagian daripada masalah Yang Berhormat. *Because the way you* bercakap tadi itu dengan *passion*. Jadi saya sebagai Ahli Parlimen, Menteri daripada Barisan Nasional, kita dengar pandangan dan juga cadangan daripada Ahli Parlimen pembangkang yang *passionate*, yang tidak berpolitik, tidak ada kepentingan. Dengan melihat gaya cakap Yang Berhormat pun tadi, saya amat bergembira dengan... *[Disampuk]* Baik kita bagi, tidak ada masalah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan:** Jadi terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan. Saya ada banyak lagi isu dan saya akan bagi secara bertulis. Saya berharap Yang Berhormat-Yang Berhormat terus memberikan sokongan kepada kementerian saya untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dan saya juga sampaikan kirim salam Timbalan Menteri saya juga yang berada di sini kepada tuan-tuan Ahli Yang Berhormat sekalian. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM2,556,521,800 untuk Maksud B.431 di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan tempatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM2,556,521,800 untuk Maksud B.43 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengurus [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM2,015,051,400 untuk Maksud P.43 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2015 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM2,015,051,400 untuk Maksud P.43 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2015]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Isnin, 24 November 2014.

*[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.46 ptg]*